

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 11

Rabu

23 Mac 2011

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 30)
Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong – <i>Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah (Jasin)</i>	(Halaman 30)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 23 Mac 2011

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah pihak kementerian menghadapi masalah untuk meluluskan Permohonan Taraf Kewarganegaraan di Bawah Perkara 15A (Keadaan Khas bagi Kanak-kanak di Bawah Umur 21 Tahun) Perlembagaan Persekutuan; dan
- (b) berapa ramaikah permohonan ini yang telah diluluskan oleh pihak kementerian baru-baru ini.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan,

- (a) Sehingga kini kementerian tidak menghadapi masalah dalam memproses permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia selagi mana permohonan tersebut lengkap dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan yang jelas menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan boleh dalam apa-apa hal keadaan khas yang difikirkan patut menyebabkan mana-mana orang yang di bawah umur 21 tahun didaftarkan sebagai warganegara.

Bagi kes-kes yang meragukan di mana sesuatu perkahwinan didaftarkan setelah kelahiran seseorang kanak-kanak berlaku, kementerian mengguna pakai keputusan ujian sampel DNA bagi mengesahkan pertalian darah untuk membuktikan hubungan di

antara ibu bapa dengan kanak-kanak tersebut. Keadaan ini adalah bagi membantu kementerian untuk membuat keputusan yang lebih tepat memandangkan taraf kewarganegaraan Malaysia adalah merupakan anugerah tertinggi kerajaan kepada mana-mana individu. Walau bagaimanapun, prosedur dan peraturan pemprosesan permohonan taraf kewarganegaraan yang sedia ada tetap digunakan.

- (b) Jumlah permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A sejak tahun 2007 sehingga 2009 yang diluluskan pada tahun 2010 adalah sebanyak 3,042 permohonan. Kementerian melalui Jabatan Pendaftaran Negara telah mengadakan *outreach program* dengan menubuhkan unit khas bergerak (UKB) di Sabah dan Sarawak bagi mengatasi masalah ketiadaan dokumen pengenalan diri di kalangan penduduk khususnya masyarakat pedalaman.

Pada tahun 2010, UKB Sarawak telah melaksanakan sebanyak 58 program manakala bagi tahun ini, UKB Sarawak telah merancang sebanyak 78 program. Pelaksanaan UKB ini ditempatkan di lima zon iaitu di Kuching, Betong, Miri, Bintulu dan Kapit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun ini, sebanyak 11 program UKB akan dilaksanakan di zon Bintulu yang melibatkan Daerah Tubau, Belaga, Tatau, Mukah, Selagau dan Sebau.

Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya bagi soalan tambahan, saya ingin mengalu-alukan kedatangan rombongan Komuniti Bestari Sebazau dari Bintulu... [*Tepuk*] Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan yang diberikan.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, saya telah dimaklumkan bahawa ramai ahli keluarga yang kecewa kerana pihak kementerian tidak meluluskan permohonan di bawah Perkara 15A sedangkan mereka telah menjaga anak-anak ini sejak kecil lagi dan ada yang sejak dilahirkan sehingga dewasa.

Begitu juga contoh taraf kewarganegaraan bagi kaum Iban, mereka sampai hari ini yang sudah dua generasi ada juga yang belum dapat lagi taraf kewarganegaraan. Apa yang paling sedih ialah bagi mereka yang hendak melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti. Saya pernah didatangi ibu bapa dan murid-murid yang datang berjumpa dengan saya. Walaupun dia kata dia mendapat keputusan cemerlang *straight 'A'* tetapi dia tidak dapat masuk universiti sebab masalah dia tiada kad pengenalan ataupun surat beranak tidak ada. Begitu juga masalah ada rakyat yang didapati belum mendapat taraf kewarganegaraan, dia pun memegang Mykad Merah. Apabila dia pergi mencari kerja pun susah dapat sebab banyak *employer* yang tidak berminat. *So*, sejauh manakah mereka hendak pergi?

Jadi soalan tambahan saya ini, adakah pihak kementerian mempunyai keadaan tertentu atau syarat-syarat tertentu untuk mempercepatkan proses dan meluluskan permohonan di bawah Perkara 15A atas kuasa Yang Berhormat Menteri dan juga masalah taraf kewarganegaraan bagi kaum Iban di seluruh Sarawak? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya kerajaan serta saya sendiri begitu simpati dengan permohonan-permohonan yang kadang-kadangnya ditolak.

■1010

Ada juga kes-kes di mana anak-anak kita ini cuba masuk sekolah tetapi tidak ada langsung sijil-sijil pengenalan diri bukan sahaja sijil kewarganegaraan atau Mykad dan sebagainya tetapi banyak perkara juga tertakluk kepada undang-undang dan perlembagaan dan walaupun menteri mempunyai kuasa, kuasanya juga tertakluk kepada perlembagaan dan undang-undang yang sedia ada. Apa yang kerajaan telah janjikan kepada rakyat sebelum ini ialah untuk memastikan sekurang-kurangnya permohonan yang dibuat dapat diselesaikan dengan secepat mungkin. Kes-kes yang tertunggak mesti diproseskan dan jumlah untuk taraf kewarganegaraan Yang Berhormat, bukanlah jumlah yang kecil. Untuk tahun 2009 sahaja, permohonan yang telah pun kita proses dan selesai diproseskan berjumlah 32,927 permohonan, dan di tahun 2010, jumlah yang diproseskan 29,677 permohonan. Jumlah yang begitu besar yang dapat kita selesaikan dalam jangka masa yang disasarkan di bawah KPI kementerian supaya sekurang-kurangnya tidak ada kes-kes yang tertunggak di dalam kementerian kita.

Ini perkara yang kita rasa perlu dihargai dan difahami oleh orang ramai. Bukan nak diluluskan tetapi sekurang-kurangnya orang yang memohon tadi mampu, tahu status permohonan mereka dan ini telah pun kita lakukan. Maka sekarang kerajaan seperti permintaan Yang Berhormat tadi ialah untuk melihat bagaimana kita dapat memastikan kejayaan itu dibina dengan nilai tambah yang berterusan.

Kes 15A ini memerlukan bukan sahaja bukti pendaftaran perkahwinan tetapi juga memerlukan kesahihan anak yang berkenaan dilahirkan hasil daripada perkahwinan tersebut dan kes-kes di pedalaman malangnya bukan sahaja sijil perkahwinan, sijil kelahiran, kad pengenalan semuanya tidak ada bersama dan nilai tambah yang kita nak lakukan sekarang seperti jawapan asal saya awal tadi ialah memperluaskan daripada menyelesaikan masalah yang ada di kementerian, kita *outreach* termasuk di kawasan dan zon Yang Berhormat Bintulu juga.

Melalui *outreach* ini, kita harap dapat kita mempermudah sedikit sebanyak mereka yang memerlukannya dan sedang rintis sekarang untuk pengesahan kelahiran dan perkahwinan. Kemungkinan tuai rumah, ketua kampung, penghulu dan pemimpin-pemimpin masyarakat yang lain yang bertanggungjawab memberikan syor kepada kita untuk memastikan bahawa dengan syor dan jaminan itu, kita boleh mula memproseskan supaya anak-anak kita ini tidak terpinggir daripada sistem persekolahan.

Saya Menteri Pelajaran lima tahun Yang Berhormat, memang itulah satu perkara yang saya ambil berat sangat tetapi KDN hari ini tak tunggu lagi permohonan datang. Kita keluar, dan kita *outreach* dan ini telah pun dibuktikan dengan angka-angka yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat menteri. Tadi Yang Berhormat kata nak *clear* untuk kurangkan *backlog case*. Saya menyambut baik tindakan tersebut untuk mencapai KPI tapi saya rasa ada sedikit masalah pendekatan yang terpakai. Capai KPI tunggakan kes bermaksud pemohon dimaklumkan bahawa kedudukan statusnya. Itu tidak memadai sebab kes-kes yang saya kendali di mana mereka dimaklumkan bahawa permohonan di bawah 15A, bahawa permohonan anda gagal. Sila pohon selepas setahun kemudian tanpa diberi sebarang alasan dan bagi pihak kementerian, ini telah mencapai KPI, sebab ini kes kita telah maklumkan, telah tolak. Seolah-olahnya tidak mempertimbangkan atau memaklumkan, apakah sebab

mereka tidak mematuhi syarat-syarat yang dicatatkan atau yang ditetapkan oleh pihak kementerian.

Baik sebab hari ini saya dengar daripada Yang Berhormat Menteri bahawa akan memberi mereka melalui proses ujian DNA tapi sebelum ini tiada. Jadi saya rasa setakat untuk capai KPI, memaklumkan keputusan mereka, tanpa memberi alasan mengapa mereka gagal, itu tidak mencukupi, sebab pemohon tidak tahu di mana kekurangan dokumennya, apa sebab permohonannya ditolak dan kes-kes yang saya nyatakan ini kes *genuine*. Anak telah berumur empat, lima tahun. Saya bersetuju mereka telah daftar perkahwinan lewat tapi mereka telah selepas itu perkahwinan mereka ada dua, tiga orang anak kemudiannya yang merupakan Warganegara Malaysia. Jadi mengapa mahu meletakkan suami isteri ini kerana kelewatan mendaftar perkahwinan mereka lebih awal, dengan isteri asing mereka itu, proses yang begitu menyulitkan mereka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Begitu risau mengapa anak pertama ada *citizenship* ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein: Yang dibangkitkan tadi ialah isu berhubung kait dengan nak memaklumkan sebab-sebab ianya ditolak dan ini saya dah nyatakan dalam sesi Dewan dahulu bahawa ini memang satu perkara yang sedang kita fikirkan tetapi sebelum ini pun kalau mereka datang berjumpa, ditemu duga dan dimaklumkan, kita telah nyatakan kepada mana-mana pihak yang mahu dengar, dan di sini kalau Yang Berhormat mempunyai maklumat-maklumat atau memerlukan butiran, sebelum ini saya tak pernah tolak dan tidak pernah siasat untuk menyampaikan dan memanjangkan hasil daripada siasatan saya. Cuma daripada segi bagaimana kita dapat memastikan nilai tambah itu dapat memenuhi semua kehendak dan permintaan dan alasan yang diperlukan, ini sedang dikaji dan diteliti. Itu satu.

Kedua, yang berhubung kait dengan kelonggaran syarat dalam memberikan hak kewarganegaraan dengan sewenang-wenangnya, itu bukan satu perkara yang Menteri boleh lakukan dengan kuasanya sendiri. Ia tertakluk kepada Perlembagaan dan dalam konteks dunia yang semakin mencabar hari ini, dalam konteks globalisasi dan dunia yang tanpa sempadan, kalau sekiranya ada kes-kes tertentu yang menyalahgunakan sistem kita yang ada ini untuk membawa bersama jenayah-jenayah yang agak serius yang ada kaitan, penyeludupan dadah, penyeludupan bayi dan penyeludupan senjata, ada kaitan dengan *money laundering* dengan izin, ada kaitan dengan keganasan, ini

semua ada kaitan dalam konteks keselamatan negara dan itu tak boleh kita ambil mudah dalam kita nak mempercepatkan dan memastikan bahawa proses ini efisien, dan sampai kepada sasaran yang kita harapkan.

Saya harap semua Wakil Rakyat memahami dan cuba mengimbangi kehendak rakyat dan proses yang sedia ada tetapi juga *complexity* dengan izin, isu-isu keselamatan dunia yang semakin sempit pada hari ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak melihat Yang Berhormat Kota Raja untuk soalan nombor dua.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Bagi pihak tak boleh..., bagi pihak?

[Soalan No.2 – YB. Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja) tidak hadir]

3. Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan] minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang tidak dituntut, mengikut pecahan negeri dan sejak bila; dan
- (b) berapa lamakah tempoh yang diberikan sebelum dana tersebut dilupuskan. Di manakah wang tersebut disalurkan dan bagaimana ia dibelanjakan.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, caruman KWSP dikira tidak dituntut setelah pencarum melebihi umur 75 tahun, iaitu umur pencaruman tidak diterima lagi oleh KWSP. Jumlah caruman yang tidak dituntut daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja setakat 31 Disember 2010 bagi ahli berumur 75 tahun ke atas adalah sebanyak RM377.8 juta dan melibatkan seramai 188,733 ahli. Maklumat pencaruman mengikut negeri adalah tidak lengkap memandangkan rekod pencaruman yang terdahulu tidak mempunyai maklumat negeri. Umpamanya daripada 188,733 pencarum yang berumur 75 tahun di atas, hanya 1960 orang sahaja yang boleh dikenal pasti mengikut negeri. Mereka adalah seperti berikut:

■1020

Negeri	Jumlah (Orang)
Johor	124
Kedah	101
Kelantan	26
Melaka	33
Negeri Sembilan	43
Pahang	76
Perak	141
Pulau Pinang	148
Sabah	236
Sarawak	371
Selangor	340
Terengganu	41
Wilayah Persekutuan	280

Caruman ahli disimpan dalam akaun KWSP sehingga ahli berumur 80 tahun iaitu lima tahun selepas ahli tidak mencarum dengan KWSP. Setelah ahli mencapai umur 80 tahun, caruman tersebut akan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut selaras dengan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.

Walau bagaimanapun, sekiranya ahli atau waris ingin membuat tuntutan caruman selepas caruman tersebut dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut, KWSP akan membantu dengan mengeluarkan dokumen dan maklumat sebagaimana prosedur tuntutan yang ditetapkan oleh pihak Pendaftar Wang Tidak Dituntut. Terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab soalan yang begitu jelas. Soal tuntutan, banyak mungkin kes-kes yang sukar dapat diuruskan kerana orang-orang tidak berminat lagi, kerana syarat yang diberi atau diminta oleh pegawai-pegawai itu amat ketat sekali. Saya beri satu kes. Kes ini adalah semenjak 2005. Ia melalui proses mahkamah dan baru-baru ini mendapat perintah mahkamah.

Perintah mahkamah itu tidak *recognized* oleh pegawai KWSP dan juga meminta dokumen-dokumen yang tertentu seperti *statutory declaration*, tarikh lahir, akaun. Apabila melihat nama dalam IC, dalam KP dan nama dalam tuntutan itu

berlainan, maka di situlah timbulnya masalah. Dia minta bank yang diberi tidak diiktiraf oleh kerajaan. Jadi, diminta membuka akaun baru. Apabila membuka akaun baru, diminta lagi *statement of account*. Jadi, inilah satu dasar yang dilaksanakan oleh pihak kementerian?

Kes-kes macam ini seolah-olah, orang cakap pegawai-pegawai ini ejen daripada pembangkang. Sengaja membinasakan, membantutkan usaha kerajaan terhadap Gagasan 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Jadi, soalnya... [Disampuk] Biarlah saya dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, peraturan mesyuarat *applies to all* Yang Berhormat. Tidak payah berucap panjang.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini soalan, soalan. Jadi, adakah ini dasar baru yang dilaksanakan oleh pihak kementerian? Sebab ada seorang pegawai terlibat dengan kes ini dia minta *service tax* untuk boss dia. *Service tax* untuk apa ataupun dia kata, mesti mahu bayar 'KY'. Saya pun tidak faham apa 'KY' ini? Adakah ini polisi baru kerajaan. Saya minta penjelasan daripada pihak kementerianlah. Kalau pegawai ini sengaja mahu melemahkan baguslah...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Mana ada soalan macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Kementerian berilah mereka kerja pergi ke tandas-tandas awam. Ini tidak baik kepada kerajaan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa masalah spesifik seperti ini elok kita selesaikan berdasarkan maklumat yang boleh diberi kepada saya supaya saya dapat meneliti dengan sepenuhnya. Kita lihat sama ada apa yang dikatakan oleh pegawai itu betul-betul dia kata atau tidak. Jadi, maklumat ini kena beri.

Saya tidak boleh beri jawapan berdasarkan apa yang telah dikatakan oleh seorang pegawai. Tidak payah baca. Bagi saya nanti saya beri jawapan yang lengkap. Terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin kemukakan satu soalan tambahan, iaitu mengenai tuntutan simpanan pencarum sendiri kerana tidak mampu bekerja dan bayaran ilat. Adakah pengesahan KWSP mesti datang daripada doktor panel sendiri dan doktor hospital kerajaan tidak boleh diterima? Ini kerana di Melaka bahawa doktor pakar kerajaan tidak diterima dan mereka berpandu

kepada *panel doctor* KWSP sendiri. Saya minta satu penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Ya, saya kira yang disampaikan oleh hospital kerajaan itu biasanya dalam urusan kerajaan sudah boleh diterima. Jadi, kalau pengesahan yang perlu dibuat oleh panel KWSP mungkin ini satu pengesahan tambahan. Apa pun kalau boleh, kalau ada kes spesifik Yang Berhormat boleh beri supaya kita menelitinya dan mengambil tindakan yang sewajar terhadapnya. Lebih senang daripada kita menjawab secara umum, kita hendak tengok apa penyakitnya, apa sebabnya. Kalau masih diperlukan kepada panel KWSP untuk menilainya kerana kebiasaannya pakar daripada hospital kerajaan itu sepatutnya sudah mencukupi. Terima kasih.

4. Puan Fuziah Salleh [Kuantan] minta Menteri Pengangkutan menyatakan, mengapakah Lembaga Pelabuhan Kuantan hanya dapat menempatkan sebuah kilang sahaja pada tahun 2009 iaitu First Bitumen Sdn. Bhd. sedangkan pelbagai usaha pemasaran telah dibuat dan peruntukan telah dibelanjakan dengan menghadiri pameran antarabangsa (Laporan Lembaga Pelabuhan Kuantan adalah dirujuk)

Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat sememangnya pihak Lembaga Pelabuhan Kuantan telah berusaha untuk memasarkan *Kuantan Port Industrial Zone II* berkeluasan 48.6 hektar dan setakat ini terdapat dua pelabur yang telah memajak tanah tersebut iaitu Golden Century Synergy Sdn. Bhd. memajak 3.3 hektar.

Pada tahun 2009 First Bitumen Sdn. Bhd. memajak 1.1 hektar. Untuk makluman Yang Berhormat juga, *Kuantan Port Industrial Zone I* yang mempunyai 200 hektar, 95 peratus atau 190 hektar daripadanya telah pun dipajak kepada 58 buah syarikat. Sebenarnya, terdapat banyak *inquiry* terhadap zon industri ini. Akan tetapi disebabkan kelembapan ekonomi global pada tahun 2008 dan 2009, maka pelabur yang bersedia membuat pelaburan telah terjejas.

Kebanyakan *inquiry* adalah dari pelabur bio diesel, tetapi memandangkan harga komoditi kelapa sawit meningkat tinggi menyebabkan industri bio diesel kurang berdaya maju dan telah menyebabkan usaha membawa masuk pelaburan kurang berhasil. Tambahan pula zon industri di pelabuhan ini hanya dikhususkan dan dihadkan kepada syarikat yang melabur berasaskan eksport. Bagaimanapun, usaha untuk mempromosikan akan diteruskan dan diharap akan membuahkan hasil. Terima kasih.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengalu-alukan segala usaha untuk membangunkan Pelabuhan Kuantan kerana ia akan membantu pembangunan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan infrastruktur tambahan.

Memandangkan bahawa Kilang Liners yang akan memproses bahan yang mengandungi radioaktif akan dibawa daripada Australia melalui Pelabuhan Kuantan ke Gebeng, saya ingin bertanya bagaimana persediaan yang dibuat oleh Pelabuhan Kuantan dari segi infrastruktur untuk memastikan bahawa ianya selamat, laluan bahan itu selamat supaya ianya tidak mencemari alam sekitar.

■1030

Saya ada baca berkenaan banyak insiden yang berlaku di Pelabuhan New York contohnya apabila ada kapal yang mengandungi bahan radioaktif pun tidak dibenarkan lalu walau dekat dengan pelabuhan. Sekarang ini kita dalam keadaan di mana kita kalau diberikan lesen kepada Lynas nanti maka akan berlaku keadaan di mana laluan itu daripada pelabuhan ke Gebeng membawa bahan radioaktif ini. Apa dia infrastruktur tambahan yang akan dibina di Pelabuhan Kuantan untuk menangani keadaan itu? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat Kuantan, untuk makluman Yang Berhormat, saya tidak ada maklumat berkaitan penubuhan syarikat ataupun kemasukan syarikat yang melibatkan penggunaan radioaktif tersebut. Akan tetapi sekiranya ini memang berlaku bahawa banyak agensi yang terlibat dalam bidang ini khususnya agensi pelesenan nuklear dan di bawah Kementerian Sains, juga *Department of Environment* akan terlibat dalam membuat keputusan terhadap kelulusan satu-satu industri. Saya percaya pihak kerajaan akan menimbang segala perkara untuk kepentingan masyarakat dan juga kepentingan alam sekitar dan pihak *Kuantan Port* akan *accommodate* terhadap *request* yang akan diberikan itu.

5. **Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah kerajaan berhasrat menggubal suatu akta bagi membolehkan pendakwaan ke atas pengganas lanun yang ditangkap sama ada di perairan tempatan mahupun antarabangsa dilaksanakan memandangkan perundangan sedemikian tiada sekarang ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: *Walaikummussalam*. Tuan Yang di-Pertua, perbuatan pelanunan ataupun *acts of piracy* yang merupakan suatu jenayah yang dilakukan di laut lepas atau dengan izin,

high seas bukan suatu jenayah khusus di Malaysia pada masa ini. Oleh yang demikian tindakan sedang diambil untuk memperkukuh rangka perundangan Malaysia untuk menangani pelanuran secara khusus sebagai mana yang ditakrifkan di bawah Perkara 101 – *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982* ataupun UNCLOS, serta jenayah keselamatan maritim lain yang berkaitan.

Untuk membolehkan Malaysia menuntut bidang kuasa atas kesalahan-kesalahan tersebut khususnya kesalahan yang dilakukan di laut lepas, undang-undang yang dicadangkan perlu diberi bidang kuasa luar wilayah atau dengan izin, *extra territorial jurisdiction* selaras dengan prinsip undang-undang antarabangsa yang terpakai. Buat masa ini Majlis Keselamatan Negara sedang memperhalus rang undang-undang yang dicadangkan. Rang undang-undang tersebut disasarkan pembentangnya di Parlimen pada Mesyuarat Kedua Parlimen tahun ini.

Selanjutnya untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia mempunyai pelbagai undang-undang jenayah yang boleh terpakai untuk menangani perbuatan jenayah maritim. Oleh yang demikian jenayah maritim seperti rompakan di laut atau dengan izin, *robbery at sea* yang dilakukan di Zon Maritim Malaysia sudah boleh ditangani dan didakwa di bawah undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan iaitu Akta 574. Selain itu seksyen 127(a) Kanun Tatacara Jenayah iaitu Akta 593 memperuntukkan bahawa apa-apa kesalahan yang diperakukan oleh Peguam Negara sebagai suatu kesalahan yang memberi kesan ke atas keselamatan Malaysia boleh diuruskan seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan dalam mana-mana tempat dalam Malaysia.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertamanya saya mengucapkan tahniah kerana perancangan untuk menggubal undang-undang tersebut dan di sini juga kita ingin merakamkan tahniah kita kepada para komando daripada pasukan khas laut dan juga daripada 21 grup gerak khas atas tindakan pantas mereka.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri. Pertamanya, adakah undang-undang yang kita bakal gubal ini *all-encompassing*, menyeluruh seperti mana Perkara 18 – *United States Code* di Amerika Syarikat yang dengan izin, menyatakan; “*Whoever, on the high seas, commits the crime of piracy as defined by the law of nations, and is afterwards brought into or found in the United States, shall be imprisoned for life.*” Jadi undang-undang itu *all-encompassing*. Jadi tiada masalah bila ada keadaan seperti MT Bunga Laurel, Panamian-flagged, Japanese-owned, Filipino-crewed, Malaysian-

chartered, Singapore-bound tanker. Jadi merumitkan dan memberi masalah kepada kita untuk mendakwa mereka. Itu soalan yang pertama.

Keduanya, apakah tindakan kita sekiranya tindakan lanun ataupun keganasan lanun ini berlaku bukan di laut lepas tetapi di dalam sempadan perairan negara-negara tertentu? Contohnya di Teluk Eden ini ada banyak kes lanun yang berlaku dan sekiranya kes ini berlaku dalam sempadan perairan negara-negara Afrika Timur (*East Africa*), apakah kita ada memorandum dengan negara-negara seperti Kenya, Seychelles ataupun mana-mana negara Afrika Timur apabila kes lanun itu ataupun serangan lanun itu berlaku dalam perairan negara-negara tersebut dan bukan di laut lepas. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Satu-satunya negara yang telah pun mengambil tindakan terhadap lanun-lanun Somalia atau mana-mana lanun adalah negara Amerika. Mereka telah berjaya membawa lanun-lanun ini balik ke Amerika kemudian didakwa di mahkamah dan didapati bersalah dan dihukum. Jadi bagi soalan pertama itu apa yang telah Yang Berhormat sebut sama ada apa yang kita hendak rangka selepas ini merupakan satu *all-encompassing* akta. Jawapannya ya, sudah tentu dan sudah tentulah akta yang ada di Amerika itu akan merupakan rujukan kepada kita apabila kita menggubal rang undang-undang berkenaan dengan perkara ini.

Keduanya, berkenaan dengan bukan dalam perairan laut lepas, *on the high seas* itu merupakan sememangnya satu perkara juga yang kita harus mengambil kira kerana kadangkala kita perlu tahu lanun-lanun ini bukan lanun-lanun seperti zaman tahun 1700 dahulu. Lanun-lanun ini sebenarnya lanun-lanun cerdik. Ia mungkin akan mengambil kira *territorial waters* dan kalau apa yang berlaku dalam kawasan *territorial waters* dan tidak dianggap sebagai *high seas*, mungkin kita mempunyai masalah di situ. Jadi walau bagaimanapun kita akan merujuk kepada UNCLOS dan juga kita akan mengambil kira resolusi yang telah diberikan oleh United Nations yang bercakap tentang *any illegal act of violence or detention*, keputusan akan dibuat oleh *Security Council*.

Saya kira apa yang diputuskan oleh *Security Council* itu membolehkan kita mengambil tindakan sekali pun ianya berlaku dalam kawasan *territorial waters of certain nation* seperti Yang Berhormat sebut tadi di Afrika. Saya kira writ yang dikeluarkan oleh *Security Council* membolehkan kita untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana lanun yang melakukan perbuatan kelanangan ini dalam kawasan *territorial waters* kita.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya merujuk kepada aspek *all-*

encompassing, dimensi yang menyeluruh. Bila bercakap selain daripada akta yang wajib digubal, saya ingin melihat kepada aspek unit sokongan di bawah Tentera Laut Diraja Malaysia. Saya fikir kalau kita fokus kepada undang-undang sahaja tidak mencukupi, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju mengambil kira mewujudkan satu jawatankuasa pilihan untuk menilai semua pembelian yang berkait dengan Tentera Laut Diraja Malaysia supaya apa-apa sahaja yang diluluskan itu khususnya contoh seperti *Littoral Combat Ships*.

■1040

Maaf,saya bukan seorang pakar, yang diberi menerusi RM6 bilion kerana pada tahun 1997 Tentera Laut Diraja Malaysia sendiri merungut, katanya spesifikasi diberikan kepada syarikat terpilih tidak boleh diterima pakai. Jadi saya pohon Yang Berhormat Menteri kalau boleh ambil kira sendiri kewujudan satu jawatankuasa pilihan supaya unit sokongan di bawah Tentera Laut Diraja Malaysia ini, *support services* dapat membantu keselamatan perairan kita secara keseluruhannya. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya lihat daripada unit sokongan kita adalah mencukupi kerana lanun yang kita tangkap di *hi seas* yang telah menyerang kapal kita, itu bukan menggunakan Unit Sokongan Amerika Syarikat, Perancis ataupun Britain, itu kita punya tentera sendiri seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Rembau sebentar tadi, kita memberikan penghargaan kepada...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tidak, kerana itu peralatan terbaik Yang Berhormat....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terbaiklah itu kalau boleh tangkap orang atas *high seas*....

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: *Foreign powers* ya. Tolong jangan buat tuduhan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Maknanya unit sokongan itu baguslah fasal Yang Berhormat bercakap tentang unit sokongan, kononnya ada kelemahan tetapi yang ditangkap lanun di *high seas* itu bukan Unit Sokongan Amerika, itu Malaysia punya. Jadi tidak betullah kenyataan Yang Berhormat sebut itu. Saya kira kalau yang menangkap itu kita bergantung kepada unit sokongan, katakanlah *special squad* daripada Britain, *special squad* daripada Amerika Syarikat mungkin itu sebagai satu bukti mengatakan unit sokongan kita tidak bagus tetapi yang tangkap ini tentera kita. Sudah baguslah. Jadi kenyataan tidak betullah Yang Berhormat.

6. Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang] minta Menteri Kewangan menyatakan, rasionalnya kerajaan hendak menjual RM90 bilion bon untuk tujuan membayar hutang (RM49 bilion) dan peruntukan untuk mengurangkan defisit 2011 (RM45 bilion).

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Dr. Awang Adek Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, adalah menjadi amalan biasa pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan bertujuan untuk membayar balik hutang sedia ada dan juga membiayai defisit. Bagi tahun 2011, jumlah pinjaman Kerajaan Persekutuan dijangka berjumlah RM96.3 bilion. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM50.4 bilion ialah untuk bayaran balik hutang sedia ada, dan bakinya sebanyak RM45.9 bilion bagi pembiayaan defisit.

Dari segi sumber pinjaman, kerajaan memberi keutamaan kepada pinjaman dalam negeri kerana terdapatnya kecairan mudah tunai yang tinggi di pasaran domestik dan kos pinjaman juga adalah lebih murah. Kerajaan terus mengamalkan pengurusan hutang yang berhemah untuk memastikan jumlah hasil negara lebih daripada mencukupi bagi menampung perbelanjaan mengurus. Ini bermakna rasional kerajaan meminjam adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan.

Kedudukan kewangan negara akan terus dirancang, dipantau dan dikawal dengan baik dan bertanggungjawab melalui peningkatan sumber hasil dan perbelanjaan yang berhemah. Kerajaan Persekutuan akan memastikan pinjaman hanya digunakan untuk perbelanjaan pembangunan yang akan memberikan pulangan kepada negara dalam tempoh jangka masa panjang. Terima kasih.

Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan kepada penyata akaun memorandum hutang awam, dalam dan luar negara untuk tahun berakhir Disember 2010 yang mencatatkan jumlah keseluruhan RM447 bilion, dan sekiranya diambil kira hutang rumah tangga, jumlahnya akan mencatatkan lebih kurang RM1 trilion dan hutang rumah tangga ini adalah di antara tertinggi di dunia dari segi peratusnya.

Apakah jangkaan pihak kementerian terhadap usaha mengurangkan kadar defisit dan akan berjaya dengan formula tadi? Iaitu kita mengeluarkan bon untuk membayar dan mengurangkan defisit dan juga kemampuan Bahagian Kawalan dan Pemantauan kementerian untuk memastikan pengurusan bon dengan cara yang baik khususnya bagi bon yang diberi kepada syarikat-syarikat kerajaan yang tertentu. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya sedikit pembetulan. Penerbitan bon bukannya untuk mengurangkan defisit. Penerbitan bon ialah untuk membiayai defisit. Jadi soalan Yang Berhormat itu silap, dalam soalan asal pun silap tetapi saya tidak hendak timbulkanlah tetapi kalau sudah dua kali silap, saya kena perbetulkan.

Maknanya tidak betullah pemahaman Yang Berhormat mengenai bon dan defisit ini tidak betul. Pengeluaran bon ialah untuk membiayai defisit bukannya untuk mengurangkan defisit. Langkah-langkah lain diambil untuk mengurangkan defisit dan defisit dijangka akan berkurangan daripada 5.6 peratus dalam tahun 2010 kepada 5.4 peratus, 2011 dan dijangka akan dikurangkan di akhir Rancangan Malaysia Kesepuluh kerana tahap yang lebih rendah iaitu dalam lingkungan 2 atau 3 peratus.

Jadi ini langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan. Jadi tidak ada dari segi penerbitan bon. Apa pun, penerbitan bon yang telah dibuat oleh Malaysia ini biasanya di kalangan terbaik umpamanya pengeluaran *Sukuk* yang dikeluarkan pada tahun lepas telah mendapat hadiah daripada pasaran kewangan sebagai penerbitan yang paling baik pada kadar yang paling baik dan ini menunjukkan kepakaran kerajaan dan pegawai-pegawai untuk memastikan yang dilakukan oleh Malaysia dalam penerbitan bon adalah di kalangan yang terbaik. Terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, penjelasan yang diberikan oleh Menteri begitu tepat dan jelas mengenai prestasi Malaysia di kalangan mata pelabur. Sebab itu bon kita itu dianggap yang terbaik. Cuma saya ingin minta komen sedikit daripada Yang Berhormat Menteri tentang kalaulah Buku Jingga yang sering diuar-uarkan oleh pembangkang ini menjadi satu realiti mimpi ngeri, apakah betul bahawa penerapan bon Malaysia apabila kerajaan pembangkang ini menjadi Kerajaan Persekutuan, akan menyebabkan Malaysia ini bankrap dalam masa dua tahun. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada ini amat memudaratkan kepada rakyat dan masa depan negara ini, dan satu percubaan yang tidak bertanggungjawab daripada pihak pembangkang.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Kota Belud takut Tuan Yang di-Pertua, takut Pakatan Rakyat menang.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pernah membuat kenyataan di luar Dewan ini termasuklah dalam siaran TV bahawa apa yang dijanjikan oleh pihak pembangkang ini adalah janji-janji yang boleh merosakkan ekonomi negara kita.... [*Tepuk*]

Ini memang jelas kalau perbelanjaan dan pemberian yang dijanjikan itu dilaksanakan, ini bukan sahaja merupakan satu tindakan yang tidak bertanggungjawab tetapi juga satu janji yang boleh merosakkan negara kita dan juga ekonomi negara kita. Saya selaku seorang yang mempelajari ilmu ekonomi, yang bekerja selama 17 tahun di Bank Negara Malaysia, saya, *I stand by my words*, dan saya ingin mencabar sesiapa sahaja untuk berbincang mengenai perkara ini kerana saya yakin sekali ini bukan sahaja satu janji yang tidak baik tetapi boleh menjadikan negara kita bankrap dalam masa yang singkat. Terima kasih.

7. Dato' Ismail Kasim [Arau] minta Perdana Menteri menyatakan, apakah peranan yang dapat dimainkan oleh kakitangan kerajaan dalam mempercepatkan proses transformasi ekonomi negara memandangkan jangka waktu yang diberikan amat ketat dan kerenah birokrasi masih menjadi penghambat utama kepada usaha kerajaan untuk menjayakan program tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Program Transformasi Kerajaan atau GTP dan Program Transformasi Ekonomi atau ETP merupakan dua tunggak utama untuk menjayakan gagasan 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan.'

■1050

Dengan menggunakan kaedah makmal dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI), GTP dilaksanakan mulai bulan Oktober tahun 2009 dengan mengenal pasti enam NKRA manakala ETP telah bermula pada bulan Mei tahun lalu dengan 12 NKEA. Kaedah makmal melibatkan para pegawai kanan, pemimpin sektor swasta, pakar runding dan akademik untuk bersama-sama membuat penganalisan, perancangan dan penggubalan strategi dan pelbagai program yang berkesan untuk faedah rakyat. Selanjutnya, para penjawat awam dari semua kementerian dan agensi kerajaan yang berkenaan yang dilibatkan dengan secara langsung dan adanya secara besar-besaran khasnya bagi NKRA Pendidikan dan NKRA Jenayah.

Proses ini telah mulai menjanakan inovasi, perubahan minda dan budaya kerja yang baru di kalangan penjawat awam serta mendorong transformasi perkhidmatan awam ke arah prestasi tinggi dan cemerlang. Antara hasil awalnya ialah:

- (i) Penggubalan dan pelaksanaan semua strategi telah menjadi lebih berfokus, berkesan dan spesifik mengikut KPI iaitu sasaran untuk dicapai. Pengurusan sumber manusia, kewangan dan perbendaharaan pun menjadi lebih cekap dan tepat;

- (ii) kaedah makmal menggalakkan dan menjanakan perkongsian pandangan, pengetahuan, pengalaman mahupun sumber di mana tembok pemisah yang wujud di antara agensi kerajaan serta di antara sektor swasta dan sektor awam dapat dipecahkan atau diturunkan untuk kerjasama yang lebih erat supaya menghasilkan sinergi. Pemandu memang bersyukur kerana mendapat sokongan dan kerjasama yang erat dari semua pihak;
- (iii) pengurusan nilai atau *value management* sedang diamalkan yang mengutamakan *value for money* atau nilai yang berbaloi dengan tumpuan untuk mengurangkan kos dan meningkatkan impak. Prosedur perolehan telah juga menjadi lebih telus dan keberkesanan tindakan terhadap rasuah telah meningkat; dan
- (iv) kerenah birokrasi telah dapat terus dikurangkan. Sebenarnya GTP merupakan kesinambungan kepada inisiatif-inisiatif yang telah diusahakan oleh JPA, ICU dan MAMPU sebelum ini seperti amalan TQM, ISO, program pelanggan, pelbagai aplikasi e-Kerajaan dan kerjasama dengan sektor swasta melalui PEMUDAH.

Yang penting sekali ialah komitmen pucuk pimpinan untuk memberi tumpuan yang berfokus supaya memacu segala inisiatif ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, semua Menteri dan ketua agensi yang mengadakan mesyuarat berjadual yang kerap untuk memaju dan memantau pelaksanaan NKEA dan NKRA di samping memberi arahan untuk menyelesaikan kekangan dan masalah secara pantas. Hasil daripada inisiatif-inisiatif GTP dan ETP ini, kadar pertumbuhan KDNK telah mencapai tahap 7% dan pelaburan asing meningkat lima kali ganda pada tahun lalu. Daya saing ekonomi negara juga meningkat sampai ke tempat yang ke-10 dari tempat yang ke-18. Mulai bulan Oktober tahun lalu, 60 projek merangkumi 46 *entry points project* dan 12 NKEA telah dilancarkan yang dijangka menjana *growth national income* (GNI) sebanyak lebih daripada RM137 bilion dan lebih daripada 224,000 peluang pekerjaan.

Oleh itu, GTP dan ETP terbukti mulai berhasil setakat ini. GTP sebenarnya memberi landasan untuk menjayakan ETP. Walau bagaimanapun, tumpuan yang lebih berfokus dan usaha yang lebih gigih masih terus diperlukan dari semua pihak sebelum kita dapat mencapai sasaran negara yang maju pada tahun 2020.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan panjang lebar dan dilihat kejayaan awal telah dapat dicapai oleh pihak kerajaan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kakitangan awam di negara kita. Semalam Tuan Yang di-Pertua, dalam Majlis Perdana Perkhidmatan Awam (MPPA) Kedua Belas di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan beberapa insentif yang cukup bermakna kepada seluruh penjawat awam. Jadi dalam hal ini kita meminta supaya kerajaan memastikan bahawa dalam melaksanakan tugas, beberapa perkara yang harus menjadi kepentingan dalam melaksanakan agenda negara adalah berkaitan dengan sifat-sifat yang harus diterap kepada penjawat-penjawat awam seperti keunggulan peribadi, kompetensi, profesionalisme dan sebagainya.

Jadi perkara-perkara ini saya rasa dalam pertimbangan ataupun modul yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Jadi sejauh mana untuk kita mencapai satu *optimum returns* dengan izin kepada perkhidmatan ataupun *service* yang memerlukan kudrat yang berlipat ganda yang dalam menjayakan visi dalam masa yang begitu singkat yang perlu ada. Apakah ada *management methods* dan juga bagi mencapai satu keadaan yang membolehkan pegawai-pegawai atau penjawat awam mempunyai daya saing yang benar-benar kukuh, berketerampilan dalam menjayakan visi dan wawasan negara. Pandangan Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak kemajuan telah dicapai dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan awam. Saya memang berasa begitu kagum dengan sikap positif yang ditunjukkan oleh sebilangan besar penjawat awam dalam menyahut dan menyambut perubahan yang telah dilaksanakan. Dengan memberi keutamaan kepada profesionalisme dan meningkatkan produktiviti, dengan kaedah pengurusan nilai ataupun *value management* yang telah diamalkan. Walau bagaimanapun, kita memang mengakui bahawa masih ada banyak ruang yang harus ditambah baik dan usaha yang gigih haruslah diteruskan.

Akan tetapi apa yang telah berlaku ialah dengan adanya KPI, maka kita..., untuk setiap tugas, setiap projek, kita mempunyai sasaran yang dapat diukur dengan secara spesifik dan juga secara realistik. Terima kasih.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga merasa ada perlunya untuk kita bercerita tentang sokongan. Memberi sokongan untuk mempercepatkan proses transformasi. Itu soalan asal. Persoalan asal yang

dikemukakan oleh rakan Ahli Parlimen. Saya hendak tanya. Oleh kerana dalam proses itu, selain daripada Mei 2010, pembentangan ataupun pengenalan berkenaan dengan transformasi ekonomi telah dilancarkan. Saya dapati ada di kalangan penjawat awam ataupun yang lebih jelas sekali di kalangan ahli UMNO sendiri dan pemimpin UMNO yang menyuarakan pandangan dan ketidakpuasan hati. Saya rasa seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ketidakpuasan ini timbul selepas tidak adanya kefahaman yang betul.

Menyebut tentang kefahaman, saya hendak tanya menteri yang bertanggungjawab menjaga isu ini. Oleh kerana media sekarang terlalu banyak memperkatakan tentang Buku Jingga seolah-olah macam memberikan tumpuan khas meneliti kandungan Buku Jingga. Adakah pandangan Yang Berhormat mengatakan telah tertumpu, arah tumpuan itu telah beralih kepada satu aspek lain dalam ekonomi negara kita iaitu cadangan yang dikemukakan dalam Buku Jingga menyebabkan penjawat awam kurang memahami tentang apa yang disebut atau dibentangkan di bawah NKRA ataupun GTP atau ATP yang saya sendiri rasa ramai orang *confused*.

■1100

Lanjutan daripada itu. Saya hendak tanya, lanjutan daripada itu, adakah Yang Berhormat bersetuju, yang mengeluarkan perkataan "bankrap", "bankrap", "bankrap" ini banyak kali dikeluarkan. Pertama dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri yang menjaga perkara ini. Baru kejang tadi saya dengar Timbalan Menteri Kewangan menyebut perkataan "bankrap", "bankrap", "bankrap". Saya rasa ini adalah satu sebutan atau uar-uar yang sangat negatif untuk disebut dalam negara kita yang dikaitkan dengan elemen yang belum tentu. Dia sebut fasal bankrap. Saya rasa kementerian Yang Berhormat bertanggungjawab untuk membetulkan persepsi ini...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kita baca Buku Jingga Yang Berhormat, itu sebabnya kita katakan bankrap.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terutama sebelum terlambatnya kesalahfahaman terutama di kalangan penjawat awam yang sepatutnya bertanggungjawab untuk memberi penerangan tentang program ataupun Pelan Transformasi Ekonomi ini. Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: BN bankrap.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, dalam apa juga pun transformasi atau perubahan memang memerlukan masa untuk usaha itu dan juga tujuan itu difahami dan dialami dengan sepenuhnya. Begitu juga dalam transformasi

kerajaan dan transformasi ekonomi. Walau bagaimanapun yang saya ingin tegaskan di sini ialah program-program transformasi yang telah dilancarkan dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan Barisan Nasional adalah secara konkrit dan spesifik dan telah nampak hasilnya di peringkat akar umbi. Oleh itu ini memang jauh berbeza daripada janji-janji kosong dalam Buku Jingga. Itu satu perbezaan.

Keduanya, perkataan "bankrap" ini memang sebagai satu istilah untuk menyifatkan apa yang akan berlaku kalau hasil yang diperolehi oleh kerajaan itu tidak meningkat tetapi perbelanjaan terus meningkat, subsidi terus meningkat tidak dapat dikawal. Maka, akan sampai ke satu tahap dalam tempoh yang dijangka sembilan tahun kalau kita tidak melaksanakan sesuatu melalui Program Transformasi Ekonomi. Maka, akan berlakunya satu keadaan yang boleh disifatkan sebagai bankrap. Begitu juga janji-janji dalam Buku Jingga kalau dilaksanakan tergesa-gesa seperti yang dijanjikan itu, akan menjadikan keadaan bankrap dalam dua tahun. Akan tetapi apa yang penting ialah program transformasi yang dilaksanakan oleh kerajaan sudah bermula, sudah mendatangkan hasil awalan dan akan terus dilaksanakan dengan keazaman. Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: BN, BN - Bankrap Negara.

8. Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta Perdana Menteri menyatakan dengan teliti, bilangan wakil rakyat yang telah didakwa di Mahkamah Jenayah semenjak tahun 2001 mengikut nama tertuduh, parti politik, jenis tuduhan, status terkini di mahkamah termasuk rayuan dan sekiranya ada, hukuman yang telah dijatuhkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak, botak macam saya juga. Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik kes yang direkodkan oleh Jabatan Peguam Negara iaitu kes wakil rakyat yang didakwa di Mahkamah Jenayah semenjak tahun 2001 seramai 28 orang wakil rakyat telah didakwa dengan pelbagai pertuduhan dan kesalahan jenayah di Mahkamah Jenayah. Mengikut statistik tersebut seramai sepuluh orang wakil rakyat daripada Parti Keadilan Rakyat telah didakwa di Mahkamah Jenayah. Wakil rakyat tersebut adalah seperti yang berikut:

(i) Shuhaimi bin Shafie - Adun Sri Muda;

- (ii) Gobalakrishnan a/l Nagapan – Ahli Parlimen Padang Serai, dahulu PKR sekarang pun sudah BEBAS;

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Hendak dengarkah..., hendak dengar?

Kalau tidak mahu dengar, saya boleh jawab bertulis sahaja.

- (iii) Jamaluddin bin Mohd. Radhi – ADUN Behrang, dahulu PKR sekarang BEBAS;
- (iv) Mohd Osman bin Mohd Jailu – ADUN Changkat Jering, juga dahulu PKR sekarang BEBAS;
- (v) Mohd Nasir bin Hashim – ADUN Kota Damansara;
- (vi) Tuan Chua Tian Chang - Ahli Parlimen Batu, masih lagi saya ingat dalam PKR;
- (vii) Mohamed Azmin bin Ali - Ahli Parlimen Gombak dan ADUN Bukit Antarabangsa;
- (viii) Sivarasa a/l K. Rasaya - Ahli Parlimen Subang;
- (ix) Dato' Seri Anwar bin Ibrahim - Ahli Parlimen Permatang Pauh; dan
- (x) Ramli bin Ibrahim iaitu bekas Ahli Parlimen Kota Bharu.

Tiga orang wakil rakyat daripada Parti Islam Se-Malaysia (PAS) juga pernah didakwa di Mahkamah Jenayah iaitu:

- (i) Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli - '*jambu*' Malay College, Ahli Parlimen Kuala Krai;
- (ii) Dr. Lo' Lo' binti Haji Mohamad Ghazali - Ahli Parlimen Titiwangsa; dan
- (iii) Mohd. Afandi bin Mohamad – bekas Ahli Parlimen Jeli dahulu.

Dalam Parti Tindakan Demokratik (DAP), wakil rakyat yang didakwa dengan kesalahan jenayah adalah seramai empat orang iaitu:

- (i) Liu Tian Khiew – ADUN Pandamaran;
- (ii) Voon Lee Shan - ADUN Batu Lintang, Kuching;
- (iii) Tuan Tony Pua Kiam Wee - ADUN Petaling Jaya Utara; dan
- (iv) Lau Weng San – ADUN Kampung Tunku.

Chong Chieng Jen tidak ada... *[Ketawa]* Kesimpulannya, seramai enam belas orang wakil rakyat daripada pakatan pembangkang didakwa di Mahkamah Jenayah semenjak tahun 2001 sehingga kini.

Bagi Parti Barisan Nasional, seramai sebelas orang wakil rakyat telah didakwa di Mahkamah Jenayah iaitu tujuh orang wakil rakyat daripada Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), seorang wakil rakyat daripada Parti GERAKAN Rakyat Malaysia dan tiga orang wakil rakyat daripada *Malaysian Chinese Association (MCA)*. Wakil rakyat tersebut adalah seperti yang berikut:

- (i) UMNO - Dato' Sri Mohamad Khir Toyo – ADUN Sungai Panjang;
- (ii) Abdul Rahman Bakri – Ahli Parlimen Sabak Bernam. Dia ada sini kot;
- (iii) Suhaili bin Abdul Rahman – bekas Ahli Parlimen Labuan iaitu dari 1999 hingga 2008;
- (iv) Dato' Ahmad Khuris bin Mohd Nor – bekas ADUN Semenyih 2004 hingga 2008;
- (v) Musatafa bin Salim - ADUN Lenggeng;
- (vi) Dato' Omar bin Haji Osman - bekas ADUN Jelai; dan
- (vii) Dato' Haji Azman bin Mahlan - bekas ADUN Tapah.

Bagi Parti Gerakan Rakyat Malaysia:

- (i) Yap Soo Sun – ADUN Serdang.

Bagi MCA:

- (i) Tun Dr. Ling Liong Sik – bekas Ahli Parlimen Labis, Johor;
- (ii) Tan Sri Chan Kong Choy – bekas Ahli Parlimen Selayang; dan
- (iii) Ng Kim Lai – bekas ADUN Mengkibol, Kluang.

Berdasarkan statistik tersebut, sebanyak 33 jumlah kes yang telah dituduh. Satu kes adalah di peringkat sebutan, tiga belas kes adalah di peringkat perbicaraan, dua kes adalah di peringkat hujahan, dua kes telah dijatuhkan hukuman. Sebanyak sembilan kes telah dilepaskan dan dibebaskan dan terdapat sepuluh rayuan dibuat terhadap kes yang telah dibicarakan. Lampiran yang mengandungi huraian dan perincian tentang nama tertuduh, parti politik, jenis tuduhan, status terkini dan hukuman yang telah dijatuhkan disediakan untuk rujukan Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih pagi tadi belanja saya makan tosai. Menurut Perkara 48 - Perlembagaan Persekutuan, seseorang boleh hilang kelayakan sebagai seorang Ahli Parlimen sekiranya dia disabit kesalahan dan dijatuh dengan denda tidak lebih daripada RM2,000 dan penjara tidak lebih daripada setahun. Saya rasa ini Perlembagaan telah lama, sudah hampir separuh dekad. Saya rasa adalah masa untuk kita semua di Dewan

Rakyat ini menaikkan *threshold*. Saya hendak sentuh isu hanya denda, bukan penjara. Saya rasa patutnya kami naikkan *threshold* denda ini daripada RM2,000 kepada angka yang lebih tinggi. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya kira perkara seperti ini, ini terpulang kepada pandangan majoriti rakyat. Sudah tentu kalau ia merupakan pandangan majoriti, maka wakil-wakil rakyat perlulah membawa perkara ini di Dewan Rakyat. Jadi itu terpulang, tidak ada masalah. Kalau hendak naik, kita boleh naik, kalau hendak kurang pun kita boleh kurang. Itu tidak ada masalah.

■1110

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah kerajaan bercadang untuk mentakrifkan semula iaitu seumpamanya kes fitnah. Kes membuat fitnah ini menjadi-jadi terutama di kalangan kita ahli-ahli politik. Jadi apakah kerajaan bercadang untuk mentakrifkan kes membuat fitnah ini sebagai kes jenayah sebab kita tahu sekarang ini berlakunya fitnah-memfitnah, tindakan boleh dibuat melalui saman malu, *defamation sue*. Apabila dijatuhkan hukuman di bawah sivil, bukan di bawah kanun jenayah. Jadi, saya tidak tahulah saya hendak tanya dari segi pandangan sudut undang-undang atau mungkin ianya sudah ditakrif sebagai perkara jenayah.

Saya mengatakan ini sebab penting bagi menjaga kredibiliti terutamanya di kalangan pemimpin-pemimpin politik termasuk Ahli Dewan Rakyat kah, Negara kah, Negeri kah. Saya berpendapat cadangan untuk menaikkan denda yang katanya RM2000 sekarang ini rendah, kepada lebih besar. Saya pula berpendapat elok dikurangkan lagi. Pada saya denda RM1 pun sudah satu kesalahan Tuan Yang di-Pertua. *So, offence* ini bukan bergantung kepada jumlah denda RM1 jutakah, denda RM2 jutakah, RM2000, makna *once you commit an offence is an offence*. Sama juga dengan rasuah. RM1 pun rasuah, 50 sen pun rasuah. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Setujulah apa yang Yang Berhormat sebut itu tetapi saya kira, daripada segi hendak menjadikan ia sebagai jenayah, saya rasa sudah ada, *defamation* dengan *libel* pun ada *criminal defamation, libel*. Ia juga terbuka kepada *civil action*. Jadi itu terpulanglah kalau tidak silap sayalah *defamation* dengan *libel* pun ada *criminal defamation*. Jadi memang ada diperuntukkan berkenaan dengan kesalahan yang sedemikian. Jadi tidak perlu dimasukkan, kerana sudah ada pun.

9. **Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apakah kementerian akan mewujudkan sistem *tidal flow* iaitu menambah lorong jalan dengan menggunakan lorong arah berlawanan semasa *peak season*.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat kota Belud. Kementerian Kerja Raya sememangnya peka mengenai isu kesesakan jalan raya yang sering berlaku khususnya semasa waktu puncak dan musim perayaan. Sehubungan dengan itu, beberapa strategi dan langkah proaktif telah diambil bagi memastikan pengguna menikmati perjalanan yang lebih lancar dan selesa semasa tempoh tersebut. Ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia dengan kerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Polis Diraja Malaysia dan syarikat-syarikat pengendali konsesi lebuhraya.

Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan ialah menerusi mekanisme pengagihan trafik, pengurusan trafik yang lebih efisien dan mempertingkatkan keselesaan dan fasiliti pengguna.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sistem pengurusan aliran trafik secara *contraflow* atau *tidal flow* ialah merujuk kepada arah aliran trafik yang diubah semasa waktu puncak. Ini bagi membolehkan laluan lorong jalan itu diubah secara kontra apabila terdapat peningkatan jumlah aliran trafik yang sangat tinggi dalam tempoh masa tertentu. Contohnya semasa waktu puncak hari bekerja dan musim perayaan utama. Pelaksanaan sistem *tidal flow* ini turut digunakan semasa berlaku kes-kes kecemasan yang melibatkan penutupan sebahagian lorong atau laluan di jalan raya seperti kemalangan, tanah runtuh dan banjir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini sistem pengurusan aliran trafik secara berlawanan arah telah dilaksanakan di Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP), dan Lebuhraya Cheras-Kajang pada waktu puncak hari bekerja dengan kerjasama dari pihak-pihak berkuasa tempatan. Sistem ini juga dilaksanakan oleh syarikat konsesi lebuhraya semasa musim perayaan utama seperti Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baru Cina iaitu di Lebuhraya Utara-Selatan, dan Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak.

Di samping itu kerajaan juga telah menguatkuasakan Perintah Larangan kepada kenderaan berat dari memasuki lebuhraya semasa waktu puncak dan hari tertentu musim perayaan. Ini merupakan antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi mengurangkan masalah kesesakan yang sering berlaku pada waktu

berkenaan khususnya di kawasan yang berkepadatan trafik yang tinggi seperti di Kuala Lumpur. Sekian, terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana telah memberi jawapan yang baik dan nampak gayanya kementerian telah pun mewujudkan sistem *contraflow* atau *tidal flow* ini.

Untuk mengelakkan kesesakan jalan raya yang begitu teruk, saya dapati ada kaedah-kaedah yang diguna pakai di negara lain yang masih belum digunakan di negara ini. Contohnya di Thailand, di lebuh raya-lebuh raya yang begitu sibuk, kalau ada kemalangan-kemalangan kecil, yang berlaku dan ini menyebabkan *traffic jam* yang begitu panjang dan lama, apa yang berlaku ialah helikopter digunakan untuk mengubah kereta-kereta yang tersangkut di tengah jalan itu. Ini saya rasa belum lagi digunakan oleh Kerajaan Malaysia dan saya minta pandangan Yang Berhormat, apakah kementerian boleh mempertimbangkan ini kerana PLUS sendiri mempunyai helikopter dan mereka boleh mengubah. Kerana kalau kita terlibat, kita akan cuba menyelesaikan masalah ini *on-the-spot*, kalau *driver* tersebut ada. Dan ini menyebabkan kesesakan lalu lintas yang amat, amat, amat teruk. Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu kaedah yang diambil untuk kita memantau aliran trafik melalui helikopter. Yang sebenarnya kita pun mengadakan kaedah di mana kita menubuhkan satu kaedah yang dipanggil *time travel advisory* yang kita memberikan nasihat kepada pihak pengguna jalan...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat, maksud saya tadi ini helikopter digunakan untuk mengalihkan kereta yang tersangkut di jalan, bukan untuk memberi laporan daripada udara. Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih, ini cadangan yang baik. Kita belum boleh dapat berbuat sebegini.

[Soalan No.10 - Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)- tidak hadir]

11. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, dapatkah kerajaan melaksanakan pembinaan Jalan Bawang Obor-Ukong-Medamit-Mentawal Fasa 2 dapat dilaksanakan dalam RMKe-10 untuk memastikan sepuluh buah rumah panjang, tiga perkampungan kaum Bisaya, sebuah klinik desa dan dua buah sekolah kebangsaan mendapat faedahnya.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Limbang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat kementerian telah menyenaraikan projek pembinaan Jalan Bawang-Obor-Ukong dan Medamit, Fasa 2 sebagai keutamaan di bawah *plan* kedua RMK-10 untuk kelulusan siling peruntukkan daripada UPE atau Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Sekiranya peruntukkan diluluskan, pelaksanaan dijangka bermula pada tahun 2013. Di peringkat SPA Sarawak, projek ini diberi keutamaan yang tinggi. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana memberi perhatian.

■1120

Sebelum itu soalan saya berkaitan juga dengan jalan ini, iaitu pada masa ini fasa satu untuk jalan ini saya difahamkan ianya di peringkat semakan reka bentuk. Jadi saya ingin hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bilakah ianya akan dilaksanakan agar ianya menepati sasaran NKRA iaitu mesti siap sebelum penghujung tahun 2012. Sekian.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, selain dari maklumat yang diperlukan Yang Berhormat tadi ada maklumat-maklumat yang lain yang saya hendak sampaikan kepada beliau. Saya ingat saya jumpa beliau selepas sesi soal jawab ini. Ada maklumat yang *very personal* kepada dia, yang dia minta tentang jalan yang lain. Sekian, terima kasih.

12. Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, kesan pengecualian cukai kereta *hybrid* terhadap pengeluaran dan pemasaran kereta *hybrid* sehingga kini dalam menjayakan hasrat mewujudkan persekitaran hijau.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat

dalam tempoh 2008 hingga 2010 sebanyak 604 unit kereta *hybrid* telah dijual di Malaysia bagi jenama Toyota Prius dan Honda Civic iaitu pada tahun 2008 - 10 unit, pada tahun 2009 - 297 unit dan pada tahun 2010 - 327 unit. Jumlahnya 604 unit.

Ini menunjukkan bahawa penggunaan kereta *hybrid* semakin meningkat dengan adanya pengecualian cukai ini. Kereta-kereta ini diimport secara dengan izin *completely built up* (CBU) dan sehingga kini belum ada syarikat-syarikat pengeluar kenderaan tempatan yang mengeluarkan atau memasang kereta *hybrid* di Malaysia. Walau bagaimanapun, sehingga Mac 2011 lapan lesen pengilang telah diluluskan bagi pengeluaran kenderaan *hybrid* dan juga kenderaan elektrik.

Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya difahamkan kereta *hybrid* yang dikeluarkan sekarang sudah ke generasi ketiga dan saya difahamkan juga Proton akan mengeluarkan kereta *hybrid* generasi ke berapakah yang akan dipilih, dan saya juga berharap oleh kerana kita *promote green environment* ini jadi kita berharap model yang dipilih oleh Proton itu mempunyai cita rasa untuk semua golongan ataupun *democratize marketing*. Maknanya untuk semua golongan muda dan juga sampai peringkat yang dewasa. Itu yang saya minta. Terima kasih.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat di atas soalan tambahan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang saya ada pada hari ini adalah seperti yang telah dilancarkan oleh Proton di *18th Motor Show* di Geneva pada bulan Mac tahun lepas kenderaan mereka iaitu yang diberi nama Proton Emas ialah jenis *Plug-in Hybrid Car*. Saya tidak dapat mengesahkan adakah ini generasi kedua ataupun tiga, tapi yang dinyatakan oleh Proton bahawa ianya satu kereta yang mempunyai *low environmental impact* dengan izin. Kereta konsep yang menggunakan teknologi *plug-in hybrid*, dengan izin adalah dibangunkan oleh Proton bersama dengan syarikat Ital Design Giogaro dan juga Lotus Engineering.

Jadi saya rasakan bahawa ini satu kerjasama teknikal yang mereka adakan dengan syarikat-syarikat tersebut. Dari segi promosinya pun saya rasakan bahawa pada waktu dan ketika ini nampaknya penerimaan masyarakat secara umumnya terhadap kereta *hybrid* ini masih pada tahap yang agak rendah, dan oleh kerana itu promosi hendaklah dilakukan di semua segmen supaya dibiasakan masyarakat ini kepada kenderaan yang tidak menggunakan *combustion engine* ataupun menggunakan minyak. Pada waktu yang sama buat masa ini secara interimnya kenderaan yang sedang

dipromosi ialah jenis *hybrid* iaitu menggunakan kedua-duanya minyak dan juga bateri. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada menjawab tadi tentang Proton Emas. Saya sudah pun melihat Proton Emas dan juga sudah menaikinya tapi tidak jalanlah, naik sahaja. Memang dia menggunakan minyak untuk menjalankan enjin dan mengecas bateri yang ada di dalam kereta tersebut. Jadi seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi maknanya ia tidak 100 peratus menggunakan kuasa elektrik untuk menjalankan kereta tersebut tetapi masih menggunakan *combustion engine* untuk mengecas bateri pada kereta tersebut.

Jadi soalan yang ingin saya kemukakan kepada kementerian, apakah ini merupakan salah satu daripada cara untuk kita mengurangkan penggunaan elektrik kepada kereta tersebut kerana ia masih menggunakan minyak untuk membekalkan tenaga tidak menggunakan elektrik *source* daripada rumah kita.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Terima kasih Yang Berhormat Pendang di atas soalan tambahan tersebut. Seperti yang kita sedia maklum teknologi kereta yang menggunakan bateri ini adalah masih pada tahap yang baru di mana prasarana ataupun infrastruktur untuk mengecas kenderaan yang 100 peratus bateri ini masih tidak meluas. Oleh kerana itu seperti yang saya nyatakan tadi sebagai interimnya jenis kenderaan yang diterima oleh masyarakat di banyak negara asing ialah yang jenis *hybrid* yang menggunakan kedua-duanya iaitu *combustion engine* dengan izin dan juga bateri, dan ini memberi peluang supaya pengguna dapat menggunakan bateri untuk mengurangkan kos perbelanjaan dalam minyak.

Pada waktu yang sama ianya tidak menghadapi masalah di mana sekiranya ia 100 peratus bateri tiba-tiba baterinya sudah tidak ada kuasa dan kenderaan akan berhenti tengah jalan. Seperti yang saya nyatakan tadi infrastruktur untuk mengecas kenderaan ini masih tidak luas digunakan. Saya lihat di negara-negara maju di stesen-stesen minyak sudah ada kemudahan untuk mengecas kenderaan tapi itu belum dilaksanakan di negara kita lagi.

13. Dato' Mohd. Jidin Shafee [Setiu] minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan sejauh mana kerajaan telah memantau jenayah siber melalui kemudahan penggunaan pembangunan siber di negara ini.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Setiu atas pertanyaan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan terlalu banyak laman web atau blog yang terdapat di *internet* adalah sukar untuk pihak-pihak berkuasa untuk memantau secara terperinci dan konsisten. Oleh yang demikian, pihak SKMM membuat pemantauan *internet* secara khusus terhadap laman blog atau portal berita yang dikenal pasti dan pemantauan secara rambang. Selain itu, pemantauan berdasarkan aduan turut juga dilakukan.

SKMM sentiasa menggalakkan orang ramai untuk menghubungi SKMM sekiranya mempunyai maklumat mengenai kandungan laman web atau blog yang menyalahi undang-undang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, SKMM telah menubuhkan Biro Aduan SKMM yang merupakan pusat untuk menerima semua jenis aduan termasuklah aduan mengenai penyalahgunaan *internet*. Sekiranya terdapat aduan mengenai kewujudan laman web atau blog yang melanggar mana-mana peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 atau AKM 98 SKMM akan menjalankan siasatan termasuk mengenal pasti mereka yang bertanggungjawab terhadap penyediaan atau penyebaran kandungan tersebut, dan sekiranya identiti mereka dapat dikenal pasti maka tindakan undang-undang yang sewajarnya akan diambil terhadap mereka yang terbabit. Terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

■1130

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.30 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:
Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan;

“Bahawa Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Kementerian Kewangan menjawab ke atas perbahasan Titah Diraja dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis 24 Mac 2011.”

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGUNDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan sebanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kedua Belas.” **[22 Mac 2011]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya menjemput Menteri Pengangkutan untuk menyambung menjawab.

11.31 pg.

Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung sedikit perbahasan yang telah ditangguhkan semalam. Isu selanjutnya ialah isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani iaitu berkaitan dengan ujian sistem berkomputer. Berkaitan dengan beberapa cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sungai Petani, kita akan meneliti cadangan-cadangan tersebut dan sekiranya ada keperluan dan ruang untuk menambah baik, kita akan cuba untuk mempertimbangkannya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Cuma, saya ingin menjelaskan di sini Yang Berhormat, bahawa penggunaan ujian berkomputer ini adalah sesuai dengan hasrat negara kita untuk meningkatkan kecekapan operasi dan pengurusan yang menggunakan aplikasi teknologi maklumat dan selaras dengan pengwujudan sistem pentadbiran berasaskan kerajaan elektronik atau e-Government. Menurut amalan biasa, sekiranya calon gagal, mereka boleh memohon untuk mengambil ujian pada hari yang sama. Sekiranya mereka gagal sebanyak tiga kali ujian berkomputer, mereka dibenarkan mengambil ujian bertulis yang dianggap lebih mudah.

Ujian ini adalah penting untuk menguji kemampuan mereka memahami undang-undang jalan raya dan juga menguji sikap dan amalan baik sebagai bakal pemandu bertauliah. Bagi mereka yang buta huruf dan lembap, mereka dibenarkan mengambil ujian bahagian satu khas kumpulan ini. Kaedahnya ialah dua pilihan jawapan objektif dalam masa dua jam ujian. Kementerian juga sentiasa mengadakan program 1Komuniti-JPJ yang akan mengadakan program khas melesenkan masyarakat di luar bandar khususnya.

Ujian teori dan praktikal yang lebih ketat ini adalah bertujuan untuk membolehkan kita dapat melahirkan pemandu yang faham undang-undang, berdisiplin, berhemah, dan memastikan hanya yang mahir sahaja dibenarkan memandu. Ini adalah kerana seseorang *reckless driver* dan tidak kompeten boleh menjadi pembunuh di jalan raya. Ujian di negara ini juga adalah selaras dengan amalan antarabangsa yang diamalkan di negara lain seperti di Australia, Jepun dan Singapura. Seperkara lagi, ujian

berkomputer ini adalah mempunyai integriti yang lebih tinggi kerana tiada campur tangan manusia, hanya orang yang diuji bersama aplikasi tersebut.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada mencelah di dalam perbahasan berhubung dengan ujian komputer yang dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Petani. Maksud penjelasan saya yang diminta adalah tentang hukuman dan denda yang dikenakan kepada mereka yang mengesahkan bahawa seseorang itu buta huruf.

Banyak kes-kes yang datang kepada kami. Sebenarnya kita pun tidak beberapa pasti bahawa seseorang itu buta huruf ataupun dikatakan lembap atau tidak pandai menggunakan komputer. Kalau dia memang buta huruf betul, orang yang tidak pernah bersekolah, orang terlalu tua, mungkin boleh kita percaya. Akan tetapi kalau macam kita biasa tetapi dia tidak boleh menggunakan komputer. Ini kadang-kadang menjadi masalah kepada kita. Kalau kita tandatangan mengesahkan dia ini buta huruf, pergi kepada JPJ tetapi di dalam borang itu diadakan denda sebanyak RM5,000 jika sekiranya apa yang kita beritahu itu tidak benar. Jadi saya rasa perkara itu perlu diberi penjelasan oleh pihak kementerian. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Saya tidak ada maklumat berkaitan dengan itu dan saya akan menyiasat dan memastikan bahawa segala peraturan-peraturan berkaitan dengan perkara itu ialah menepati. Misalnya beberapa kebenaran diberikan terhadap golongan-golongan khususnya Orang Asli ataupun golongan yang tidak buta huruf ini sebenarnya diberikan adalah merupakan satu cara bagaimana kita dapat menolong khususnya masyarakat luar bandar. Kita akan memastikan bahawa pelaksanaannya adalah berdasarkan kepada peraturan yang ditetapkan.

Yang Berhormat Bagan Serai ada membangkitkan berkaitan dengan isu penggunaan tali pinggang keledar belakang. Berdasarkan pada data kemalangan tahun 2009 yang diperolehi daripada PDRM, terdapat seramai 220 orang penumpang belakang yang maut kerana tidak memakai tali pinggang keledar belakang. Oleh sebab itu kerajaan melihat bahawa pelaksanaan penggunaan tali pinggang belakang ini adalah merupakan satu cara yang dapat menyelamatkan nyawa kepada pengguna-pengguna khususnya kereta.

Yang Berhormat Lanang ada membangkitkan berkaitan dengan cadangan supaya saman pihak PBT yang tertunggak turut disenaraihitamkan. Untuk makluman Yang Berhormat, PBT boleh mengemukakan undang-undang bertulis berhubung dengan kesalahan dibuat APJ 1987 untuk diwartakan dan dijadikan sebagai Jadual 3

yang membolehkan tindakan dapat dilakukan oleh JPJ selaras dengan pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang telah dibuat pindaannya baru-baru ini.

Yang Berhormat Pokok Sena ada membangkitkan berkaitan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, soalan saya ini mungkin akan dijawab, "*Ini berkaitan dengan pihak polis*". Namun, ada juga kaitannya dengan Kementerian Pengangkutan. Berkaitan dengan saman yang dihadapi oleh rakyat sama ada oleh polis atau JPJ, pokoknya saman.

Saya diminta oleh sebahagian besarlah rakyat yang SMS saya, telefon saya dan berjumpa berharap ada sedikit kelonggaran. Saya ulangi sekali lagi iaitu sedikit kelonggaran. Memanglah tarikh tutup adalah pada 10 Mac yang lalu. Selepas itu apa yang telah dinyatakan oleh pihak kementerian oleh kerajaan akan berkuat kuasa. Mereka memohon agar potongan 50% saman ini dilanjutkan dan diterima apabila mereka hendak memperbaharui lesen kenderaan mereka.

Katakanlah dia tamat pada 31 Mei dan dia hendak bayar pada 1 Jun. Si polan itu datang ke kaunter JPJ umpamanya untuk bayar sambungan bayar cukai jalan. Maka JPJ kata, "*anda ini ada tiga saman*". Katakanlah satu saman itu bernilai RM200. Jadi tiga saman bermakna RM600. Bolehlah mereka membayar 50 peratus juga dan ini dikekalkan sampai bila-bila. Jadi mereka hanya perlu membayar RM300.

Si polan itu membayar RM300 dan dibolehkan mereka membayar cukai jalan kereta yang berkenaan. Ini rayuan mereka. Ini adalah rayuan. Rayuan ini bermakna permohonan. Permohonan ini maknanya mohon belas kasihan, mohon budi bicara. Negara yang begini hebat, cantik, mewah, molek yang segala-galanya memang begitu mementingkan rakyat oleh kerajaan Barisan Nasional. Mereka mendakwa... Ini tidak termasuk di dalam Buku Jingga. Buku Jingga ini temberang besar. Itu soal lainlah.

Sedangkan, kita ada pemutihan rakyat luar negara. Maknanya kita ada juga belas kasihan kepada rakyat luar negara, pemutihan. Fahamlah itu maknanya.

■1140

Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Menteri sudah faham Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya lah. Saya menyampaikan rayuan ini dengan lembah lembut dengan penuh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Sopan santun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Memang pun Yang Berhormat, memang lemah lembut.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Lemah lembut, sopan santun supaya dapat dipertimbangkan dan diluluskan, apakah pendapat dan pandangan peribadi kah, hati kecil kah, dan juga berkaitan dengan penguatkuasaan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan yang *handsome*, yang baik dan memang segala-galanya ada pada dia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Sri Gading. Memang Yang Berhormat Sri Gading ini adalah seorang Ahli Parlimen ataupun seorang pemimpin yang berjiwa rakyat. Berkaitan dengan beberapa cadangan-cadangan yang beliau kemukakan itu, kita akan mengambil maklum terhadap cadangan tersebut, kerana memang kerajaan ini kerajaan yang sentiasa mendahulukan rakyat dan kita juga mendengar keluhan-keluhan rakyat.

Sebab itu, di dalam apa juga keputusan-keputusan yang dibuat, walaupun keputusan ini akhirnya akan diputuskan oleh Kabinet, kerana Kabinet adalah satu autoriti yang mempunyai kedudukan yang tertinggi untuk menentukan apakah tindakan-tindakan yang perlu diambil setelah mengambil kira pandangan rakyat dan juga pandangan khususnya pihak-pihak, agensi-agensi yang bertanggungjawab. Akan tetapi saya ingin menyatakan di sini bahawa, seperti mana yang kita sedia maklum bahawa pihak kerajaan telah pun...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tadi itu sudah moleklah, apabila masuk “tetapi”, ayat ini yang saya takut ni...

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya, *amnesty* ini telah pun kita berikan enam bulan sepuluh hari dan ia telah pun tamat, bagaimanapun di dalam satu keputusan yang telah dibuat oleh Kabinet pada hari Jumaat yang lalu, terdapat satu lagi keputusan yang saya percaya boleh mengembirakan masyarakat khususnya pengguna-pengguna atau pemilik kenderaan ialah bahawa kerajaan telah pun bersetuju untuk menanggukkan penyenaian hitam iaitu senarai hitam ke atas pemilik kenderaan berasaskan kepada Notis POL107A yang dikatakan saman ekor tersebut dan ini adalah keputusan Kabinet setelah mengambil kira pandangan daripada Jabatan Peguam Negara yang mengatakan bahawa kita ada kes yang sedang dirayu sekarang dan kerajaan akan menanggukkan pelaksanaan penyenaian hitam ini sehingga kes dapat didengar...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: ...Dan inilah satu keputusan yang telah dibuat oleh kerajaan setakat ini dan tidak ada penyenaian hitam terhadap sesiapa juga yang ada Notis 107A ini, kecuali bagi kenderaan atas Perintah Mahkamah atas senarai hitam ke atas pemilik dan kenderaan di atas perintah mahkamah seperti kes-kes jenayah iaitu seperti kes kenderaan curi dan kes-kes di bawah *Anti-Money Laundering Act 2001* yang terus dikekalkan. Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Apa yang diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya dari satu sudut berpendapat kalau itu kita boleh terima tetapi persoalannya, Yang Berhormat mengatakan Kabinet membuat keputusan pada Jumaat yang lalu, pagi tadi pagi ini pemilik-pemilik kenderaan masih lagi tidak dibenarkan untuk memperbaharui cukai jalan, bagaimana Yang Berhormat mengatakan bahawa sudah menggantung atau menangguhkan penyenaian hitam. Saya kata, tidak kanlah hari Jumaat membuat keputusan, punya lambat POS Malaysiakah..., sekarang orang tidak pakai pos dah, orang pakai *email* sahaja. Pengarahan boleh dibuat. Tidakkah Menteri tidak masuk Mesyuarat Kabinet? Itu yang pertama.

Yang kedua, kenapa hendak ditangguhkan? Saya kata jelas di dalam soal peruntukan Perlembagaan, peraturan, proses dan prosedur, soal rayuan ke mahkamah itu persoalan yang lain. Dan saya pun tidak melihat adanya rayuan yang telah dibuat. Saya telah *check* melalui *online* tadi dengan mahkamah, tidak ada pun rayuan yang dibuat. Jadi saya meminta bahawa ini telah menyusahkan ramai orang, yang pergi beratur sehingga malam, padahal sepatutnya pada waktu itu kerajaan boleh mengumumkan untuk penangguhan. Kenapa baru sekarang apabila sudah menjadi satu isu yang berat kepada kerajaan. Jadi pertama saya meminta terutamanya sehingga pagi tadi, ada individu yang menghubungi semalam, saya katakan, pergi pagi ini kemudian sila memperbaharui cukai jalan, ikut prosedur yang saya berikan melalui CASSA, kemudian kalau tidak boleh, datang ke Parlimen kerana kami akan membuat *press conference* ini kerana CASSA akan mengambil tindakan mahkamah untuk menyaman kerajaan di atas tuntutan ganti rugi bagi pemilik-pemilik kenderaan yang tidak dibenarkan untuk memperbaharui cukai jalan... [*Tepuk*] Kita telah menyediakan peguam-peguam, khidmat guaman secara percuma kepada pemilik kenderaan.

Kerana ini membabitkan lebih daripada sejuta orang dan saya menasihatkan bahawa tidak wajar untuk menyenaianhitamkan, tidak wajar kerana notis-notis yang diberikan bukan semuanya betul. Macam yang saya katakan bahawa, separti yang saya

bangkitkan di sini bahawa seorang pemilik kenderaan, tiba-tiba *number plat* dia ada juga orang lain yang pakai, berdaftar dengan JPJ tetapi dia yang mendapat notis yang dikatakan notis saman. Apabila dia pergi *check* semula, dapat. Kemudian pergi kepada polis pun mengatakan bahawa dia ada saman ekor dan pergi semula *check* di JPJ rupanya ada seorang konstabel polis yang memakai nombor yang sama dan didaftarkan dengan JPJ. Saya tidak bolehlah mengatakan JPJ itu jahat sebab JPJ yang mendaftarkannya. Maksudnya pertindihan nama dan sebagainya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Ini bukan soal penangguhan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi saya minta bahawa sehingga pagi tadi masih tidak boleh, dan isunya ialah soalnya tidak ada rayuan pun di mahkamah sampai sekarang.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Berkaitan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi itu bahawa sehingga hari ini belum dilaksanakan, saya akan menyasatlah perkara ini kerana berdasarkan kepada maklumat yang diberikan kepada saya, memang keputusan Kabinet tersebut telah pun dibuat dan pihak kementerian pun telah mendapat makluman terhadap keputusan tersebut dan telah dimaklumkan di dalam *Post Cabinet*. Saya percaya pelaksanaan ini kita akan disiasat nanti.

Kedua berkaitan dengan masalah ada pertindihan nombor tadi, saya kata memang terdapat kes-kes terpencil sebegini. Yang Berhormat Kalabakan ada membangkitkan, dan Yang Berhormat sendiri pun ada membangkitkan, memang ada kes-kes yang berlaku sebegini khususnya bagi pemalsuan *plat number*, seperti mana yang berlaku bahawa ada pemalsuan *plat number* tetapi kalau sekiranya ada kes-kes yang sebegini Yang Berhormat, sebenarnya boleh membuat *representation*, sebab itu di pejabat-pejabat JPJ, ataupun pejabat PDRM ada Bilik Temubicara. Jika sekiranya ada kes-kes terpencil sebegini, bolehlah kemukakan bukti-bukti yang kukuh ataupun alibi-alibi untuk membuktikan kepada pihak polis ataupun PDRM, dan sekiranya pihak pegawai tersebut berpuas hati bahawa memang berlaku perkara-perkara yang tidak dilakukan oleh seorang pemandu tersebut, maka penyeneraian hitam dan notis saman tersebut boleh dibatalkan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat maksudkan pemalsuan itu yang dikatakan pemalsuan nombor *plat* itu sedangkan ia ada di dalam daftar JPJ. Akan tetapi jikalau Yang Berhormat hendak sebutkan bahawa Pegawai JPJ sendiri yang melakukan pemalsuan tersebut, daftar untuk kali yang ke berapa bagi nombor yang sama. Saya ada *email* surat yang dihantar oleh orang yang terbabit itu kepada polis untuk meminta dibatalkan saman tersebut, tetapi sehingga sekarang masih belum dibatalkan dan dia telah mengesahkan dengan JPJ, nombor itu dipakai oleh orang lain, yang sebenarnya yang patut mendapat notis tersebut ialah konstabel polis tersebut.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat soalan ini adalah soalan yang spesifik...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri, duduk sekejap Yang Berhormat.

Saya mengingatkan kita semua, apabila berucap tujukan kepada *Speaker*. Jadi kalau tidak ia menjadi interaktif di mana Yang Berhormat berbincang *across the* meja lah, itu salah. Peraturan Parlimen memang tetap, Peraturan 35. Minta maaf lah, bacalah semua. Tujukan kepada *Speaker* dan ia menjadi tiga hala. Tujukan kepada saya dan kembali kepada sana, barulah ia tidak menjadi interaktif dan tidak seperti kita berbalah di dalam mesyuarat kedai kopi, ataupun mesyuarat dalam jawatankuasa, di pejabat.

■1150

Jadi, mintalah. Kalau tidak, tidak habis ini. silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sebutkan kepada Menteri sahaja, senang hendak bercakap dengan Timbalan Menteri. Timbalan Menteri, tidak mengapa?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan di sini bahawa kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena itu adalah satu kes yang spesifik. Kalau boleh kemukakan kepada kita untuk kita mengambil tindakan. Itu sahaja. Yang Berhormat boleh berikan kepada saya. Saya akan menyiasat dan memastikan ada penyiasatan yang adil.

Yang Berhormat Pokok Sena ada membangkitkan berkaitan dengan pelaksanaan *Automated Enforcement System* yang kita akan laksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat, AES yang akan dilaksanakan ini adalah kerja-kerja *outsource* yang bertanggungjawab untuk mengesan pesalah trafik dengan menggunakan kamera penguat kuasa elektronik yang canggih dan berprestasi tinggi dan menggunakan perisian yang telah terbukti berkesan. Telah dilaksanakan di 60 buah

negara bagi Redflex ataupun dari Australia dan 90 buah negara bagi robot Jerman yang telah bekerjasama dengan syarikat tempatan sebagai pembida iaitu Commercial Circle (M) Sdn. Bhd. dan Beta Tegap Sdn. Bhd.

Kerja-kerja *outsource* ini dibuat atas pertimbangan kementerian dengan bantuan pakar-pakar pengangkutan dan mendapat persetujuan Kabinet. Kerajaan membeli kaedah *outsource* kerana sekiranya kerajaan melaksanakannya melalui perolehan yang akan melibatkan perbelanjaan kerajaan yang besar iaitu dianggarkan berjumlah RM2.93 bilion bagi selama lima tahun, bagi kos operasi dan juga penyelenggaraan. Ini juga akan mendedahkan kerajaan pada pelbagai risiko, kalau kita menggunakan kaedah perolehan iaitu risiko seperti vandalisme, tiada kepakaran dan kegagalan sistem di samping terpaksa membuat pengambilan kakitangan mahir dalam jumlah yang besar. Berbanding kaedah *outsource* yang dipilih, kerajaan tidak perlu mengeluarkan sebarang perbelanjaan dan tidak berhadapan dengan masalah dan risiko yang telah disebutkan di atas.

Pada tarikh 16 Ogos 2006, Jemaah Menteri telah bersetuju mempelawa sembilan buah syarikat yang menunjukkan minat. Walau bagaimanapun, hanya enam buah syarikat yang berminat untuk menyertai *life demo*, ujian dan analisa teknikal yang dibuat oleh Jawatankuasa Kerja Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Teknikal. Berdasarkan pada hasil *life demo* dan penilaian teknikal, maka syarikat komersial yang menggunakan teknologi robot dari Jerman dan Beta Tegap yang menggunakan Redflex dari Australia, telah di *recommend* untuk menjadi *service provider* dan akhirnya dipersetujui oleh jawatankuasa pemandu projek AES pada 8 Oktober 2007 dan selanjutnya oleh Jemaah Menteri.

Sukacita ingin dinyatakan di sini bahawa setiap gambar yang dihasilkan, perlulah mendapat verifikasi JPJ dan notis saman adalah dikeluarkan oleh JPJ sebagai agensi penguat kuasa dan bukan oleh *service provider* seperti yang sentiasa didakwa. Proses pengeluaran saman ini adalah mengikuti SOP yang ditetapkan oleh JPJ menggunakan instrumen yang diwartakan di bawah kaedah. Silakan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu, saya pun juga kita ambil sistem Redflex dari Australia ini dan juga robot. Sistem itu akan dibawa oleh syarikat Beta Tegap Sdn. Bhd dan juga Commercial Circle (M) Sdn. Bhd. Sedangkan dalam masa yang sama sebelum ini bahawa Redflex Traffic System sebuah syarikat yang membangunkan teknologi di Australia sendiri pun, bersedia untuk menyertai untuk masuk, untuk bida akan perkara

ini. Tiba-tiba kita beri kepada syarikat dalam negara kita, syarikat itu pula pi ambil hak kawan itu. Sepatutnya syarikat itu membangunkan *software* nya sendiri. Itulah yang sepatutnya.

Saya pun hairan juga sepatutnya kita akan dapat dengan kadar yang lebih baik sebab kita boleh ambil *direct* daripada Redlfex, kepada syarikat yang membangunkan tetapi kita ambil syarikat ini pun dapat untung, syarikat itu pun dapat keuntungan. Cuma yang saya hendak minta penjelasan ini tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut dalam Tuan Yang di-Pertua, sewaktu penggulungan belanjawan tempoh hari, Yang Berhormat Menteri ada menyebut bahawa kerajaan tidak akan menanggung apa-apa. Ini kerana syarikat ini yang akan memasang kamera dan juga semua peralatan ini.

Akan tetapi, sebelum itu pada 25 Mac, Ketua Pengarah JPJ sudah pun mengumumkan bahawa JPJ sudah pun membeli dan memasang di 831 lokasi iaitu dengan membeli kamera-kamera baru. JPJ beli. Ini pada 25 Mac. Sedangkan persetujuan untuk itu telah pun dibuat pada tahun 2009, dibentangkan untuk pertimbangan Jemaah Menteri pada 16 September 2009 iaitu untuk dua buah syarikat ini.

Saya pun agak hairan bagaimana sebelum pindaan akta itu diluluskan untuk membolehkan kita memakai sistem AES ini, kita sudah bersetuju. Sudah bersetuju untuk melantik dua buah syarikat dan Jemaah Menteri pun sudah bersetuju. Itu satu isu yang saya fikir Yang Berhormat Timbalan Menteri perlu menjawab. Jadi, 25 Mac 2010, JPJ, Ketua Pengarah JPJ sudah mengumumkan bahawa JPJ telah membeli 566 untuk *speed trap*, kamera untuk kelajuan ini kemudian, 265 untuk di *traffic lights* dan 250 ialah *mobile camera*.

Jadi, JPJ yang beli. Sedangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa kita tidak akan menanggung apa-apa kerana syarikat ini yang akan menanggung. Jadi, saya hendak minta penjelasan, apakah yang akan terjadi dengan kamera ini? Adakah kita akan *transfer* kepada syarikat ini, syarikat ini akan bayar kepada kita? Atau kamera itu akhirnya kita buat rakaman video apa-apa... *[Ketawa]*

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa mungkin Yang Berhormat Pokok Sena mendapat laporan tersebut daripada sumber yang tidak rasmi ataupun bagi laporan-laporan yang *miss reported* ataupun yang tidak sah. Kenyataannya di sini bahawa apabila kita membuat pelaksanaan terhadap AES ini, ia adalah melalui model ataupun sepertimana yang saya jelaskan tadi,

melalui pertimbangan yang telah dibuat oleh pihak kementerian dan juga pihak kerajaan melalui keputusan Kabinet.

Kita ada dua pilihan. Satu pilihan kita boleh misalnya menggunakan kaedah perolehan. Akan tetapi sepertimana yang saya telah jelaskan tadi, apabila kita menggunakan perolehan, kita harus membelanjakan satu peruntukan yang begitu banyak dan untuk *capital expenditure* (CAPEX) pun, kita harus berbelanja RM717 juta. Kerajaan terpaksa keluar duit RM717 juta dan selain daripada itu juga, kita akan menanggung beberapa kos lain iaitu kos penyelenggaraan. Oleh sebab itu, kerajaan berfikir bahawa berdasarkan pada pengalaman-pengalaman yang lalu bahawa sekiranya perolehan ini dibuat oleh kerajaan, maka banyak kelemahan yang akan berlaku misalnya vandalisme.

Apabila misalnya dalam sistem ATIS ataupun *Traffic Management System* yang dibuat oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pun ada masalah berlakunya vandalisme. Apabila berlaku vandalisme, kerajaan terpaksa mencari peruntukan dan memohon peruntukan untuk menggantikannya secepat yang mungkin. Ini satu masalah yang timbul. Vandalisme, sepertimana yang kita tahu apabila kita pasang kamera, mungkin ada orang yang buat vandalisme. Risiko sebegini kita tidak akan berhadapan sekiranya kita serahkan *outsourc*e perkara, kerja-kerja ini pada *service provider*. *Service provider* yang kita telah kenal pasti ialah Commercial Circle dan Beta Tegap. Mereka ini menggunakan sistem yang bekerjasama dengan syarikat luar negara iaitu robot dengan Redflex.

Untuk makluman Yang Berhormat, robot ini misalnya adalah satu daripada antara sistem yang terbaik di dunia, sepertimana yang saya nyatakan tadi, ia telah pun dilaksanakan di pelbagai negara iaitu sekurang-kurangnya 90 buah negara. Ia ibarat kalau kereta ia seperti *Mercedes Benz of the AES*. Ia antara yang terbaik sebab kalau kita memilih satu sistem yang belum teruji daripada segi kebolehannya, mungkin esok kita membuat *try and error* atau kita membuat satu sistem yang belum teruji, ia juga akan menimbulkan masalah kepada kita.

■1200

Oleh sebab itu kerajaan berpendapat bahawa kaedah *out sourcing* ini adalah merupakan satu kaedah yang terbaik dan sudah tentulah kita mahu juga supaya syarikat tempatan terlibat dalam pelaksanaannya. Ini kerana kalau tidak kita boleh kalau kita membuat *international tender* mungkin ianya boleh dilakukan. Akan tetapi apakah peluang yang boleh kita berikan kepada syarikat-syarikat tempatan. Sekurang-

kurangnya dengan adanya penglibatan syarikat tempatan ianya juga boleh membolehkan *transfer technology*.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat syarikat-syarikat tempatan ini juga harus membayar royalti ataupun royalti terhadap syarikat-syarikat pembekal perisian ini. Jadi itu sebabnya kita memilih kaedah *out sourcing* ini dan dengan pemilihan kaedah *out sourcing* ini kita percaya ianya akan mengurangkan risiko kepada kerajaan. Selain daripada itu, kalau kita lihat misalnya - Saya hendak nyatakan di sini juga pelaksanaan AEA ini adalah mempunyai risiko yang tinggi. Ianya bergantung kepada sikap pengguna jalan raya. Ia ada *decay rate*. *Decay rate* dia ini dijangka mungkin dapat dalam 40 peratus. Kalau sekiranya semua pemandu-pemandu lebih berhemah mereka tidak memandu laju ataupun memandu secara yang berhemah dan syarikat ini ia tidak akan dapat hasil, Yang Berhormat. Jadi itu sebabnya ia ada risiko juga. Kalau kerajaan terpaksa kita tidak mahu mengambil risiko ini.

Oleh sebab itu kita serahkan kerja ini kepada syarikat ini dan kita juga telah menentukan bahawa Kabinet telah pun menetapkan bahawa syarikat ini tidak boleh mendapat IRR melebihi daripada 20 peratus. Kerajaan akan dapat 80 *percent in total* lah dalam tempoh lima tahun kerajaan akan dapat, syarikat ini hanya akan dapat maksimum 20 *percent return, internal rate of return*.

Inilah yang telah kita kenal pasti. Di Arab Saudi sistem ini ia lebih kenakan kepada 45:55. 45 peratus dia *straight line*. Dia bagi 45 peratus kepada *service provider*, 55 peratus kepada kerajaan. Akan tetapi kita berhati-hati dalam soal ini. Kita juga tidak mahu membebankan rakyat dan kita juga mahu memastikan supaya sistem ini dapat berjalan atau berterusan. Oleh sebab itu kita memilih supaya ianya ada formula tertentu. Formula tiga langkah seperti yang dinyatakan tadi akan tetapi akhirnya *internal rate of return* yang akan dimiliki, yang akan diperolehi oleh syarikat ini adalah lebih kurang 20 peratus.

Untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya formula ini adalah dikemukakan oleh seorang pakar perunding kewangan iaitu seorang Profesor Nor Ghani, beliau juga adalah seorang Dekan Fakulti Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah menyediakan model kewangan ini dan dipandu oleh satu Jawatankuasa Kewangan dan mendapat kelulusan Kabinet. Pihak pakar perunding ini sendiri telah pun mengemukakan kepada Kabinet. Demikian juga berkaitan dengan perunding teknikal. Kita juga menggunakan seorang Profesor Khairy bin Dimiyati iaitu seorang profesor dalam bidang *transportation* untuk memberikan nasihat kepada kerajaan dalam soal

pelaksanaan AES ini sebagai salah seorang pakar ataupun pakar perunding PEMANDU bagi AES ini; memandangkan beliau adalah seorang pakar dan mempunyai pengetahuan, maka kita *engage* dia untuk membantu kita supaya AES ini dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Baik terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kenapa kalau sudah ada macam itu kenapa perlu pakai dua sistem iaitu robot dan juga *Redflex*, kalau robot itu antara yang terbaik di dunia. Kenapa kita pakai juga *Redflex*. Sedangkan *Redflex* yang menyatakan bahawa dia juga dipertikai di Arizona dan juga di beberapa tempat di US. Memang sehingga di Arizona sendiri digantung penggunaan pemakaian sistem *Redflex* ini. Jadi ini sudah ada.

Keduanya betul Yang Berhormat kata tadi bahawa syarikat ini akan hanya tidak lebih daripada lebih kurang 20 peratus akan dapat. Akan tetapi ialah syarikat, satu syarikat 20 peratus, dua syarikat? Dia ikut had-had yang menggunakan robot ini dia akan dapat macam saya lihat apa yang ada di sini simulasi pulangan hasil yang diperolehi semasa persidangan yang dulu. Maknanya kedua-dua itu akan dapat keuntungan yang lumayanlah. Maknanya kedua-dua itu sudah kalau campur itu puratanya dekat 35 peratus. Ini lebih teruk daripada Saddiq Sigaraga ini... *[Ketawa]* Saddiq Sigaraga dan Salleh Kamil pun 20 peratus sahaja. Ini sudah 35 peratus... *[Ketawa]*

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Mungkin Yang Berhormat tidak begitu faham. Tuan Yang di-Pertua saya hendak menjelaskan kepada Yang Berhormat ini sebenarnya pelaksanaan AES ini adalah dibahagikan kepada dua zon. Satu zon utara dan satu zon selatan. Ia ada dua zon. Satu dilaksanakan oleh *Redflex* satu dilaksanakan oleh robot. Dia tidaklah sehingga andaian Yang Berhormat bahawa dapat 40 peratus. Ada 20 peratus untuk *Redflex* dan 20 peratus untuk ini. Kita harus juga mengambil kira bahawa kita tidak payah keluar modal. Servis yang moden ini yang akan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri saya ingat kita sudah panjang sudah cerita ini Yang Berhormat. Kita sudah macam bincang dalam jabatan itu. Semua teknikal *nut and bolt* kita cerita itu. Dewan maknanya polisi dan *law* Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Okeylah Yang Berhormat kalau saya jelaskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Maka kita ikut dasar, bukan yang *detail* kecil-kecil itu.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Saya punya jawapan pun sudah selesai, saya tutup perbahasan ini. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat tadi kamera, kamera JPJ itu apa jadi. Yang Berhormat tidak jelas apa yang saya tanya. Kamera JPJ. JPJ beli kamera...

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tidak ada.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ...Kemudian kita hendak pasang. Jadi apa guna kamera JPJ.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Izinkan saya Yang Berhormat untuk menjawab. Sebenarnya tidak ada. Sebenarnya itu tidak timbul. Pembelian itu tidak wujud. Mungkin itu *miss reporting* Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya kalau *miss reporting* sepatutnya harus buat pembetulan, Ketua Pengarah kena buat pembetulan. Sebab ini dia kata sudah di beli dan dipasang.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Sudah selesailah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudah habis Yang Berhormat?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Itu masih menyala api Yang Berhormat itu. Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

12.07 tgh.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Heng Sei Kie]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Salam 1Malaysia. Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Batang Sadong, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Kuala Nerus dan Yang Berhormat Ampang yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa perbahasan Titah Diraja.

Kementerian amat menghargai dan mengambil perhatian serius terhadap semua pandangan dan saranan, cadangan serta teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan isu kesaksamaan gender. Yang Berhormat Bukit Mertajam dan Yang Berhormat Kuantan telah menyentuh mengenai pencapaian aspek kesaksamaan gender dan mengarusperdanakan gender. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat memperjuangkan isu-isu kesaksamaan gender adalah visi dan misi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Oleh itu kita memang tidak boleh nafikan bahawa kemajuan telah pun dicapai oleh wanita di negara ini sejak penubuhan kementerian 10 tahun yang lalu.

Kemajuan yang dinikmati oleh wanita bukan sahaja dapat dilihat dalam bidang kesihatan, pelajaran dan sosial, malah penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam telah menampakkan kemajuan. Kini bilangan wanita yang menyandang Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) telah meningkat daripada 19.2 peratus pada tahun 2005 kepada 32.3 peratus pada tahun 2010. Baru-baru ini seorang lagi wanita telah dilantik sebagai ketua setiausaha kementerian menjadikan lima orang atau 20.8 peratus KSU wanita.

■1210

Ini merupakan satu rekod baru dalam sejarah perkhidmatan awam yang harus dibanggakan oleh kita semua. Selain itu 17 orang atau 31.5 peratus wanita menjawat jawatan Timbalan Ketua Setiausaha, turut membanggakan pelantikan tiga orang wanita sebagai Hakim Mahkamah Syariah yang dahulunya dilihat agak mustahil untuk dilaksanakan. Kejayaan ini adalah hasil usaha gigih yang dilakukan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Begitu juga dalam bidang politik, Ahli Dewan Rakyat wanita telah meningkat daripada 9.6 peratus pada tahun 2004 kepada 10.4 peratus pada tahun 2010. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian akan meneruskan usaha menyeru semua parti politik supaya meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan termasuk jawatan-jawatan tertinggi dalam parti. Di syarikat berkaitan kerajaan pula iaitu GLC, peratusan wanita yang dilantik sebagai ahli lembaga pengarah meningkat daripada 11 peratus pada tahun 2005 kepada 13 peratus pada tahun 2010. Manakala berdasarkan laporan *Grant Thornton International Business Report* pada masa ini iaitu tahun 2011 sebanyak 31 peratus jawatan di peringkat pengurusan kanan di Malaysia adalah disandang oleh wanita.

Berhubung isu kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh dalam lingkungan 46 peratus yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat suka saya menjelaskan bahawa kerajaan telah mensasarkan peningkatan kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh

kepada 55 peratus pada akhir tahun 2015. Isu ini ditangani di bawah dengan izin *Strategic Reform Initiative*, Pembangunan Modal Insan di Model Ekonomi Baru (MBE). Berhubung pelaksanaan bajet responsif gender, pelbagai usaha telah dibuat oleh kementerian bagi memastikan pelaksanaannya. Usaha yang dilakukan termasuklah mengadakan latihan dengan kerjasama INTAN.

Menyedari pentingnya pengumpulan data mengikut pecahan jantina kementerian ini telah mengesyorkan kepada Ketua Setiausaha Negara supaya semua kementerian dan agensi mengumpul data mengikut pecahan jantina dan membuat analisis ke atas data berkenaan untuk digunakan dalam penggubalan dasar dan perancangan program yang dilaksanakan. Arahan Ketua Setiausaha Negara berhubung perkara ini...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Lualan.

Puan Heng Seai Kie: Telah dikeluarkan pada 16 Oktober 2008. Silakan.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih atas penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Akan tetapi saya lihat ada beberapa perkara di sini yang saya kira belum lagi memperlihatkan kesungguhan kerajaan untuk memastikan lebih ramai wanita menjawat jawatan ataupun berada di dalam kumpulan membuat keputusan terutama yang maknanya kerajaan sendiri melantik kecualilah kalau mengenai Ahli-ahli Dewan Rakyat iaitu satu perkara yang maknanya dalam pemilihan pilihan raya. Itu agak susah untuk ditentukan.

Akan tetapi misalannya dalam GLC, daripada tahun 2005, 11 peratus wanita terlibat dalam ahli lembaga pengarah dan sekarang hanya 2010 hanya 13 peratus naik 2 peratus sahaja. Sedangkan ini adalah pelantikan maknanya kerajaan boleh melantik lebih ramai lagi kaum wanita yang berpotensi yang berwibawa yang saya kira memang tidak kurang di negara kita. Akan tetapi ini pun tidak dilakukan oleh kerajaan. Jadi saya minta penjelasan dan juga saya mohon supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagai pihak yang terlibat secara langsung memastikan supaya di mana juga ruang yang membolehkan kaum wanita untuk berada di peringkat pembuat keputusan terutama yang melibatkan pelantikan supaya melakukan usaha tersebut bersungguh-sungguh dan ada *political will* di situ. Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa atas cadangan yang dikemukakan. Sememangnya kementerian ini berusaha untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam semua bidang termasuklah GLC. Walau bagaimanapun kita tidak dapat menafikan juga bahawa pelantikan yang dibuat itu haruslah juga sejajar

dengan kualiti dan juga kelayakan yang ada. Apa yang lebih penting lagi adalah usaha untuk melatih dan memberikan pendedahan untuk meningkatkan kapasiti kaum wanita kita supaya bersedia untuk menyandang jawatan ataupun sebarang kekosongan yang ada apabila tiba masanya. Saya percaya dengan semua usaha yang telah dijalankan kini wanita di Malaysia ini kita memang mempunyai bilangan wanita yang mencukupi untuk menyandang pelbagai iaitu jawatan tinggi yang ada di negara ini.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Okey. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tambah sedikit di situ. Saya bersetuju mungkin jawapan yalah maknanya jawapan itu adalah jawapan stereotaip - okey kita akan tambah dan sebagainya. Akan tetapi saya kira kalau dikatakan kaum wanita terutama yang berpelajaran tinggi yang ada pengalaman dalam kerajaan dan juga swasta masih lagi tidak cukup untuk diletakkan sebagai anggota Ahli Lembaga Pengarah GLC dan sebagainya saya sangat tidak setuju dan kecewa.

Ini sebab saya rasa begitu ramai kaum wanita sejak berdekad-dekad yang lalu yang mempunyai kemampuan. Kadang-kadang kita lihat misalnya sesetengah Ahli Lembaga Pengarah GLC, di kalangan kaum lelaki itu memegang sampai 20 atau 30 GLC Ahli Lembaga Pengarah. Sedangkan kita ramai, saya rasa sudah sampai masanya kementerian bertegas dan tidak perlu beri masa yang panjang- tahun depan pun saya ingat kita boleh meningkatkan sehingga 30 peratus memastikan apabila ada pertukaran sahaja Ahli-Ahli Lembaga Pengarah GLC-GLC ini mestilah di situ diletakkan kaum wanita yang berwibawa. Kalau misal katakan kementerian tidak ada *list* itu saya ada *list* nama mereka-mereka yang berkemampuan. Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Sebenarnya Yang Berhormat kita memang ada data yang lengkap tentang semua kaum wanita yang berkebolehan dan berkelayakan. Seperti mana yang saya nyatakan tadi, kementerian ini sentiasa berusaha untuk meningkatkan penglibatan wanita untuk menyandang jawatan tinggi khususnya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini kita telah mengadakan mesyuarat pada 18 Mac baru-baru ini dengan Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara dan juga Permodalan Nasional serta Khazanah Malaysia untuk mencari strategi bagi meningkatkan wanita sebagai *board of directors* dengan izin. Kita cadangkan cadangan ini akan dikemukakan kepada kerajaan dalam masa yang terdekat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya bagi peringatan Yang Berhormat. Tujukan jawapan persoalan kepada saya Yang

Berhormat, kepada Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat. Kita tiga hala. Sila Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa sedang mencari strateginya untuk sektor perbankan, sekuriti dan lain-lain. Akan tetapi saya ada satu spesifik sama ada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini sedar bahawa hanya tiga orang pegawai daerah sahaja di antara 137 di seluruh Semenanjung sahaja tidak kira Sabah dan Sarawak.

■1220

Ini merupakan sangat-sangat minimum dan ia tidak cukup mewakili kepentingan kaum ibu dan juga kanak-kanak di dalam pembangunan daerah. Jadi macam mana, saya hendak bertanya sama ada sedang mencari strategi selepas banyak tahun kita menerima Beijing *platform of action*. Bilakah kita hendak cari strategi itu? Apakah sebabnya hanya tiga orang pegawai daerah sahaja. Satu jawatan yang begitu penting untuk pembangunan dan pembangunan ini saya rasa mestilah mengandungi juga wanita dan kanak-kanak. Jadi saya memohon jawapan. Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam yang sentiasa memperkasakan hak wanita. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Bukit Mertajam tentang struktur iaitu struktur kakitangan khususnya pegawai daerah yang ada pada masa kini dan kita akan mengambil maklum tentang perkara ini. Saya berharap kita sama-sama dapat memperbaiki keadaan yang ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Akan tetapi fakta itu kena buat *check* juga Yang Berhormat, sama ada di Sarawak, Sabah, Semenanjung dan sudah dirangkum sekali berapa orang.

Puan Heng Seai Kie: Ya, kita akan buat. Tuan Yang di-Pertua, untuk ini saya rasa kita perlu membuat satu kajian yang menyeluruh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya berminat Yang Berhormat, cukup kajian ini.

Puan Heng Seai Kie: Ya, bukan hanya untuk Sabah dan Sarawak.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, ini kerajaan bukan baru memerintah tiga tahun yang lalu. Ini kerajaan yang sudah memerintah 50 tahun. Ya, saya rasa ini sangat mengecewakan. Sampai hari ini barulah hendak *take note* mengenai situasi dan keadaan sekarang, baru hendak buat kajian. Bukan pegawai

daerah sahaja, situasi adalah sama dengan YDP Majlis Perbandaran. *All the Local Governments*, ketuanya berapa orang adalah wanita?

Saya rasa, Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memberitahu Dewan ini bahawa beliau akan mengambil maklum tentang keadaan ini dan mungkin satu kajian akan dibuat. Akan tetapi kita hendak komitmen yang lebih. Kita hendak ada sudah apa yang akan dibuat, kita hendak komitmen yang lebih konkrit.

Seperti semalam, saya hendak puji bahawa Yang Berhormat Sri Gading yang membawa satu isu yang penting mengatakan kita harus menghukum suami yang tidak bertanggungjawab, bapa yang tidak bertanggungjawab. Selepas cerai, tidak mahu memberi nafkah. Akan tetapi apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa ini bukan di dalam bidang kementerian beliau. Saya merasa sungguh kecewa kerana ini Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, haruslah bertanggungjawab bersama dalam Kabinet.

Sekurang-kurangnya mengatakan bahawa akan membawa ke Kabinet untuk dibincangkan dan diluluskan supaya ada pindaan ke atas akta, undang-undang yang mengenai nafkah. Inilah yang saya minta supaya kementerian ini lebih komited. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beritahu Dewan ini bahawa kementerian ini akan lebih komited?

Puan Heng Seai Kie: Yang Berhormat Bukit Mertajam, sebenarnya kementerian ini memang komited dalam memperkasakan hak dan kepentingan wanita. Merujuk kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sri Gading semalam yang mengatakan kerajaan patut menghukum lelaki yang menceraikan sewenang-wenangnya. Akan tetapi walau bagaimanapun, kalau ikut akta kita yang sedia ada, kita tidak menghukum seseorang itu kerana dia bercerai. Kita hanya boleh menghukum bila berlakunya salah laku seperti penderaan ke atas si isteri atau pun penderaan terhadap kanak-kanak dan itu pun diperuntukkan di bawah Akta Kanun Keseksaan.

Merujuk kepada soalan yang kedua ataupun isu kedua yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam tadi berkaitan dengan lambatnya. Kenapakah masa ini baru kita ambil tindakan? Sebenarnya dengan penubuhan kementerian ini sendiri, itu menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam usaha untuk memperkasakan hak dan kepentingan wanita. Jadi, saya berharap kita semua dapat kerjasama dan juga berusaha sama dalam memperkasakan ataupun meningkatkan status wanita di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, menjawab isu berhubung CEDAW yang dibangkitkan...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Bangun*]

Puan Heng Seai Kie: Boleh, dipersilakan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sebagai seorang timbalan menteri dan sebagai menteri wakil kementerian tidak boleh senang kata bahawa kita yang mesti sama-sama bekerjasama untuk meningkatkan kedudukan. Ini kerana sebagai seorang Ahli Parlimen di dalam Dewan ini, kami ada tanggungjawab kami. Akan tetapi seorang menteri, timbalan menteri ada tanggungjawabnya. Di sini saya rasa saya tidak lihat walaupun katakan komited. Saya ada bertanya, bolehkah kementerian memberitahu dalam sepuluh tahun yang diwujudkan kementerian ini, bagaimana kementerian ini telah memperkasakan kedudukan wanita? Apakah dasar yang telah dilaksanakan supaya betul-betulnya wanita diperkasakan? Bolehkah diberitahu selama sepuluh tahun ini, apa yang telah dilaksanakan?

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Sebenarnya, untuk jawapan saya yang seterusnya, memang akan saya bincangkan ataupun bentangkan kepada Dewan yang mulia ini tentang segala usaha dan pencapaian yang telah dicapai oleh kementerian ini dalam usaha untuk memperkasakan status wanita.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab isu berhubung dengan CEDAW yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuantan, kementerian sesungguhnya komited dalam mengarusperdanakan gender dan isu-isu wanita selaras dengan obligasi terhadap konvensyen mengenai penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita. Inisiatif mengarusperdanakan perspektif gender yang dilaksanakan telah menghasilkan banyak kejayaan. Ini dapat dilihat daripada aspek perundangan penggubalan dasar dan program yang dijalankan. Tuan Yang di-Pertua, dari aspek perundangan, beberapa undang-undang telah dipinda dan diwujudkan seperti berikut:

- (i) Perkara 82, Perlembagaan Persekutuan dipinda pada tahun 2001 bagi memastikan tiadanya diskriminasi berasaskan gender;
- (ii) Kanun Keseksaan dipinda pada tahun 2006 bagi meningkatkan hukuman bagi kesalahan jenayah seksual;
- (iii) penguatkuasaan peraturan-peraturan kerja iaitu pekerja separa masa, bagi membolehkan pekerja separa masa termasuk wanita menikmati faedah-faedah pekerjaan mulai tahun 2010; dan
- (iv) pindaan secara pentadbiran dibuat pada April 2010 terhadap peraturan imigresen bagi membolehkan wanita warganegara

Malaysia yang berkahwin dengan warga asing memohon kewarganegaraan bagi anak yang dilahirkan di luar negara.

Selain itu beberapa dasar juga telah digubal dan dilaksanakan seperti berikut:

- (i) Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita yang telah dikaji dan diluluskan pada tahun 2009; dan

■1230

- (ii) dasar 30 peratus penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan iaitu mulai tahun 2004. Selain itu, program-program bagi meningkatkan pengetahuan serta kefahaman masyarakat berhubung isu kesaksamaan gender juga telah dijalankan. Antara program-program yang dilaksanakan adalah:

- (a) literasi undang-undang;
- (b) program menangani keganasan terhadap wanita;
- (c) seminar kepekaan gender; dan
- (d) bengkel dan sesi latihan mengenai CEDAW untuk hakim-hakim dan pegawai undang-undang.

Berkaitan isu Akta Gangguan Seksual dan undang-undang yang berkaitan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ampang telah membangkitkan mengenai status Akta Gangguan Seksual. Kementerian sedang mengkaji keperluan untuk menggubal undang-undang yang berkaitan dengan gangguan seksual. Penggubalan akta yang berkaitan gangguan seksual memerlukan penelitian dalam segala aspek teknikal dan sosial budaya masyarakat Malaysia yang berbilang kaum serta rundingan dengan semua pihak yang berkepentingan. Ini adalah untuk memastikan penggubalan undang-undang yang berkaitan menepati objektifnya serta menegakkan keadilan kepada mangsa di samping tidak akan menganiayai sesiapa.

Pada masa ini, kes-kes gangguan seksual boleh ditangani di bawah peruntukan Kanun Keseksaan iaitu Akta 574 seperti yang berikut:

- (i) seksyen 509 – gangguan seksual dengan perkataan, isyarat, bunyi atau apa-apa benda yang ditunjukkan untuk mengaibkan kehormatan dan mengganggu kesantunan seseorang; dan
- (ii) seksyen 377D – gangguan seksual melalui perbuatan kelucahan melampau.

Yang Berhormat Ampang juga mencadangkan pelaksanaan undang-undang CEDAW dan mengkaji semula undang-undang yang dianggap mendiskriminasikan

wanita. CEDAW tidak mewajibkan Kerajaan Malaysia menggubal satu undang-undang khusus berkenaannya.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Laluan.

Puan Heng Seai Kie: Izinkan saya habiskan dulu perenggan ini ya. Walau bagaimanapun, kerajaan mengambil langkah-langkah bagi menangani isu-isu berkenaan dengan diskriminasi terhadap wanita. Antaranya pindaan kepada Fasal 2 Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan yang telah dibuat pada tahun 2001 yang melarang sebarang diskriminasi berasaskan jantina. Selain itu pada 7 September 2007, peruntukan berkaitan kesalahan rogol di dalam Kanun Keseksaan telah dipinda di mana hukuman bagi kesalahan rogol telah dinaikkan daripada lima tahun penjara kepada 20 tahun penjara. Sekian, silakan Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua, saya baru ini mendapat satu jawapan pertanyaan saya. Saya bacakan di sini, iaitu saya bertanya kepada Menteri Dalam Negeri, menyatakan adakah pihak kementerian menyasiat laporan dan kenyataan Migrant Care tentang seorang menteri merogol amahnya dan adakah kementerian menyedari NGO ini masih mempertahankan laporan tersebut. Jawapan daripada kementerian

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ini tak ada kena-mengena dengan apa yang dibangkitkan.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ya, pasal ini *sexual harassment*. Ini berkenaan dengan *sexual harassment*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ini *sexual harassment* bukan hal rogol Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ya, ya tapi ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ini tak payahlah benda yang begini dibangkitkan macam ini Yang Berhormat. Bukan cara dia.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya rasa ini sangat penting sebab apa ini melibatkan kaum wanita yang duduk sebagai *subordinate*. Minta Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kita buat undang-undang peraturan kita sendiri dalam Dewan ini, patut Dewan hormatlah dengan peraturan kita sendiri.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ya, ya. Saya sikit sahaja lagi nak habiskan. Jawapannya adalah untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan

yang mulia ini, pada masa ini kes yang dimaksudkan masih dalam siasatan PDRM. Jadi saya lihat di sini tidak ada semasa kes ini dihebahkan, tidak ada pun satu kenyataan ataupun daripada pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sedangkan isu ini melibatkan asalnya mungkin *sexual harassment* sehingga mana akhirnya mungkin berlaku. Ini kita tak tahu sebab dalam siasatan. Jadi saya ingin bertanya, adakah pihak kementerian mengambil berat tentang isu seperti ini kerana ia bukan sahaja melibatkan seorang Menteri, tetapi juga melibatkan seorang pekerja asing yang sepatutnya dilindungi. Jadi ia masih dalam siasatan dan saya kira sepatutnya kementerian menggesa supaya pihak PDRM mempercepatkan kerana ini telah menjadi isu antarabangsa dan NGO yang berkenaan yang saya katakan itu tidak pun langsung menarik laporannya tentang perkara yang tersebut. Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita tadi membangkitkan perkara-perkara yang tertentu. Jadi kalau ini tidak ada berhubung kait dengan apa Yang Berhormat sebut itu lagipun di Dewan ini bertanya apa tindakan kerajaan, tapi sudah dijawab mengatakan polis masih menyelidik. Jadi apa lagi Yang Berhormat nak sebut? Nak ketuk kepala polis kata cepat, cepat, cepat, cepat ataupun macam mana? Sila Yang Berhormat.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Seperti mana yang dinyatakan, kita tunggu sahajalah hasil siasatan daripada PDRM ya. Yang Berhormat Ampang juga mencadangkan pelaksanaan undang-undang CEDAW dan mengkaji semula undang-undang yang dianggap... Minta maaf ya, ini tadi sudah pun dibentangkan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Puan Heng Seai Kie: Silakan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberikan beberapa undang-undang yang telah dipinda sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dan beliau menunjukkan bahawa sebagai satu bukti bahawa kementerian ini memang ada membuat sesuatu selama ini. Saya bersetuju juga ada undang-undang sudah dipinda, tetapi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan mengapa gender indeks untuk Malaysia sebenarnya semakin merosot daripada tahun 2007 sampai 2009, ia semakin merosot dan ia juga tidak mengurangkan *gender gap* dalam bidang politik dan juga ekonomi. Bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan apakah sebabnya.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Untuk *gender gap* dalam bidang politik, tadi saya telah memberikan datanya yang jelas menunjukkan sebenarnya kalau kita bandingkan iaitu Ahli Parlimen bukan sahaja di Dewan Rakyat ataupun di Dewan Negara, sebenarnya ia telah menunjukkan peningkatan iaitu daripada tahun 2004 untuk Dewan Rakyat, hanya terdapat 9.6 peratus wakil rakyat perempuan tetapi pada tahun 2010, ia telah meningkat kepada 10.8 peratus dan daripada segi perjawatan yang memegang jawatan menteri juga meningkat iaitu daripada tahun 2004 daripada 9.4 peratus dan Timbalan Menteri pula daripada 7.7 peratus pada tahun 2004 ia telah meningkat kepada 17 peratus pada tahun 2010.

■1240

Berkenaan dengan soalan yang kedua yang dibangkitkan. Silakan. Minta maaf ya.... Ya? Okey, untuk isu ini saya tidak mempunyai sebarang maklumat dengan saya pada masa kini. Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan secara bertulis.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya boleh memberikan keterangan bahawa *gender index* adalah kedudukan Malaysia pada 2009 kedudukannya ke-101. Akan tetapi sebelum itu ialah ke-97. Jadi, ia menunjukkan bahawa kedudukan Malaysia dalam pencapaian gender ini telah merosot kalau dibandingkan dengan negara-negara yang lain. Inilah yang saya maksudkan. Kalau kita sudah buat beberapa perkara untuk memperkasakan kedudukan wanita tetapi indeks gender Malaysia ini masih merosot, apakah sebabnya? Itu yang saya tanya.

Puan Heng Seai Kie: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam. Sebenarnya kedudukan Malaysia dalam laporan *the Global Gender Gap* telah meningkat dari tempat 100 pada tahun 2009 ke tempat 98 pada tahun 2010 dengan skor 0.648. Pencapaian dalam pendidikan iaitu dengan izin, *education attainment* meningkat daripada 0.989 pada tahun 2009 kepada 0.99 pada tahun 2010. Kedudukan Malaysia telah menurun dari tempat ke-77 pada tahun 2009 kepada 65 pada tahun 2010.

Kedua ialah dari segi pencapaian dalam kesihatan, kita juga telah meningkat dari 0.969 pada tahun 2009 kepada 0.974 pada tahun 2010. Kedudukan Malaysia juga telah meningkat dari tempat ke-103 pada tahun 2009 kepada 76 pada tahun 2010. Dari segi pencapaian dalam penyertaan dan peluang ekonomi seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam tadi iaitu dengan izin, *economic participation and opportunity* meningkat dari 0.565 pada tahun 2009 kepada 0.576 pada tahun 2010.

Kedudukan Malaysia telah meningkat dari tempat ke-104 pada tahun 2009 kepada 99 pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, tentang tiada kemajuan dari segi politik ataupun *political employment* di mana skor Malaysia menurun daripada 0.063 pada tahun 2009 kepada 0.052 pada tahun 2010 walaupun kedudukan Malaysia telah meningkat dari 113 pada tahun 2009 kepada 110 pada tahun 2010. Jadi, penurunan ini adalah disebabkan oleh penurunan bilangan wanita di Parlimen dan juga Menteri Wanita. Sekian.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya hendak minta sedikit laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap tentang isu *sexual harassment* tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa ini bukan masa bercakap lagi Yang Berhormat. Ini masa penjelasan Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tidak, tidak. Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Maknanya, Yang Berhormat tunggu dahulu.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Maknanya Yang Berhormat Menteri kena bercakap dahulu. Kalau ada tidak jelas, kekeliruan dan sebagainya dalam pandangan Yang Berhormat, baru boleh bertanya.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tidak, Yang Berhormat Menteri telah bercakap tentang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Akan tetapi kalau hendak bercakap, cerita baru masuk macam ini tadi kalau tidak ada dalam jawapan menteri, menteri kena cari. Saya lihat pegawai pun hantar jawapan.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sebab ia isu baru. Jadi Yang Berhormat jangan bawa isu yang tidak ada dibincangkan dalam mesyuarat dahulu. Ini sudah tidak betul Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ya. Ini berkenaan dengan *sexual harassment*. Undang-undang *sexual harassment*. Adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri menyedari bahawa *sexual harassment* ini bukan sahaja berlaku daripada kaum lelaki kepada kaum wanita tetapi juga berlaku gangguan ini daripada kaum wanita kepada kaum lelaki.

Saya mendapat satu maklumat iaitu di mana dalam fb saya, ini rakyat suruh bawa. Orang lelaki suruh bawa, mengatakan mereka terganggu dengan gangguan seksual daripada kaum wanita terutama yang berpakaian yang melampau dari segi pendedahan tubuh badan dia. Adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri menyedari bahawa di dua buah negeri di Amerika iaitu di Atlanta dan Louisiana mereka telah mengadakan peraturan tidak membenarkan kaum wanita memakai 'seluar londeh' namanya iaitu seluar yang rendah di bawah pusat itu kerana ini menjadi satu gangguan seksual kepada kaum lelaki. Jadi, adakah perkara-perkara ini juga dititikberatkan dan diambil kira dalam undang-undang dan juga penegasan peraturan *sexual harassment*? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak beritahu sedikit ya. Saya menghadiri sesi soal jawab Perdana Menteri Britain dengan Ahli-ahli Parlimen. Apabila dia ditanya soalan panjang macam ini sedarkah atau tidak Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri berdiri, jawab saya sedar dia duduk.

Selepas itu adakah ini diambil kira apabila membuat undang-undang? Ada... Duduk. Sila Yang Berhormat, ini soalan tambahan Yang Berhormat.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Saya memang sedar tentang perkara ini dan sebenarnya gangguan seksual ini memang berlaku di kalangan semua jantina. Berkaitan dengan akta, kementerian dalam cadangan untuk penggubalan akta ini dan kita memang mengambil kira tentang sosiobudaya masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ampang mencadangkan agar kementerian membuat penilaian semula terhadap pelaksanaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 agar ianya bersifat adil gender tanpa mengira bangsa dan agama. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kementerian telah melaksanakan pindaan terhadap Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 Akta 521 melalui Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2011 yang dijangka akan dibentangkan pada tahun ini.

Antara pindaan yang dicadangkan ialah meluaskan takrifan keganasan rumah tangga meliputi kecederaan emosi dan psikologi. Pelaksanaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 iaitu Akta 521 bukan sahaja tidak membezakan jantina malah juga tidak mengira bangsa dan agama mangsa bagi menjamin hak mereka terpelihara dengan perlindungan yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan mengenai isu Penan, kementerian ini telah dimaklumkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bahawa laporan siasatan yang telah dibuat mendapati dua kes tidak dapat diteruskan siasatannya kerana mangsa tidak dapat mengenal pasti perogol. Satu kes keterangan menunjukkan mangsa telah berkahwin dengan suspek menurut adat Penan. Manakala siasatan bagi lima kes lagi iaitu saksi menyatakan tidak wujud kejadian seperti yang didakwa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Raja dan Yang Berhormat Bukit Mertajam ...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan sebelum itu.

Puan Heng Seai Kie: Silakan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengapa pindaan kepada Akta Keganasan Rumah Tangga itu mengambil masa yang begitu lama dan juga kajian ke atas akta sama ada kita perlukan satu akta gangguan seksual, iaitu telah dikaji sejak 2011, banyak pertubuhan wanita telah menggesa selama ini. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan mengapa ia mengambil masa yang begitu panjang? Pada waktu yang sama kita telah meminda akta-akta lain sebanyak dua atau tiga kali dalam masa lima tahun. Mengapa kementerian ini begitu lambat untuk meminda akta-akta yang memberi kesan terhadap wanita? Terima kasih.

■1250

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ini perkara yang baru Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat sudah ada jawapan beri jawapan.

Puan Heng Seai Kie: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya penggubalan akta itu perlulah dilakukan secara teliti. Oleh itu, dalam proses penggubalan, kita selalunya mengambil kira pendapat dan idea daripada semua pihak yang berkepentingan. Begitu juga dengan pindaan kerana akta ataupun sebarang pindaan yang dibuat itu haruslah dilakukan secara teliti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Raja dan Yang Berhormat Bukit Mertajam juga membangkitkan tentang pewujudan pusat penjagaan kanak-kanak. Dalam hal ini, kerajaan sentiasa meningkatkan usaha bagi menangani halangan yang dihadapi wanita bekerja terutama berhubung masalah penjagaan anak. Justeru, pelbagai insentif disediakan bagi membantu mereka meneruskan kerjaya.

Antaranya, kerajaan menyediakan geran pelancaran sebanyak RM200,000 bagi penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja di sektor awam. Geran pelancaran sebanyak RM55,000 dan geran bagi kos operasi sebanyak RM64,000 setahun pula disediakan bagi penubuhan taska komuniti di kawasan kediaman.

Selain itu, kerajaan juga memberikan subsidi yuran taska sebanyak RM180 sebulan untuk setiap anak bagi isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan yang menghantar anak mereka ke taska di tempat kerja sektor awam. Subsidi yuran juga diberikan kepada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan di bandar dan RM1,200 sebulan di luar bandar bagi mereka yang menghantar anak mereka ke taska komuniti. Di sektor swasta pula, sejak tahun 1996 lagi kerajaan telah bersetuju untuk memberikan insentif potongan cukai sebanyak 10 peratus daripada jumlah kos kepada syarikat yang mempunyai bangunan yang dikhususkan sebagai pusat jagaan kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Sabak Bernam, di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan sebelum itu.

Puan Heng Seai Kie: Ya, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Lagi panjang jawapan Yang Berhormat? Berapa lama lagi Yang Berhormat?

Puan Heng Seai Kie: Lebih kurang 20 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Berapa?

Puan Heng Seai Kie: 20 minit.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai pusat jagaan kanak-kanak, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun telah memberi beberapa langkah yang telah diambil tetapi bolehkah saya meminta beliau memberitahu Dewan ini mengenai keberhasilan atau *effectiveness* nya, apakah kesan atau kos efektifnya? Umpamanya, sudah ada berapa sektor awam yang telah mendirikan pusat jagaan kanak-kanak dengan menggunakan insentif yang diberi oleh kerajaan? Juga, berapakah taska komuniti yang ada pada masa ini? Berapa orang kanak-kanak telah mendapat manfaat daripada skim kepada keluarga yang berpendapatan di bawah RM300? Bolehkan diberi data-data seperti ini? Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Sebenarnya di seluruh negara pada masa kini terdapat 32 taska komuniti yang telah pun

ditubuhkan. Bagi sektor awam pula, kementerian ini menggalakkan semua sektor awam supaya menubuhkan taska di tempat kerja masing-masing. Walau bagaimanapun, ia juga bergantung kepada ruang dan juga struktur bangunan yang ada. Tentang maklumat terperinci berkenaan bilangan kanak-kanak, saya minta untuk beri penjelasan secara bertulis kerana ia tidak berada dengan saya pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Sabak Bernam, di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara bagi meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah, salah satu petunjuk prestasi utama nasional iaitu NKPI pada tahun 2011 adalah verifikasi data e-Kasih. Penetapan NKPI ini adalah bertujuan untuk memastikan agar golongan yang berpendapatan rendah di seluruh pelosok negara didaftarkan ke dalam sistem e-Kasih dan seterusnya mendapat perhatian dan bantuan sewajarnya daripada semua agensi kerajaan yang terlibat di dalam agenda pembasmian kemiskinan. Kementerian ini bersama Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri sedang dalam usaha untuk memastikan agar pendaftaran ketua isi rumah yang berada di bawah pendapatan garis kemiskinan ke dalam sistem e-Kasih dapat diperluaskan.

Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Salak, pendekatan turun padang atau *social outreach* sememangnya menjadi amalan pegawai-pegawai JKM bagi memastikan golongan yang memerlukan mendapat bantuan yang sewajarnya. Langkah ini adalah sebahagian daripada usaha kementerian untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar kementerian.

Antara usaha yang dijalankan adalah, dengan kerjasama NGO, kita menyediakan sebanyak 11 buah van Unit Khidmat Penyayang Warga Emas yang bertujuan menyediakan kemudahan pengangkutan untuk warga emas yang miskin tinggal berseorangan di rumah atau yang menghadiri aktiviti di pusat penjagaan harian warga emas untuk ke hospital atau klinik bagi mendapatkan rawatan kesihatan.

Selain itu, sebanyak 29 unit *mini bus* MAYANG dan 23 buah van MAYANG juga turut diadakan untuk pegawai-pegawai JKM membuat lawatan ke kawasan pedalaman.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan sedikit.

Puan Heng Seai Kie: Ya, silakan.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tahniah di atas usaha yang telah dibuat oleh kementerian untuk memastikan sasaran bantuan sampai kepada sasaran yang sebenar. Cuma, kita ingin penjelasan apakah SOP yang disediakan oleh pihak jabatan di bawah Jabatan

Kebajikan Masyarakat ini khususnya, sebab banyak permohonan yang dibuat kadangkala melewati lebih daripada enam bulan sampai kepada setahun. Banyak kes-kes kalau kita tengok yang terkini yang dimohon yang dimaklumkan oleh pegawai kepada kita bahawa peruntukannya amat terhad – terpaksa dipotong, dibuang nama dan sebagainya.

Jadi apakah SOP yang ada sekarang yang diguna pakai untuk KPI bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat ini untuk memastikan semua golongan yang berhak bantuan mendapat perkhidmatan yang terbaik? Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, jam sudah pukul 1. Untuk berhenti tengah hari ini Yang Berhormat, saya tidak ada kuasa dalam peraturan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Persidangan sesi pagi ditangguhkan dahulu dan Mesyuarat akan bermula semula pada jam 2.30 petang nanti.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

■1430

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri, panjang lagi?

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Heng Seai Kie]: Tuan Yang di-Pertua masih ada sembilan muka surat.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dahulu Yang Berhormat Menteri, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Kuorum tidak cukup Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kuorum?

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Saya rasa kuorum tidak cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau awal-awal tadi beritahu kuorum tidak cukup, saya tidak masuk. Sila bunyikan loceng.

Puan Heng Seai Kie: Tuan Yang di-Pertua

[Loceng dibunyikan]

[Ahli-ahli dikira: 26 Ahli hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Ahli-ahli Yang Berhormat. Pandangan mata kasar saya cukup bilangan untuk bermesyuarat. Sila Menteri teruskan.

2.35 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Heng Seai Kie]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang sebentar tadi, penerima bantuan kebajikan telah bertambah dengan jumlah yang mendadak sejak tahun 2007 hingga 2010 tetapi bilangan kakitangan masih tidak berubah. Umpamanya daripada tahun 2007, bilangan permohonan dan juga penerima bantuan JKM adalah sebanyak 207,828 kes berbanding tahun 2010 ia meningkat dua kali ganda kepada 417,552 kes. Kedua ialah nisbah pekerja dengan penerima bantuan adalah semakin bertambah. Purata misalnya di kawasan Pasir Mas seorang pekerja JKM adalah rasionya ialah 1: 400 orang *client*.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kadar peringkat antarabangsa yang berasaskan model Australia. Sebenarnya nisbah pekerja sosial dengan *client* yang sepatutnya ialah 1 nisbah 30 hingga 40 orang. Ini bermaksud beban pekerja JKM yang semasa adalah 10 kali ganda lebih daripada piawaian yang telah ditetapkan dan perkara ini telah pun disebut dalam Laporan Audit Tahun 2010.

Walau bagaimanapun, menyedari tentang masalah yang wujud, kementerian telah mengambil beberapa langkah penambahbaikan pengurusan ini termasuklah:

- (i) memperkenalkan sistem bayaran bantuan JKM melalui bank yang dapat menjimatkan masa dan tenaga pegawai JKM untuk digunakan dalam pemprosesan permohonan yang baru;
- (ii) memperkenalkan dengan izin, *business process reengineering* dalam pengurusan bantuan dengan proses tapisan di peringkat kaunter JKM kepada pemohon yang dapat hadirkan diri ke pejabat JKM dan mereka yang lain yang berada di kawasan pedalaman pula akan dikunjungi oleh pegawai-pegawai JKM berdasarkan pejabat-pejabat bergerak melalui 33 buah van serta 29 buah mini bas yang bergerak; dan
- (iii) mewujudkan *task force* di peringkat daerah dan negeri khususnya untuk menyelesaikan kes-kes tertunggak.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung pembayaran elaun bantuan melalui bank yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerai pada masa ini 60 peratus daripada bayaran

bantuan kebajikan bulanan adalah dibuat melalui bank manakala bakinya dibayar secara tunai. JKM mensasarkan pembayaran melalui bank sehingga 90 peratus pada tahun 2015. Bayaran secara tunai hanya dihadkan kepada mereka yang benar-benar tidak mampu ke bank seperti pesakit kronik dan terlantar serta bagi kawasan yang tidak mempunyai kemudahan bank.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jerai dan Yang Berhormat Tuaran juga bertanya mengenai projek CARI. Projek CARI merupakan satu inisiatif kementerian melalui JKM bagi memastikan setiap golongan yang memerlukan dan layak diberi bantuan. Pemberhentian bantuan kebajikan termasuk di bawah projek CARI hanya dilakukan ke atas kes-kes yang telah melepasi kriteria seperti berikut:

- (i) pendapatan keluarganya telah melebihi pendapatan garis kemiskinan yang semasa iaitu RM720 di Semenanjung, RM830 di Sarawak dan RM960 di Sabah dan Labuan;
- (ii) keadaan kesihatan bagi penerima bantuan bertambah baik dan sudah boleh bekerja seperti biasa; dan
- (iii) penerima bantuan mempunyai anak yang sudah bekerja dan mampu menyara kos sara hidup keluarganya.

Bagi Daerah Tuaran di Sabah, dari Julai 2008 hingga Oktober 2009, sebanyak 1,093 kes telah dirujuk dan dari jumlah tersebut 839 kes telah diluluskan bantuan kewangan. Kes-kes ini adalah diluluskan setelah siasatan dijalankan oleh pegawai-pegawai kebajikan yang turun padang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Batang Sadong, kerajaan tidak bercadang untuk memberi elaun kepada wanita dan lelaki yang tidak bekerja kerana menjaga rumah tangga memandangkan ia mempunyai implikasi kewangan yang besar. Malah ia boleh memberi gambaran bahawa Malaysia sebuah negara kebajikan sedangkan kerajaan menekankan kepada konsep kebajikan produktif iaitu dengan izin, *productive welfare*. Namun, atas keprihatinan kerajaan terhadap pentingnya kebajikan ahli keluarga dipelihara, kerajaan telah memperluaskan pelepasan cukai ke atas perbelanjaan perubatan ibu bapa sehingga RM5,000 setahun kepada perbelanjaan penjagaan ibu bapa mulai tahun tafsiran 2011.

Yang Berhormat Sri Gading mencadangkan agar kementerian dan agensi yang lain bekerjasama bagi mengurangkan kesusahan masyarakat bandar. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa prihatin dan menggunakan

pelbagai pendekatan termasuk menjalin kerjasama dengan pelbagai agensi dalam menangani isu kemiskinan bandar. Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara yang diterajui oleh kementerian, pelbagai inisiatif dilaksanakan. Antaranya di bawah inisiatif program 1Azam. Sebagai contoh Program 1Azam Tani dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Azam Kerja dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia, Azam Niaga dan Azam Khidmat dengan kerjasama Amanah Ikhtiar Malaysia.

Inisiatif yang ketara dilaksanakan di bawah NKRA yang memberi manfaat kepada golongan berpendapatan rendah di kawasan bandar adalah bantuan perumahan. Ini dibuktikan dengan penetapan salah satu Petunjuk Prestasi Utama Nasional pada tahun 2010 dengan menawarkan sebanyak 61,136 unit rumah di bawah Projek Perumahan Rakyat yang dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk disewa sebelum 31 Disember 2010 dan sebanyak 91% atau 55,864 unit rumah telah pun berjaya diduduki oleh penyewa yang layak.

Yang Berhormat Kuala Nerus bertanyakan statistik OKU yang telah mendapat pekerjaan. Berdasarkan statistik maklumat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, bagi tempoh 1996 sehingga 2010, seramai 1,113 OKU telah mendapat pekerjaan di sektor awam. Daripada jumlah tersebut, 171 OKU terdiri daripada kumpulan pengurusan dan profesional.

Berhubung isu penjagaan kanak-kanak yang tidak berdaftar, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam. Suka saya jelaskan bahawa kementerian melalui JKM akan terus berusaha untuk membantu pusat-pusat ini berdaftar dan mematuhi piawaian yang ditetapkan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993, Akta 506 dan Peraturan-peraturan Pusat Jagaan 1994. Usaha ini dibuat bagi memastikan keselamatan, kesihatan serta hak kanak-kanak yang menghuni pusat jagaan ini terpelihara. Antara langkah-langkah yang diambil oleh JKM ialah:-

- (i) mewujudkan pasukan petugas iaitu dengan izin *task force*, penyelarasan antara agensi teknikal iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat, pihak berkusa tempatan dan Jabatan Kesihatan untuk mengurangkan birokrasi dan mempercepatkan proses pendaftaran;
- (ii) mengesan pusat jagaan yang tidak berdaftar untuk memberi surat peringatan dan memberi bantuan khidmat nasihat kepada

pengusaha supaya mendaftarkan pusat jagaan mereka secepat mungkin;

- (iii) mengadakan sesi taklimat dan dialog dengan pengusaha pusat-pusat jagaan di seluruh negara untuk mengenal pasti permasalahan yang dihadapi mereka; dan
- (iv) meminda Akta Pusat Jagaan 1993 pada tahun 2007 untuk mengurangkan kerenah birokrasi iaitu:-
 - (a) menurunkan kuasa daripada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat kepada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri untuk meluluskan perakuan pendaftaran; dan
 - (b) menambahkan tempoh sah perakuan pendaftaran daripada satu tahun kepada lima tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat Batang Sadong, kementerian sentiasa mengadakan kerjasama dengan NGO seluruh Malaysia bagi membincangkan isu masalah sosial yang semakin berleluasa. Bagi tujuan ini, kementerian sentiasa menjalin kerjasama dengan pihak NGO dalam usaha mengatasi isu sosial di negara ini. Salah satu kaedah yang masih diamalkan oleh kementerian untuk mendekati kumpulan sasar adalah melalui Pakatan Bestari dengan NGO. Justeru, pembangunan program dan aktiviti bagi menangani isu sosial sentiasa dibincangkan bersama NGO-NGO yang telah dikenal pasti.

Pandangan dan cadangan NGO akan diambil kira dalam pelaksanaan program atau aktiviti di bawah kementerian dan agensinya. Selain itu, sesi dialog bersama Yang Berhormat Menteri dan NGO akan diadakan dari semasa ke semasa untuk membincangkan pelbagai isu sosial. Akhirnya, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Kementerian seterusnya Kementerian Luar Negeri. Sila.

2.49 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri II [Datuk Richard Riot anak Jaem]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, selamat petang dan salam 1Malaysia. Pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah mengambil

bahagian dalam perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini dari 8 hari bulan hingga 17 hari bulan yang lalu.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan penjelasan terhadap perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Luar Negeri yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan tersebut. Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang Kerian dan Yang Berhormat Balik Pulau yang menyarankan menambah bajet Kementerian Luar Negeri untuk kepentingan diplomasi dan negara selaras dengan cabaran yang semakin mencabar dalam pelaksanaan tugas diplomasi. Untuk makluman Dewan yang mulia, Kementerian Luar Negeri sentiasa berusaha menyediakan kelengkapan dan peralatan yang cukup bagi menghadapi situasi diplomasi yang semakin mencabar berdasarkan peruntukan yang diluluskan kepada kementerian ini oleh Perbendaharaan.

Setiap perbelanjaan kementerian ini telah dilakukan secara berhemat mengikut kemampuan perbelanjaan kementerian semasa. Walau bagaimanapun bebanan perbelanjaan mengurus kementerian ini semakin meningkat susulan daripada penambahan aktiviti diplomasi dan senario perhubungan antarabangsa serta pelbagai krisis politik dan malapetaka. Sehubungan ini kementerian ini amat berharap agar peruntukan belanja mengurus Kementerian Luar Negeri akan dinaikkan sejajar dengan peranan yang dimainkan oleh kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua mengenai isu Persidangan *Langkawi International Dialogue* (LID) yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Langkawi..

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua minta mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bayan Baru.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Boleh sedikit?

Datuk Richard Riot anak Jaem: Saya belum habis lagi baru...

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Fasal perbelanjaan tadi saya hendak cakap sedikit.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Apa dia?

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya hendak tanya pasal perbelanjaan tadi. Perbelanjaan di Kementerian Luar Negeri.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Okey.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Timbalan Menteri memang wang ini selalu memang tidak cukup. Akan tetapi apakah sebenarnya peranan misi kita di luar negara khususnya dari segi menghakis fitnah-fitnah yang dilemparkan ke negara kita di luar negara. Dia bergabung dengan wang perbelanjaan juga sebab bila saya ke luar negara beberapa kali ada sesetengah misi itu di mana dutanya ataupun *chief mission* nya tidak boleh ikut sebabnya wang tidak cukup. Saya difahamkan adalah lebih kurang 106 *mission* di seluruh dunia dan perbelanjaan tahun ini ialah RM579 juta. Kalau hendak kira daripada tahun sudah hanya meningkat 3%.

Dengan kerja-kerja serius yang dilakukan oleh *mission-mission* kita, berapa sebenarnya yang diperlukan oleh Kementerian Luar Negeri supaya mencukupi apa yang telah dikatakan oleh Timbalan Menteri. Kalau kita kata tidak cukup itu sampai bila pun tidak cukup. Akan tetapi berapakah sebenarnya yang misi-misi kita di luar negara perlu untuk menjalankan kerja dengan efisien dan berkesan.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Itulah sebabnya kita di kementerian amat berterima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat dari Kubang Kerian dan juga Yang Berhormat dari Balik Pulau yang telah menyarankan agar bajet untuk Kementerian Luar Negeri ditambah. Ini kerana saya percaya mereka berdua ini iaitu Yang Berhormat dari Kubang Kerian dan Yang Berhormat dari Balik Pulau sedar bahawa lebih lagi dengan pergolakan politik yang berlaku di luar negara. Tambah lagi dengan bencana yang telah berlaku di Queensland, di Christchurch dan baru-baru ini di Jepun, memang peruntukan telah diperuntukkan untuk Kementerian Luar Negeri perlu ditambah.

Bagi jawapan angka mungkin ada pembetulan sedikit. Sebenarnya pada tahun 2011 ini peruntukan yang telah diperuntukkan untuk Kementerian Luar Negeri iaitu di bawah pengurusan ialah sebanyak RM579.8 juta. Untuk belanja pembangunan ia berjumlah RM102.9 juta. Walau bagaimanapun, saya juga mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada rakan saya tadi yang telah menanyakan berapakah peruntukan sebenarnya yang diperlukan oleh Kementerian Luar Negeri dalam ia melaksanakan tugasnya. Dalam perkara ini saya tidak ada angka, minta maaf Yang Berhormat tetapi walau bagaimanapun kalau perlu saya boleh bagi jumlah sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada isu Persidangan LID atau *Langkawi International Dialogue* yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Langkawi, ingin saya menerangkan bahawa kesinambungan daripada LID 2007 yang telah diadakan di

Langkawi serta penganjuran *Global Smart Partnership Dialogue (GSPD)* pada tahun 2008 di Lusaka, Zambia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dalam kapasiti beliau ketika itu sebagai Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Malaysia akan menganjurkan LID pada tahun 2010. Ini adalah selaras dengan persetujuan yang telah diberikan oleh bekas Perdana Menteri di mana LID dihostkan oleh Malaysia sekali dalam tiga tahun.

Perkara yang sama mengenai penganjuran LID (*Langkawi International Dialogue*) pada tahun 2010 oleh Malaysia juga telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin semasa penganjuran GSPD (*Global Smart Partnership Dialogue*) 2010 di Munyonyo, Uganda. Walau bagaimanapun penganjuran LID pada tahun 2010 tidak dapat diadakan atas sebab tugas-tugas ketua-ketua negara atau kerajaan negara-negara Afrika dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ketat. Di mana LID 2010 ditangguhkan penganjurannya ke tahun 2011 ini.

LID 2011 akan diadakan dari 19 hingga 21 Jun 2011 di Putrajaya, Malaysia. Untuk makluman Dewan yang mulia ini...

Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: *[Bangun]*

Datuk Richard Riot anak Jaem: Nanti sekejap Yang Berhormat Langkawi, Dato' Paduka Abu Bakar, terima kasih. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini LID pada tahun sebelum ini telah diadakan di Langkawi. Namun demikian - ini mungkin menjawab saya ramalkan soalan yang akan dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Langkawi. Saya ulang, untuk maklumat Dewan yang mulia ini LID pada tahun-tahun sebelum ini telah diadakan di Langkawi. Namun demikian LID 2011 akan diadakan di Putrajaya selaras dengan cadangan daripada beberapa ketua negara atau kerajaan negara-negara peserta LID. Selain daripada memberi peluang kepada peserta-peserta untuk melawat Kuala Lumpur, Cyberjaya dan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang terletak di Putrajaya.

■1500

Bagi LID 2010/2011, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju agar format LID diadakan berbeza daripada LID-LID sebelum ini. Ini adalah bagi memastikan agar LID 2011 lebih fokus, berkesan dan tidak kelihatan tidak teratur dan terlalu informal pada masa-masa yang lepas. Tema bagi LID 2011 pula akan tertumpu kepada transformasi dan pembangunan sosioekonomi. Selain daripada itu buat julung kalinya satu Forum Perniagaan iaitu Business Forum dengan izin juga akan diadakan

bagi meningkatkan kerjasama pelaburan dan perniagaan antara Malaysia dan negara-negara Afrika.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk terus menyentuh isu peranan Malaysia sebagai anggota OIC di dalam kemelut Libya. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Parit Buntar semasa perbahasan Titah Diraja telah menyentuh mengenai peranan Malaysia sebagai ahli Pertubuhan Persidangan Islam iaitu OIC berhubung krisis di Libya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia sebagai negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam OIC serta sentiasa memainkan peranan yang aktif terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh Libya dan negara-negara anggota OIC yang lain menerusi platform OIC terutamanya mesyuarat-mesyuarat OIC yang telah dan akan diadakan.

Pada 23 Februari 2011, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa rangka lawatan rasmi beliau ke Turki telah mengeluarkan kenyataan menggesa pemimpin Libya iaitu Muammar Gaddafi supaya tidak menggunakan kekerasan dan keganasan terhadap rakyatnya yang berdemonstrasi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut menggesa pemimpin Libya itu menghayati aspirasi rakyat dan melakukan perubahan seperti yang mereka kehendaki. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menyeru pihak pro demokrasi dan kerajaan untuk mengelakkan daripada menggunakan kekerasan untuk mencapai apa yang mereka hajati.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah menyertai mesyuarat tergepar jawatankuasa wakil-wakil tetap ke OIC yang diadakan di Jeddah, Saudi Arabia pada 8 Mac 2011 bagi membincangkan krisis yang berlaku di Libya. Mesyuarat ini telah mengeluarkan satu kenyataan rasmi atau dengan izin *communiqué* yang mendesak Kerajaan Libya untuk menghentikan serangan dan keganasan ke atas rakyatnya dengan serta-merta dan menggesa masyarakat antarabangsa untuk membantu meringankan kesengsaraan rakyat di Libya dengan menghulurkan bantuan kemanusiaan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, penjelasan Yang Berhormat Balik Pulau.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sebenarnya terkilan di mana OIC ini seolah-olah tidak memainkan peranan secara langsung dalam menegakkan keadilan dunia Islam sejagat. Di mana Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah melakukan sesuatu diskriminasi kaum, diskriminasi agama. Israel memerangi Palestin berpuluh-puluh tahun. Dia tidak

pun *endorse* satu ketetapan untuk memerangi Israel. Akan tetapi Libya dalam negara sendiri, tetapi OIC betullah cakap orang 'Oh, I see'. Tidak ada apa-apa, *no action* nampaknya. Jadi apakah sebenarnya Kementerian Luar Negeri kita memastikan bahawa kita tetap berpendirian teguh. PBB seharusnya menjadi satu badan dunia yang lebih melihat ke arah kesaksamaan dunia sejagat. Bukan memerangi negara-negara tertentu. Malaysia harus bersuara dalam soal ini.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Timbalan Menteri mohon penjelasan. Mengenai isu sikap Malaysia yang dinyatakan di Turki. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya betulkan fakta kalau fakta ini agak tidak tepat. Apa yang diuar-uarkan lawatan Malaysia di Turki isu Libya ini bukan isu yang diangkat oleh media atau perdana. Yang lebih diangkat pada faktanya ialah anugerah yang diberi. Mungkin kerjasama ekonomi, mungkin. Seingat saya bukan isu sikap Malaysia terhadap dengan izin *crimes against humanity* terhadap rakyat di Libya tersebut, satu mohon penjelasan.

Yang kedua, kalau betul itu sikap Malaysia, saya mencadangkan dengan izin *political capital* Malaysia di dalam OIC selaku mantan Pengerusi. Saya rasa pada bulan ini akan diadakan satu *World Economic Islamic Forum* di Kazakhstan yang Malaysia terlibat secara langsung. Saya yakin isu demokrasi, isu pembangunan, isu ekonomi adalah satu perkara yang berkait rapat. Saya rasa Malaysia perlu sekali lagi perlu menyatakan sikap yang lebih tegas terhadap Libya ini. Seperti yang saya bahas tempoh hari, nampak seolah-olah Indonesia yang cuba menjadi kepimpinan di ASEAN dan di OIC, saya rasa Malaysia punya potensi *to lead the issue*, mohon penjelasan.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, dua soalan di sini, satu dari rakan saya Yang Berhormat Kinabatangan dan satu lagi dari Yang Berhormat Balik Pulau. Soalan OIC, kita semua sedia maklum bahawa dua perkara di sini, satu pertubuhan yang dipanggil sebagai PBB atau Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan satu OIC iaitu *Organization of the Islamic Conference*.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang lebih besar daripada pertubuhan OIC, maka negara kita Malaysia harus akur dengan tindakan yang diambil oleh pertubuhan yang dipanggil sebagai PBB ini atau Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kerana ia lebih besar daripada pertubuhan OIC. Itu menjawab kepada soalan yang telah diungkit oleh Yang Berhormat Kinabatangan.

Tentang Israel, sebenarnya Majlis Keselamatan PBB atau *United Nation Security Council* ada bertindak terhadap Israel. Resolusi-resolusi telah dibuat iaitu tentang apa

yang harus dilakukan terhadap Israel. Jadi menyatakan bahawa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak mengambil tindakan langsung terhadap Israel itu tidaklah benar.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk terus dengan ucapan penggulungan saya. Malaysia telah menyertai mesyuarat tergempar jawatankuasa wakil-wakil tetap di OIC yang diadakan di Jeddah, Saudi Arabia pada 8 Mac 2011 bagi membincangkan krisis yang berlaku di Libya. Ini telah pun saya sentuh. Selain itu Malaysia sebagai ahli Jawatankuasa Eksekutif OIC juga telah mengambil bahagian dalam satu mesyuarat tergempar Jawatankuasa Eksekutif OIC di peringkat Menteri pada 19 Mac 2011 di Jeddah Saudi Arabia. Antara lain mesyuarat menyambut baik resolusi 1973 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu PBB yang mewujudkan zon larangan terbang atau dengan izin *No Fly Zone* ini di Libya dan memohon agar negara-negara anggota supaya menyumbang ke arah pelaksanaan resolusi tersebut.

■1510

Dato' Kamaruddin bin Jaffar [Tumpat]: Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan baguslah yang Kerajaan Malaysia telah terlibat sedikit-sebanyak dalam urusan berkaitan dengan pergolakan di Timur Tengah khususnya sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi dalam kes di Libya.

Kes itu sedang berjalan dan mungkin OIC terpaksa tunduk kepada tindakan-tindakan yang diambil oleh Bangsa-bangsa Bersatu dengan keputusan-keputusannya. Akan tetapi tidakkah Kerajaan Malaysia bercadang setelah melihat perkembangan di seluruh negara Arab hari ini bukan sahaja di Libya untuk membawa kepada mesyuarat-mesyuarat OIC satu pandangan tentang betapa pentingnya demokrasi diwujudkan. Di Timur Tengah, di dunia Arab dan di negara-negara OIC seluruhnya supaya demokrasi yang tulen, pilihan raya yang bebas, fitnah-fitnah video dan penggunaan mahkamah tidak dilakukan oleh negara-negara OIC bukan sahaja di Timur Tengah tetapi di negara seperti negara kita Malaysia ini.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat dari Tumpat.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Boleh saya tambah sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri? Soalan yang sama tentang Libya dan peranan OIC supaya dapat dijawab sekali. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya ingin menarik perhatian juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang OIC ini kita tahu bahawa *no fly zone* itu adalah daripada keputusan United Nation bahawa ia telah dipersetujui oleh negara-negara Arab dan tadi disebut oleh OIC.

Akan tetapi malangnya apa yang seharusnya OIC khususnya daripada Malaysia selaku yang disebut tadi oleh rakan saya Yang Berhormat Balik Pulau *to lead this issue*. Hari ini yang berlaku *no fly zone* sekarang ini apa yang berlaku dalam tindakan dan *implementation* itu mengakibatkan kematian *civilian*. Hari ini sudah mencecah hampir beratus orang. Walaupun dia hendak melaksanakan *no fly zone* tetapi dia telah melibatkan *civilian* yang mati ramai.

Jadi soalan saya sekarang bukan sahaja bersetuju tetapi OIC dan Malaysia seharusnya bersuara implementasi kepada *no fly zone* itu tidak akan membabitkan *civilian*. Ini persoalan yang saya minta Malaysia bawa di dalam OIC.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat dari Tumpat, terima kasih Yang Berhormat rakan saya dari Parit Buntar. Saya telah jelaskan tadi iaitu mesyuarat tergepar Jawatankuasa Eksekutif OIC di peringkat Menteri-menteri telah pun diadakan di Jeddah Saudi Arabia pada 19 Mac 2011 yang lalu dan cadangan dari Yang Berhormat Tumpat itu agar mesyuarat seumpama itu akan diadakan kita akan ambil perhatian dan mudah-mudahan mesyuarat seumpama itu akan diadakan lagi.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Datuk Richard Riot anak Jaem: Akan tetapi *no fly zone* itu di mana pasukan atau kapal terbang tentera udara bersekutu telah terbang di angkasa *over the no fly zone*. Itu sebenarnya begini Yang Berhormat-Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua di bawah *sanction no fly zone* iaitu di bawah United Nation Security Council - *no fly zone area* yang bererti zon udara itu jadi zon larangan di ruang udara untuk pesawat-pesawat atau kapal terbang kepunyaan Libya atau Muammar Gaddafi. Sebaliknya kapal-kapal terbang udara, kapal-kapal terbang tentera udara kepunyaan tentera udara bersekutu dibenarkan terbang di *no fly zone area* itu khusus untuk memantau sama ada kapal terbang kepunyaan Libya khususnya kepunyaan Muammar Gaddafi ini masih di ruang udara. Itu sebenarnya apa yang terkandung dalam *sanction no fly zone* itu.

Walaupun dengan sedihnya seperti mana Yang Berhormat Parit Buntar telah sebutkan tadi yang melibatkan nyawa rakyat *civilian* atau orang awam kita pun sedih dengan kejadian itu. Dari situ Tuan Yang di-Pertua, selaku negara anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Malaysia dikehendaki melaksanakan perkara-perkara yang diperuntukkan dalam resolusi 1973.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Datuk Richard Riot anak Jaem: Yang Berhormat Batu nanti sekejap ya. Sehubungan itu, Kementerian Luar Negeri akan mengadakan mesyuarat dengan

kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan bagi memastikan Malaysia mematuhi resolusi ini dan seterusnya melaporkan perkara ini kepada Majlis Keselamatan. Ya, Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya juga turut menyokong tentang pelaksanaan PBB ini kerana ini atas prinsip demokrasi. Dalam perkara ini saya ingin dapat konsistensi perkara yang sama kalau pemimpin Libya yang membunuh warganegaranya, kita ambil tindakan tetapi terhadap perkara yang sama saya dapati pada Mac 22, Malaysia Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menyatakan sokongan kita terhadap Saudi Arabia yang mengambil tindakan membantu Bahrain dalam tindakan menindas dan membunuh *civilian*, membunuh warganegara Bahrain sendiri. Saya tidak nampak kalau kita sebagai satu negara yang *credible* dalam pentas antarabangsa kenapa kita ambil pendirian yang agak kontradiksi sebab banyak teman-teman dari pertubuhan hak asasi manusia di Timur Tengah telah membawa kes ini kepada saya dan tanya kenapa Malaysia mengambil tindakan yang berbeza dalam pembunuhan terhadap warga Bahrain kita sokong tetapi Gaddafi kita kutuk, kita ambil tindakan yang tegas. Macam mana kita boleh *justified* perkara ini?

Datuk Richard Riot anak Jaem: Terima kasih rakan saya Yang Berhormat dari Batu. Kita akan ambil perhatian tentang perkara itu. Jadi saya tidak berhajat untuk menjawab sekarang.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Datuk Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, *I think* cukuplah.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Sedikit sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Saya minta maaf. Saya terus pergi kepada isu bencana di Jepun.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit sahaja.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang Berhormat Parit Buntar sudah dua kali, tidak apa.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Bukan, Padang Terap.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Padang Terap.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ha, belum lagi.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Minta maaf. Dengan *permission of* Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sila, teruskan. Hak Yang Berhormat untuk tidak membenarkan.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Isu bencana di Jepun. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Dewan yang mulia sedia maklum usul mengenai bencana dan gempa bumi dan tsunami di Timur Laut Jepun yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat pada 17 Mac 2011 yang lepas. Usul ini telah dibahas dengan panjang lebar. Untuk makluman Dewan yang mulia ini keadaan di Jepun setakat ini masih lagi berada dalam keadaan terkawal dan pihak Kerajaan Jepun masih lagi memantau perkembangan situasi di seluruh negara Jepun bagi memastikan keselamatan orang ramai terjamin.

Rakyat dan pelajar Malaysia di Jepun juga telah dinasihatkan agar mematuhi arahan oleh pihak berkuasa tempatan Jepun. Berkenaan rancangan membawa pulang rakyat dan pelajar Malaysia seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat rakan saya dari Kuantan kerajaan telah bersetuju supaya rakyat dan pelajar Malaysia dari kawasan-kawasan yang terjejas terus akibat daripada kejadian bencana gempa bumi dan tsunami di Timur Laut Jepun seperti di Miyagi, Fukushima, Iwate dan Ibaraki.

■1520

Mereka dibawa pulang menggunakan perkhidmatan sistem penerbangan Malaysia (MAS) dan akan ditanggung oleh Kerajaan Malaysia. Warganegara Malaysia yang terlibat dan berhasrat untuk pulang perlulah mendaftar diri di pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo. Penyelarasan akan dilakukan untuk mendapatkan tempat penerbangan dengan MAS dan keputusan ini hanya terhad kepada penerbangan balik atau sehalu sahaja dari Jepun Ke Malaysia.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini sehingga 22 Mac 2011 ini, seramai 104 orang warganegara Malaysia di kawasan yang terjejas telah dibawa pulang ke Malaysia. Selaras dengan seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan usul mengenai ucapan takziah dan simpati kepada kerajaan dan rakyat Jepun di Dewan Rakyat pada 17 Mac yang lalu, Kementerian Luar Negeri telah mengaktifkan Tabung Bencana Kementerian Luar Negeri dalam usaha meringankan beban yang ditanggung mangsa-mangsa gempa bumi dan tsunami yang melanda Timur Laut Jepun pada 11 Mac 2011.

Tabung ini ditubuhkan pada tahun 2006 di bawah seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 dengan mandat untuk mengurus dan menyelaras sumbangan daripada

orang ramai bagi membantu mangsa-mangsa yang ditimpa bencana di luar daripada Malaysia. Orang awam boleh menghulurkan bantuan sumbangan kewangan melalui cek ke Kementerian Luar Negeri atas nama Tabung Bencana Kementerian Luar Negeri.

Usaha murni ini menggambarkan keprihatinan rakyat Malaysia membantu mereka yang sedang dilanda kesusahan tanpa mengira batasan sempadan. Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakam sekali lagi ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lipis di belakang Yang Berhormat. Yang Berhormat Lipis dulu atau Yang Berhormat Balik Pulau Yang Berhormat?

Datuk Richard Riot anak Jaem: Yang Berhormat Balik Pulau telah diberi kesempatan tadi, jadi saya ingat Yang Berhormat Lipis dulu, selepas itu Yang Berhormat Balik Pulau.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lipis dulu kemudian Yang Berhormat Balik Pulau. Sila Yang Berhormat Lipis.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya semua orang bersimpati dengan apa yang berlaku di Jepun ini tidak kiralah melepasi batasan politik dan sebagainya. Akan tetapi apa yang saya ingin tekankan di sini ialah kepada pegawai-pegawai di Kementerian Luar Negeri, apakah pengalaman dan pengajaran yang paling berharga yang boleh kita gunakan atau boleh diaplikasikan di negara kita dalam kita menghadapi perkara-perkara semacam ini.

Ini kerana kalau kita lihat sekarang, keadaan cuaca, keadaan alam sekitar memang tidak menentu. Tidak mungkin apa yang berlaku di Jepun boleh juga berlaku di negara ini. Jadi kita minta penjelasan Yang Berhormat Menteri apakah pengajaran positif yang boleh kita dapatkan.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, ini berkaitan, mungkin Yang Berhormat boleh respons sekali. Yang Berhormat Menteri saya memohon penjelasan sedikit kerana soalan Yang Berhormat Lipis pun berkaitan dengan soalan saya ini iaitu mengenai kakitangan Kementerian Luar Negeri.

Saya terutama sekali untuk tujuan rekod, mengucapkan terima kasih kepada kesungguhan yang ditunjukkan, saya tengok dalam *website* dan sebagainya - kesungguhan. Walau bagaimanapun, saya menggesa Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Pekan, di kala ini, keperluan, respons, reaksi, gerak kerja, pantas dan

sekiranya gagal dilaksanakan dengan cepat akan memberi reaksi yang negatif terutama melibatkan imej negara.

Saya cadangkan Yang Berhormat Menteri bahawa di peringkat ini pengajaran-pengajaran yang paling langsung ialah *support system* ataupun sistem sokongan kepada kementerian ini perlu diperkasa lagi. Seperti yang saya tegaskan, mungkin Yang Berhormat Menteri tidak respons secara khusus di kala *soft power* ini bukan *military might* sahaja, kita memerlukan kecanggihan *sophistication* dengan izin terutama respons oleh kita punya pegawai-pegawai di belakang, Yang Berhormat Menteri perlu mengadakan respons yang cepat.

Saya yakin bahawa Dewan ini mungkin boleh bersetuju dan saya memohon Yang Berhormat Menteri penjelasan iaitu sejauh mana pentadbiran hari ini memberi sokongan dari segi sistem sokongan? Kalau perlu kita perlu minta tambah lebih sedikit untuk pegawai dengan syarat pegawai-pegawai perlu kerja kuat. Saya yakin semuanya kerja kuat. Mohon penjelasan.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Lipis dan juga Yang Berhormat Balik Pulau. Di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, saya yang terlibat secara langsung dalam Operasi Pyramid dan operasi-operasi seterusnya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pegawai-pegawai kanan serta bawahan Kementerian Luar Negeri yang telah menunjukkan komitmen yang begitu tinggi dan jitu kerana tanpa komitmen mereka dan tenaga yang agak terhad, adalah mustahil sebagai contoh kita dapat memindahkan hampir 8 ribu orang dari Jeddah ke Malaysia dalam masa hanya enam hari. Komitmen mereka sehingga tidak cukup tidur, ada yang tidur di pejabat dan sebagainya haruslah dihargai oleh setiap rakyat Malaysia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengulangi agar permintaan iaitu hasil dari ucapan atau semasa perbahasan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini khususnya daripada Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Balik Pulau kawan saya tempoh hari yang menyarankan agar peruntukan untuk Kementerian Luar Negeri ditambah. Kita harap kerajaan akan dapat menambah...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, sedikit celahan.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Celahan.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Nanti dulu sekejap Yang Berhormat Machang. Sebenarnya pada tahun 2011 sebagai contoh tahun 2010 kita meminta dan memohon

sebanyak RM608 ribu dan hanya diberikan RM560 ribu. Untuk tahun 2011 kita memohon RM669 ribu dan kita hanya diberi RM579 ribu sahaja.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, minta sedikit. Saya mencadangkan itu dan menggariskan juga satu tata kelola yang tepat. Kita tidak boleh belanja kepada APCO sebanyak RM70 juta lebih tetapi untuk buat kerja-kerja *public diplomacy* dengan izin hanya bawah pada RM10 juta. Mungkin RM3 atau RM4 juta, saya tahu perkara itu dan itu sukar.

Akan tetapi apa yang saya katakan di sini Yang Berhormat Menteri, di dalam kita menggesa supaya belanja itu ditambah tetapi kita tidak boleh contohnya sekarang wakil tetap di Bangsa-bangsa Bersatu perlu dikosongkan tetapi sehingga hari ini perkara itu belum selesai. Jadi kita di sini tahu dinamik dasar luar punya impak langsung dalam dasar dalaman tetapi tidak boleh kerja-kerja sebegini. Ia mestilah dilantik enam bulan sebelum dan sebagainya kerana kita akan tertinggal.

Jadi saya rasa di dalam kita tahu kesukaran teman-teman kita di kementerian tetapi dari segi tata kelolanya perlu lebih tuntas dan jelas seperti yang orang kata tegas. Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Boleh Menteri sekali, ringkas sahaja. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri pada akhir sebelum Yang Berhormat Lipis dan Yang Berhormat Balik Pulau mencelah tadi ada ayat tergantung pada penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan galakan rayuan supaya rakyat Malaysia banyak memberikan bantuan kepada Jepun yang diterima bencana.

Hal yang saya hendak sentuh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah soal bantuan apabila negara luar mengalami musibah. Saya ingin tanyakan perkara khusus Yang Berhormat Timbalan Menteri beberapa tahun lepas apabila Israel menyerang Gaza dan disaksikan banyak kerosakan di rumah, hospital, sekolah, kematian orang ramai, punca air bersih yang didapati semuanya dimusnahkan. Rakyat Malaysia juga banyak membantu.

■1530

Bantuan kepada negara luar yang ditimpa musibah dan bencana ini, bolehkah Timbalan Menteri menerangkan kepada Parlimen melalui saluran mana sebenarnya disampaikan. Saya katakan begitu kerana beberapa minggu yang lepas, delegasi daripada Palestin datang berkunjung ke Malaysia, saya mengucapkan terima kasih di atas kerjasama baik Wisma Putra dalam memudahkan kunjungan mereka dari Gaza ini

yang diketuai oleh Mahmud al-Madhun, Muaz Hani anak kepada Perdana Menteri Ismail Hani.

Antara yang ditimbulkan ialah dana bantuan tempoh hari, sebenarnya tidak sampai kepada *Government of the day* di Gaza yang ditimpa bencana tetapi saya tahu melalui usaha rakyat Malaysia untuk mengumpulkan dana itu, dananya memang terkumpul jumlahnya tetapi kita tidak pernah tahu siapa yang *accountable* kepada dana, kepada siapa disalurkan di sana. Hari ini kita mendapat daripada dengan izin *first hand information*, rombongan ini menemui Menteri-menteri dan juga wakil-wakil daripada pakatan.

Bahkan mereka turut memberikan sokongan ketika kita menubuhkan sebuah NGO yang kita panggil *Palestine Cultural Organization Of Malaysia* (PCOM), yang turut dianggotai *board* operasinya pada wakil kerajaan daripada pembangkang bagi menunjukkan dari sudut isu *Palestine* kita boleh duduk berbincang, sebab itu apabila ditimbulkan perkara ini, bantuan kita dengar, tentang rakyat Malaysia yang pemurah tetapi mereka tidak tahu ke mana sebenarnya disalurkan, dana itu sampai ke mana sebenarnya. Barangkali Timbalan Menteri mempunyai maklumat yang boleh membantu menerangkan kedudukan sebenar perkara ini, terima kasih.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Machang. Perkataan yang saya dapat daripada apa yang dicurahkan oleh Yang Berhormat Machang itu iaitu perkataan *transparency*. Jadi bagi Tabung Amanah Rakyat Palestin setakat ini telah menyumbangkan dana lebih daripada RM10 juta iaitu melalui projek-projek yang telah disalurkan kepada NGO-NGO yang menjalankan kerja kemanusiaan di Gaza, itu jawapan kepada soalan Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Lipis ya.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tentang keperluan perbelanjaan atau bajet tambahan bagi Kementerian Luar Bandar ini saya memang menyokong penuh, kerana bagi saya bajet pengurusan dan bajet pembangunan juga perlu ditambahkan kerana apabila saya berpeluang melawat ke luar negeri baru-baru ini, saya melihat banyak bangunan dan juga peralatan serta kenderaan daripada pejabat-pejabat kita di luar negara memang sangat daif. Jadi kita memerlukan bantuan, bukan sahaja itu terdapat juga pegawai-pegawai yang perlu ditambah di beberapa tempat untuk membantu dan menyokong kementerian luar untuk meningkatkan imej negara, tidak kiralah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Balik Pulau, terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Datuk Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat Lipis, yang juga menyokong agar peruntukan untuk Kementerian Luar Negeri perlu ditambahkan, terima kasih. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Yang Berhormat Menteri satu...

Datuk Richard Riot anak Jaem: Saya...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Akhir.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Saya tidak memberikan laluan, ...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Kalau tidak bagi ini, saya tidak boleh tidur malam ini Yang Berhormat Menteri.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Tidak boleh tidur?

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ya...

Datuk Richard Riot anak Jaem: Kalau tidak boleh tidur, saya bagilah. *[Ketawa]*

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ya terima kasih, saya ingin bertanya satu perkara yang sering ditanyakan oleh ramai orang di luar sana, skala kedudukan pasukan SMART kita, bilakah mereka telah pergi ke sana dan di manakah lokasi mereka bertugas dan berapa ramai dan adakah kita mendapat memberikan satu khidmat yang terbaik bersama-sama dengan pasukan-pasukan yang lain, terima kasih.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Mengenai pasukan SMART itu, saya telah dimaklumkan dan saya percaya bahawa Yang Berhormat sedia maklum bahawa kerajaan Jepun telah memaklumkan atau mengucapkan terima kasih kepada Malaysia, kerana telah menawarkan bantuan pasukan SMART. Walau bagaimanapun, saya ulang semula, walau bagaimanapun Kerajaan Jepun sendiri tidak bersedia setakat ini untuk menerima pasukan SMART Malaysia dan ramai lagi pasukan asing yang lain kerana mengikut mereka masih mengenangkan skala bencana yang berlaku.

Ini bererti Negara Jepun masih berpendapat bahawa tanpa sokongan pasukan SMART daripada Malaysia dan juga daripada beberapa negara yang lain yang telah meminta agar pasukan penyelamat mereka diterbangkan ke Jepun tetapi negara Jepun berpendapat bahawa mereka masih dapat mengawal keadaan. Sekian terima kasih.

Jadi akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan sekali lagi ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Luar Negeri semasa perbahasan Titah Diraja 2011. Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa Kementerian Luar Negeri akan sentiasa

mengambil perhatian ke atas pandangan dan cadangan yang bernas yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, giliran Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, sila Yang Berhormat Menteri.

3.57 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin]: *Bismilaahir Rahmaanir Rahiim* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah dan Kesejahteraan Bandar sepanjang perbahasan Titah Diraja Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Kedua Belas, Dewan Rakyat 2011 kali ini. Keprihatinan dan ketelitian Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perkara-perkara yang membabitkan kesejahteraan hidup dan kebajikan para warga Wilayah Persekutuan dan rakyat amnya sangat kami hargai.

Yang Berhormat Pasir Mas ingin membangkitkan mengenai cadangan menukar nama jalan seperti Jalan Ipoh di Kuala Lumpur kepada nama jalan yang merujuk kepada tokoh yang tertentu seperti Jalan Tun Ibrahim Ismail dan Jalan Leftenan Adnan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pasir Mas, kelulusan penamaan atau pertukaran sesuatu nama jalan di Kuala Lumpur termasuk di Putrajaya dan Labuan adalah di bawah Jawatankuasa Negeri Nama Geografi Wilayah Persekutuan dan nama pendeknya JNNG yang dipengerusikan ketua setiausaha yang merupakan Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi sekadar mengesyorkan ataupun mengangkatnya kepada Jawatankuasa Negeri Nama Geografi Wilayah Persekutuan bagi tujuan kelulusan.

Sehubungan dengan ini, DBKL akan terlebih dahulu mengenal pasti jalan-jalan yang sesuai untuk pemberian nama seperti yang dicadangkan. Bagaimanapun masih terdapat nama-nama jalan dalam senarai menunggu untuk digunakan bagi jalan-jalan baru antaranya nama-nama Allahyarham Tun Hussien Onn iaitu Jalan Tun Hussien Onn dan juga Allahyarham Tun Ghafar Baba iaitu Jalan Tun Ghafar Baba.

Penukaran nama sesebuah jalan telah bernama di Kuala Lumpur kepada nama baru, pada kelazimannya menerima bantahan daripada pemilik-pemilik premis yang telah lama menggunakan alamat premisnya berpandukan kepada nama jalan berkaitan. Ia akan menimbulkan kesulitan seperti pertukaran MyKad, alamat premis, surat-menyurat, bil-bil utiliti dan seumpamanya.

Walau bagaimanapun pihak kementerian akan mengambil kira masalah-masalah yang dibangkitkan dalam melibatkan pertukaran nama jalan tersebut. Berdasarkan pengalaman terdahulu dalam mesyuarat JNNG ini telah memutuskan supaya menghentikan amalan pertukaran nama-nama sedia ada di Kuala Lumpur, kita hanya menumpukan kepada jalan-jalan yang baru sahaja.

■1540

Yang Berhormat Bandar Tun Razak pula telah membangkitkan tentang rancangan peningkatan prasarana di bawah *Greater Kuala Lumpur* dan *Klang Valley* yang mungkin melibatkan kos pembangunan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Minta jalan. Tadi Yang Berhormat Menteri menjawab jawatankuasa telah memutuskan supaya jalan-jalan yang sedia ada tidak akan ditukarkan lagi nama kecuali jalan baru. Mungkin alasannya, kononnya melibatkan kos. Akan tetapi, saya berpendapat Yang Berhormat Menteri, ada jalan-jalan di Kuala Lumpur, nama itu sudah tidak ada 'umph' lah dengan kedudukan bandar raya. Dahulu pun banyak nama yang ditukar. Berapa banyak sangat kos yang terlibat. Saya percaya penghuni-penghuni di sekitar jalan berkenaan contohnya tentu akan merasa bangga kalau nama-nama yang dipilih itu, nama-nama yang boleh mengharumkan negara ataupun nama mereka yang memberikan sumbangan yang besar kepada negara. Boleh dijustifikasikan. Contohnya Jalan Ipoh. Jadi, Ipoh ini ibu negeri pada Perak. Memang tidak sesuai kalau nama dalam bandar raya.

Oleh sebab itu saya cadangkan digantikan dengan nama Tun Ibrahim Ismail, contohnya ataupun Jalan Leftenan Adnan. Itu cara kita menghargai perwira-perwira negara. Lihat di Indonesia, mana-mana jalan yang penting ditukarkan dengan jalan nama Leftenan Sudirman, contohnya. Maknanya inilah pengorbanan yang perlu oleh rakyat dan juga negara. Jadi, saya tidak boleh terima lagi alasan yang diberikan itu lemah sedikitlah. Kalau boleh Yang Berhormat dapat mengangkat lagi perkara ini, bincang dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya percaya ini akan mendapat sokongan rakyat yang mana jalan-jalan yang perlu ditukarkan nama tadi. Terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Ia daripada segi kos saya rasa untuk kerajaan tidak banyak. Akan tetapi lebih pada kos kepada mereka yang beralamat di situ khususnya premis-premis perniagaan. Jadi, kesulitannya menyebabkan kadangkala rakyat di jalan itu protes ataupun

membantah. Walau bagaimana pun, cadangan Yang Berhormat Pasir Mas, saya akan bawa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bandar Tun Razak, tawaran kerja bagi semua pakej projek sambungan LRT dan projek MRT Lembah Klang akan diagihkan melalui proses tender terbuka untuk memastikan tahap ketelusan yang tinggi dan persaingan kos yang kompetitif. Di samping itu, kajian-kajian kemungkinan tentang *ridership alignment* serta *value management study*, dijalankan untuk memastikan penggunaan sumber yang berkesan sebelum projek dilaksanakan.

Seterusnya Yang Berhormat Kota Raja pula membangkitkan mengenai adakah pelan perancangan dan pembangunan *Greater Kuala Lumpur – Klang Valley* mengambil kira pembinaan rumah mampu milik untuk golongan yang berpendapatan rendah. Seterusnya beliau juga turut membangkitkan mengenai isu pampasan pemindahan penduduk ladang Bukit Jalil dan keperluan penduduk yang dipindahkan membayar sewa rumah program PPR yang disediakan. Untuk Ahli Yang Berhormat Kota Raja, program NKA *Greater Kuala Lumpur* dan *Klang Valley* ini bertujuan menaikkan taraf Kuala Lumpur dan *Klang Valley* sebagai metropolis bertaraf dunia di samping memastikan pencapaian, kesejahteraan hidup bagi penduduk wilayah ini.

Dalam pada itu, kerajaan juga melaksanakan program-program sosioekonomi lain dan isu rumah bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah di bawah pendapatan RM3,000 ditangani melalui program-program pembinaan rumah kos rendah, baik di peringkat kerajaan ataupun swasta. Walaupun pihak kerajaan sedang menumpukan pembangunan *Greater Kuala Lumpur–Klang Valley*, namun tanggungjawab kerajaan terhadap golongan berpendapatan rendah tetap tidak diabaikan. Buktinya adalah rumah-rumah PPR untuk golongan berpendapatan rendah masih wujud di Kuala Lumpur, perumahan kos rendah sederhana telah dan akan dilaksanakan di Kuala Lumpur dan juga di Putrajaya.

Seterusnya, izinkan saya menjawab isu pemindahan ladang Bukit Jalil yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Sungai Siput dan juga Yang Berhormat Ipoh Barat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, isu tuntutan pemindahan keluar melibatkan 116 orang bekas pekerja ladang Bukit Jalil adalah isu yang timbul sejak ladang tersebut diambil alih oleh Kerajaan Malaysia daripada Bukit Jalil Estate Sdn. Bhd. pada tahun 1980. Mengikut rekod, pemilik ladang tersebut telah selesai membayar pampasan faedah penamatan kerja kepada pekerja-pekerja tersebut pada 1 November 1983. Setelah saya dilantik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan

Bandar pada tahun 2009, saya telah berbincang dengan Menteri Sumber Manusia dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang dan hasilnya pihak kerajaan telah bersetuju meluluskan pembayaran faedah penamatan kerja *ex gratia* dan notis berhenti kerja berjumlah RM734,160 kepada bekas pekerja yang diambil semula berkhidmat di ladang tersebut dalam tempoh 15 tahun dari tahun 1980 sehingga tahun 1995. Ini diambil kerja oleh kontraktor di situ.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2007, notis telah dikeluarkan kepada penduduk di bekas tapak ladang tersebut. Hasilnya 71 buah keluarga telah berpindah ke PPR Muhibah dengan bayaran pemindahan sebanyak RM1,000 oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang mana 10 buah keluarga adalah bekas pekerja ladang dan 61 buah keluarga merupakan waris dan keluarga bekas pekerja ladang terbabit. Sementara itu, 39 buah keluarga masih berada di atas tapak dan sebahagiannya pula telah berpindah keluar, tidak pasti jumlahnya. Pada 23 Februari 2011, atas keprihatinan terhadap rakyat, kerajaan telah meluluskan pembayaran tambahan atas nama wang ihsan sebanyak RM922,088 kepada bekas pekerja ladang tersebut. Justeru, setiap bekas pekerja atau waris atau keluarga layak menerima RM22,852 ataupun RM11,986 bergantung pada tempoh bekerja dengan kontraktor berkaitan sama ada 15 tahun ataupun 7.5 tahun.

Seterusnya kerajaan bersetuju untuk memenuhi tuntutan penduduk iaitu mengekalkan kuil, tapak perkuburan Hindu dan sekolah Tamil seperti yang dituntut walaupun sekolah Tamil baru telah dibina dan mula beroperasi sejak Januari 2011. Di samping itu, kerajaan bersedia menawarkan unit kediaman di Projek Perumahan Rakyat Kampung Muhibbah Puchong yang berdekatan dengan kadar sewa sebanyak RM124 sebulan. Mereka juga diberikan pilihan untuk membeli unit ini dengan harga RM35,000.

Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, membangkitkan isu kelewatan menjawab surat-surat Ahli-ahli Parlimen di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Seterusnya, turut ditimbulkan permasalahan Jabatan Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang telah memberikan maklum balas tentang aduan yang diajukan badan-badan pengurusan ataupun JNB ataupun pemilik kondominium. Bagi kes Idaman Sutera Kondominium di Wangsa Maju, beliau mendakwa bahawa JNB telah banyak kali menulis surat kepada COB tentang pemaju yang tidak menyerahkan *sinking fund* sebanyak RM80,000 serta gagal memenuhi kriteria yang disyaratkan oleh Indah Water dalam sistem pembuangan sisa kumbahan.

Di samping itu, kes-kes yang melibatkan pengendalian dana JNB, kegagalan menyediakan akaun diaudit dan kegagalan mesyuarat agung tahunan juga turut dinyatakan bagi mendapatkan penjelasan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, peraturan yang ditetapkan oleh DBKL bagi penerima-penerima surat adalah semua surat perlu diperakui penerimaannya serta-merta. Selepas itu, jawapan hendaklah diberi sebaik sahaja maklum balas diperoleh tidak lewat dari tujuh hari bekerja dari tarikh penerimaannya.

■1550

Bagi surat-surat yang berupa aduan, akuan penerimaan aduan berkenaan akan dikeluarkan serta merta dan seterusnya dikemukakan kepada ketua jabatan atau beberapa bahagian atau unit berkenaan untuk semakan dan arahan. Aduan berkenaan seterusnya direkodkan ke dalam Sistem Pemantauan Aduan Agensi Awam Bersepadu (ISPA), di mana...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Laluan.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Biar saya selesai dahulu. Di mana notifikasi penerimaan aduan berserta nombor rujukan aduan akan dicetak secara automatik dan diedarkan pada pengadu. Maklum balas awal akan diberi kepada pengadu melalui pelbagai saluran iaitu bersurat, panggilan telefon, hantaran e-mel dalam tempoh tiga hari bekerja dari tarikh penerimaan.

Maklum balas susulan akan dibuat pada pengadu sehingga aduan selesai. Walau bagaimanapun, peringatan telah dan akan terus diberikan kepada semua pegawai dan kakitangan agar sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

Seterusnya bagi perkara JNB dan COB yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, adalah dimaklumkan bahawa satu perjumpaan telah pun diadakan pada 21 Disember 2010 antara pihak pemaju Medan Idaman Sdn Bhd dengan pihak pengurusan bangunan Kuala Lumpur di jabatan ini bagi membincangkan masalah yang berlaku di Idaman Sutera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur telah menasihatkan pihak pemaju agar menyerahkan lebihan *seeking fund* yang masih dipegang oleh pemaju. Peruntukan di bawah Akta Seksyen 22, Akta Bangunan dan Harta Bersama 2007 akan dikenakan. Berhubung dengan perkara sistem kumbahan yang tidak menurut spesifikasi dengan pelan bangunan yang diluluskan oleh DBKL. Pihak pesuruhjaya bangunan telah memanjangkan aduan tersebut kepada

Jabatan Kerja Awam memandangkan perkara tersebut adalah di luar bidang kuasa pesuruhjaya bangunan untuk mengambil tindakan.

Di dalam Akta Bangunan dan Harta Bersama, Penyenggaraan dan Pengurusan 2007, Akta 263 tidak memperuntukkan kuasa tindakan atau penalti yang boleh dikenakan oleh pesuruhjaya bangunan bagi kes-kes yang berkaitan tentang kesalahan pengendalian dana JNB, kegagalan menyediakan akaun beraudit dan kegagalan mengadakan mesyuarat agung tahunan.

Walau bagaimanapun, perkara tersebut telah diambil perhatian dan dikemukakan kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang kini sedang mengambil tindakan untuk membuat pindaan kepada akta berkenaan.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titawangsa]: Laluan.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Yang Berhormat Titawangsa...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titawangsa]: Menteri.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Boleh tidak saya teruskan.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titawangsa]: Minta maaf nanti karang saya tidak... Sebab ini sangat penting sebab berkenaan dengan perkara yang ini. Sedikit sahaja saya hendak bertanya. Sebab...

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Karang, karang Yang Berhormat punya bab banyak lagi saya hendak jawab.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titawangsa]: Tidak apa. Ini tentang perkara ini. Menteri mesti boleh menjawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan surat jawapan daripada DBKL apabila dikemukakan oleh rakyat dan wakil rakyat juga. Benar Datuk Bandar pernah berjanji dalam satu perjumpaan di awal-awal dulu lagi mengatakan 72 hari bekerja surat itu mestilah dijawab, sama ada sudah tentulah kita tidak mengharapkan satu tindakan yang *complete* atau sempurna telah diambil dalam masa tiga hari sekurang-kurangnya menjawab.

Akan tetapi sedarkah Menteri bahawa terlalu banyak aduan daripada rakyat dan juga kita sendiri wakil rakyat yang menghantar surat tidak langsung berbalas, tidak langsung ada respons sehinggakan setahun lebih. Saya bagi contoh, satu contoh di mana saya menyokong permohonan seorang ibu tunggal, mangsa ragut yang dulu masuk dalam media. Bukan sebarang mangsa ragut.

Dia ini cedera parah dalam kejadian tersebut. Suaminya mati meninggal dunia dan dia terpaksa tinggal di rumah ibunya di tingkat tiga, dipapah setiap kali dengan besi

berceracak di kaki dia. Sampai sekarang sudah setahun permohonan ini tidak dijawab. Setiap kali sehingga saya menghubungi Datuk Bandar sehingga Datuk Bandar sendiri cakap apa “ saya pun tidak tahulah kenapa mereka ini susah sangat untuk ikut arahan”.

Jadi saya rasa itu satu perkara yang sangat tidak patut berlaku. Apa yang dikatakan oleh Menteri tidak berlaku di bawah sana. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dan saya kalau boleh saya hendak mengharapkan terus supaya Menteri pada hari ini terus beri kelulusan kepada ibu tunggal yang saya katakan tadi. Ini disebabkan sudah setahun lebih dia dipapah naik atas, turun bawah untuk mendapat rawatan dan sebagainya.

Ini bukan masalah politik masalah apa, ini adalah masalah kemanusiaan yang tidak diselesaikan oleh DBKL kerana masalah saya pun tidak tahu apa yang... SOP nya macam mana sebenarnya. Terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. SOP nya saya sudah sebut tadi dengan panjang lebar. Hanya oleh kerana ada 12,000 kakitangan, mungkin ada yang... saya pun sudah sebutkan tadi. Mana-mana yang kes-kes tersebut mungkin tidak 100%. Jadi Yang Berhormat boleh sampaikan aduan itu kepada sayalah. Insya-Allah saya akan membantu untuk si OKU itu mendapatkan rumah.

Yang Berhormat Wangsa Maju juga telah mencadangkan kerajaan meningkatkan kemudahan asas seperti membanyakkan lampu jalan di tujuh kampung tradisi di Kuala Lumpur dan seterusnya meminta pertemuan Yang Berhormat dengan wakil-wakil dari kampung tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Mahu setakat ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memperuntukkan sejumlah RM1 juta bagi mempertingkatkan kemudahan di 19 kampung tradisi.

Kerja-kerja kemudahan asas adalah berdasarkan kepada permohonan dan keperluan penduduk tradisi tersebut yang meliputi kerja-kerja penyediaan jalan kecil, longkang, dewan serta surau dan penyediaan khemah-khemah. DBKL akan menambahkan pertambahan peruntukan bagi keperluan kemudahan infrastruktur di kampung-kampung tradisi dari semasa ke semasa. Bagi permintaan perjumpaan dan penduduk tersebut sebenarnya saya telah pun mengadakan beberapa siri perjumpaan dengan wakil-wakil daripada kampung-kampung tradisi di banyak kawasan di Wilayah Persekutuan ini. Namun begitu saya masih bersedia untuk menerima mana-mana lawatan daripada wakil-wakil kampung ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa pula mempersoalkan mengenai pengosongan Flat Jalan Pekeliling yang sehingga kini masih tidak ada apa-apa pembangunan di kawasan flat tersebut sehingga menjadi sarang penagih dadah dan juga kegiatan tidak bermoral. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat keseluruhan Flat Pekeliling telah pun dikosongkan sepenuhnya pada Disember 2008 dan telah diserahkan pada pemaju Tetuan Aziz Sdn Bhd untuk memulakan pembangunan. Manakala tanah kosong bekas blok "A", "B", "H" dan "J" Flat Pekeliling telah selesai dirobohkan oleh pemaju pada Julai 2008. Pihak pemaju menyasarkan akan memulakan pembangunan pada September 2011.

Walau bagaimanapun, blok "C", "D", "E", "F", "G", "K" dan "L" yang telah dikosongkan masih belum dirobohkan. Pemaju menyasarkan mengambil masa tiga tahun untuk merobohkan struktur bangunan flat kosong tersebut.

Mengenai kegiatan penyalahgunaan dadah adalah di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia. Walau bagaimanapun, pihak DBKL sedia untuk membantu pihak polis dalam menangani masalah ini. Termasuk jugalah aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: [*Bangun*]

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: DBKL akan bekerjasama dengan pihak polis dan juga pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Kenapakah agaknya pihak kementerian membiarkan pemaju hanya pada tahun 2011 ini baru hendak dirobohkan. Sedangkan semasa tahun 2008 penghuni-penghuni ini seolah-olah dikejar untuk meninggalkan tempat itu, dipotong *electricity*, air, seolah-olah macam esok sudah hendak roboh. Akhirnya tempat itu menjadi masalah, jadi *eyesore* kepada kita semua. Jadi apa sebenarnya polisi kementerian sendiri tentang perkara ini supaya tidak berlaku lagi.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Polisi kementerian memang di sebelah rakyat. Akan tetapi pada masa itu 2008 semasa itu saya pun belum menteri lagi, saya rasa jaminan dibuat oleh pemaju pada kementerian bahawa mereka akan memajukan. Akan tetapi mungkin oleh kerana kemelesetan ekonomi pada masa itu mereka lewat sedikit. Akan tetapi mereka telah berjumpa dengan pihak kementerian dan mereka telah menjamin apa-apa janji yang mereka buat mereka akan cuba tunaikan dalam masa terdekat. Jadi kita perlu bagi masa juga. Walau bagaimanapun pihak kementerian sentiasa memantau dan memang keutamaan diberi kepada kepentingan rakyat.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Titiwangsa juga telah mendakwa bahawa Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampung Baharu yang telah dibaca kali pertama oleh saya sendiri dalam sesi lalu telah tidak mendapat sokongan sebahagian besar penduduk.

■1600

Turut dinyatakan bahawa beberapa klausa dalam undang-undang tersebut adalah sangat tidak wajar terutama dari segi imuniti yang tidak boleh dicabar di dalam mahkamah dan seterusnya mengenai pemansuhan peranan *Malay Agricultural Settlement* (MAS) dengan izin terhadap pembangunan Kampung Baru sendiri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa, semasa merangka rang undang-undang tersebut pihak kementerian telah melibatkan semua pihak yang berkepentingan seperti pemilik dan pewaris tanah di Kampung Baharu dan NGO-NGO di Kampung Baharu seperti Lembaga Pentadbiran *Malay Agricultural Settlement*, Persatuan Anak-anak Kampung Baharu (PAKAM) dan Persatuan Pembangunan Kampung Baharu (PPKB).

Pihak kementerian bersedia untuk mendengar terhadap isu dan cadangan yang dibangkitkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan, yang telah dinyatakan seperti tadi dan telah membuat keputusan untuk menanggunghkan pembentangan untuk bacaan kali kedua di Parlimen pada bulan ini, yang sekarang disasarkan untuk sesi Parlimen pada Jun 2011. Ini adalah untuk membolehkan pihak kementerian memperhalus fasal-fasal tertentu di dalam rang undang-undang tersebut dengan mengambil kira pandangan dan cadangan pihak yang berkepentingan.

Memang masa yang luas diberi itu adalah untuk mendapat pandangan khususnya pemilik, pewaris dan NGO-NGO yang mewakili Kampung Baharu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa, Lembaga Pentadbiran MAS adalah satu entiti yang ditubuhkan di bawah *Malay Agricultural Settlement Rules 1950*. Tanah ini dalam kawasan MAS di Kampung Baharu mempunyai sekatan kepentingan iaitu dengan izin, "*The land hereby alienated shall not be transferred to or occupied by a non Malay.*" Selagi sekatan kepentingan di dalam hak milik tersebut tidak dibatalkan tanah tersebut akan kekal kepada pemilikan orang Melayu. Jadi soal MAS dan pemilikan orang Melayu adalah *two separate issues*.

Mengenai kenyataan Yang Berhormat yang mengatakan pembangunan Kampung Baru itu 100% komersial adalah tidak tepat. Sebenarnya perancangan kita adalah untuk membangunkan Kampung Baharu secara komprehensif dengan

menjadikan sebagai kawasan perniagaan, kawasan kediaman utama di pusat bandar raya dan pusat kebudayaan dan pelancongan. Mengenai Perbadanan Pembangunan Kampung Baharu, ia hanya bertindak sebagai pemudah cara serta penyelarasan dan bukan sebagai pemaju. Kerajaan telah bersetuju supaya beberapa pihak lain dilantik sebagai pemaju iaitu Permodalan Nasional Berhad (PNB), Pelaburan Hartanah Berhad, Lembaga Tabung Haji dan badan-badan lain yang berkaitan sebagai agen pembangunan dan penjaga amanah orang Melayu dalam melaksanakan pembangunan semula Kampung Baru.

Jadi, perbadanan bukanlah satu entiti perniagaan sebaliknya adalah sebagai *vehicle* dengan izin, untuk memberikan khidmat nasihat dan membantu pembantu dan pewaris dalam membangunkan harta mereka. Selain dari itu dengan adanya perbadanan maka akan mudahlah pihak kerajaan menyalurkan peruntukan bagi menaik taraf kemudahan-kemudahan awam dan infrastruktur di Kampung Baharu. Saya harap Yang Berhormat Titiwangsa tidak menyamakan pembangunan ini dengan pihak-pihak lain seperti Yang Berhormat maksudkan itu.

Berdasarkan pengalaman pahit itulah yang menyebabkan pemilik dan pewaris tanah di Kampung Baharu menolak jika Kampung Baharu dibangunkan oleh pihak swasta. Akan tetapi sangat mengalu-alukan jika dibangunkan oleh badan yang ditunjangi oleh kerajaan. Maka atas kehendak para pemilik dan pewaris tanah di Kampung Baru itulah sebabnya perbadanan dicadangkan, ditubuhkan di satu akta Parlimen. Seterusnya...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Hendak kena mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebagai wakil rakyat telah mengadakan beberapa siri majlis penerangan kepada penduduk pewaris dan juga pemilik Kampung Baharu. Oleh kerana mereka tidak faham rang undang-undang ini, hanya *lawyer* sahaja yang betul-betul boleh faham dan *volunteer* saya ataupun peguam-peguam sukarelawan saya telah menerangkan secara bahasa yang mudah difahami oleh orang kebanyakan. Kesimpulannya baru-baru ini juga kita telah mengadakan satu majlis deklarasi anak-anak Kampung Baru kepada Ahli-ahli Parlimen seluruhnya dan sebenarnya kita menjemput semua Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional melalui Pengerusi BNBBC tetapi tidak ada wakil pada malam tersebut.

Dalam deklarasi ini, anak-anak Kampung Baharu mahukan beberapa perkara. Pertamanya mereka mahu supaya rang undang-undang ini ditarik balik terus, kerana mereka tidak berpuas hati, bukan pindaan sahaja atau ditangguh. Oleh kerana mereka

pertamanya tidak berpuas hati kerana Yang Berhormat Menteri telah memungkirkan janji Yang Berhormat Menteri untuk berjumpa dengan mereka, membentangkan draf rang undang-undang itu sebelum dibentangkan di Parlimen. Saya percaya Yang Berhormat Menteri masih ingat lagi, Menteri membacakan *first reading* di pagi itu, malam itu baru berjumpa. Ini menimbulkan kemarahan kepada penduduk-penduduk di sana, pemilik-pemilik dan pewaris.

Mereka juga tidak mengiktiraf wakil-wakil kerana mereka kata wakil-wakil itu tidak dilantik oleh mereka yang pergi ke *lab* di Melaka, di mana di jalankan dua dan tiga hari makmal untuk mewujudkan RUU ini. Jadi, apa yang mereka mahu sekarang adalah rang undang-undang itu ditarik sepenuhnya, dibuat perjumpaan lain, dibuat mesyuarat lain, dibuat makmal lain yang mana wakil-wakil ini dilantik daripada tiap-tiap kampung.

Mereka sendiri akan lantik, kemukakan nama-nama daripada tujuh buah kampung dan juga daripada bahagian-bahagian lain yang bukan di bawah MAS tetapi akan terlibat dengan pembangunan Kampung Baharu termasuk juga Exco ataupun Ahli Lembaga Pengarah daripada MAS. Mereka mahu paling kurang pun 20 orang wakil daripada Kampung Baharu dan yang lain-lain Yang Berhormat Menteri boleh bawa daripada kementerian dan juga daripada DBKL. Mereka mahu perkara ini dilakukan sebelum dikemukakan kembali rang undang-undang tersebut pada bulan Jun akan datang. Mereka mohon supaya tidak berlaku penangguhan tetapi ditarik sepenuhnya dan dikemukakan RUU baru.

Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, mengatakan perbadanan ini bukan satu entiti perniagaan. Saya harap Menteri *check* balik Hansard yang sebelum ini, minta maaf saya lupa tarikh dan sebagainya dan saya tidak menjangka perkara ini akan dibangkitkan, di mana di situ Yang Berhormat Menteri sendiri menjawab perbadanan Kampung Baru ini adalah satu entiti perniagaan. Kena *check* balik Yang Berhormat Menteri. Kemudian tentang pembangunan 100% komersial, bukan saya yang cakap tetapi dalam pameran ataupun apa yang dikemukakan oleh DBKL baru-baru ini, pindaan daripada draf Kuala Lumpur 2020 di mana mengatakan Kampung Baru 100% komersial berbanding dengan Pudu, *30% residential, 70% commercial*.

Jadi ini pun saya kira Yang Berhormat Menteri kena *check* baliklah. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memenuhi hasrat penduduk Kampung Baharu yang saya kira tidak terlalu susah menggunakan kuasa Yang Berhormat Menteri untuk tarik balik rang undang-undang ini dan kemukakan yang baru setelah mendapat

persetujuan yang sebenarnya daripada penduduk-penduduk ataupun pemilik. Terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Kerajaan tidak akan tarik balik rang undang-undang ini, oleh kerana saya rasa kita telah buat perjumpaan bukan sekali tetapi berkali-kali dan hanya Yang Berhormat tidak terlibat. Di mana wakil-wakil pemilik dan pewaris seperti yang sebutkan tadi, saya sudah ada perjumpaan tertutup dengan semua ketua kampung bukan sekali tetapi lebih daripada itu dan juga Ahli Lembaga MAS.

Jadi Ahli-ahli Lembaga MAS dengan Perbadanan Pembangunan Kampung Baharu dan juga Persatuan Anak-anak Kampung Baharu semua bersama menyokong penuh penubuhan perbadanan ini dengan beberapa klausa-klausa diperhalusi. Jadi, itulah sebabnya kita menanggungkan RUU hingga bulan Jun. Saya diberitahu oleh pihak Persatuan Pembangunan Kampung Baharu, mereka kata 90% yang bersetuju.

Walau bagaimanapun kepada Yang Berhormat, setelah kita pun sudah selesai berbincang dalam satu jawatankuasa khas yang diwakili oleh NGO-NGO yang saya sebut tadi termasuk MAS, mereka telah membentangkan balik. Jadi, kita akan sampaikan pembetulan ataupun pertukaran-pertukaran ini kepada pihak AG ataupun Peguam Negara. *Insya-Allah* selepas itu kita akan selesai di peringkat Peguam Negara, kita akan bentangkan balik kepada pemilik dan pewaris di Kampung Baharu kita akan turun tiap-tiap kampung untuk menerangkan butir-butir berkenaan dengan rang undang-undang ini.

■1610

Untuk makluman, saya bukan memungkir janji saya tidak turun. Saya turun, saya hanya oleh sebab pada sebelum itu saya diberitahu peraturan-peraturan rang undang-undang ini tidak boleh diberitahu kepada rakyat sehingga dibentang di Parlimen. Itulah sebabnya saya akur kepada peraturan, saya tidak jumpa dahulu tetapi apabila sudah bentang, saya jumpa. Akan tetapi saya pun memang menganggap mungkin ada klausa-klausa yang perlu diperhalusi dan yang perlu perubahan-perubahan.

Jadi itulah sebab kita hanya membentangkan untuk pembentangan ataupun bacaan pertama pada bulan Disember yang lepas. Itu sebabnya. Sebab utamanya kita hendak mendapat maklum balas dan kita sudah dapat pun maklum balas. Untuk makluman bagi memberi kepuasan kepada semua pemilik dan pewaris, saya sudah bagi jaminan bahawa kementerian akan buat satu referendum pada semua pemilik dan pewaris. Kalau majoriti bersetuju, kita akan teruskan *bill*, rang undang-undang ini dan

perkara yang sama saya telah dibuat di Kampung Kerinchi dan inilah yang penting kita tidak mahu satu golongan minoriti yang akan menyebabkan satu Tanah Melayu tidak akan dibangunkan oleh sebab permintaan-permintaan yang kadang kala tidak signifikan iaitu dari segi isu perbadanan itu sendiri.

Jadi isu berkenaan dengan adakah perbadanan *business entity* ataupun tidak, saya pun tidak ingat saya cakap ataupun tidak. Akan tetapi ia adalah sebagai fasilitator dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *facilitator* kepada *business entity*. Jadi ini bermakna kita tidak akan menjalankan perniagaan kecuali diminta oleh pemilik dan pewaris sendiri. Akan tetapi yang penting kita hendak *facilitate* pihak PNB, pihak Tabung Haji, pihak Permodalan Hartanah untuk membangunkan kawasan Kampung Baru ini. Kalau tidak ada *facilitator* itulah menyebabkan mungkin pihak-pihak swasta sahaja yang terlibat dalam pembangunan Kampung Baru ini.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: [Bangun]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Saya?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih, terima kasih. Sekadar hendak berkongsi pandangan. Apabila rang undang-undang itu ditangguhkan untuk dibacakan bagi bacaan kali yang kedua, ini sudah barang pasti ada isunya. Ada beberapa perkara yang harus dicermati dan diteliti dengan serius oleh pihak kerajaan khususnya kementerian Yang Berhormat. Kita juga ada pengalaman dalam menyediakan rang undang-undang.

Saya pun ada pengalaman dalam satu kokus ataupun satu pejabat khas yang juga dilantik oleh kerajaan. Isu yang sebesar ini, tadi Yang Berhormat sebut, Yang Berhormat turun padang mengadakan pertemuan tetapi secara tertutup. Dalam banyak perjumpaan Ahli Parlimen Titiwangsa tidak dijemput. Atas alasan apa kita tidak tahu. Kenapa tidak cadangan saya adakan satu *public hearing*, satu sesi pendengaran umum untuk kita dapat tahu secara terbuka apa pandangan pihak-pihak yang terlibat ini? Daripada MAS, daripada Ahli Parlimen, NGO's dan juga semua pihak. Jadi jangan adakan pertemuan tertutup sahaja.

Saya tahu Yang Berhormat Menteri mengakui bekerja kuat tetapi pertemuan tertutup dan kita boleh kata apa sahaja. Akan tetapi kalau *public hearing*, ia adalah satu badan ataupun satu kaedah yang semua orang bertanggungjawab. Jadi saya rasa itu kaedah yang penting. Saya boleh kata ada kumpulan yang tidak setuju, majoriti tidak

bersetuju. Yang Berhormat juga boleh kata saya Menteri, saya buat pertemuan, ya mewakili majoriti. Siapa tahu tentang kebenarannya? Akan tetapi kalau *public hearing*, ada Hansardnya secara yang kita tidak boleh berbohong.

Jadi saya mencadangkan untuk kita mengkaji klausa-klausa tertentu yang mungkin menjadi pertikaian, harus ada *public hearing* supaya semua pihak boleh datang, semua pihak boleh tengok dokumen itu. Betul, kalau majoriti bersetuju okey, kita boleh *proceed*. Kalau majoriti tidak bersetuju, harus difikirkan tentang bagaimana ia penting bagi masa hadapan kaum. Ini kerana ia satu yang *special*, ia satu warisan yang harus kita pertahankan dan kita tidak mahu di sini dalam jangka masa waktu yang panjang orang Melayu akan lihat identitinya kerana kesilapan yang kita buat pada hari ini. Sekadar saya berkongsi pandangan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Ya, saya ingin menyokong apa yang telah disebut tadi kerana perkara pembangunan di Kampung Baru ini bukan sahaja melibatkan pemilik tanah. Ini adalah warisan untuk seluruh rakyat Malaysia. Warisan orang Melayu di Kampung Baharu di Wilayah Persekutuan adalah topik yang harus di prihatin oleh semua. Kalau kita *reduce* sahaja menjadi satu isu pembangunan untuk pemilik tanah sahaja, ia tidak ada bezanya dengan kampung-kampung yang mana pun. Ini satu perkara.

Perkara kedua saya pernah bangkitkan dalam struktur yang lama Sultan Selangor mempunyai peranan melantik dua orang wakil. Ini bukan sahaja secara mengiktiraf sejarah Kampung Baharu ini di mana Sultan Selangor sebagai penaung kepada orang-orang Melayu di Wilayah Persekutuan. Ada peranan dalam pembangunan tanah di sana dan juga ini sangat signifikan kerana dalam struktur ini Kerajaan Persekutuan tidak semestinya boleh menjadi secara simbolik untuk menjadi penaung kepada orang Melayu di Kampung Baharu atau di mana-mana pun di Wilayah Persekutuan. Kalau dalam pindaan ini tetap tidak memperbetulkan perkara ini, saya ingat ini akan mengubah persepsi dan juga sejarah pembangunan di Kuala Lumpur ini. Saya agak dapat penjelasan sama ada kedudukan Sultan Selangor ini dikembalikan kepada kedudukan yang asal atau tidak. Sekian, terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat Batu...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terakhir Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja. Yang Berhormat Menteri sebut Kerinchi tadi.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Tidak ada, saya jawab Kerinchi...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Sedikit sahaja tentang referendum, betul, pendek sahaja takkan tak boleh.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Tidak ada, biar saya jawab pasal...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya rasa elok kalau bersekali, betul Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Mohon maaf, saya banyak perkara...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Kalau pendek, sikit, takkan tak boleh. Ini belum bertanding lagi. Tunggulah pilihan raya kalau hendak *stop* pun.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: *[Ketawa]* Okeylah, okeylah.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Sekejap, sekejap, sikit sahaja, terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin sebutkan apabila tadi Yang Berhormat katakan tentang isu referendum. Saya rasa kadangkala ada juga kebimbangan yang dibangkitkan kemungkinan cara atau mekanisme referendum ini digunakan sebagai jalan pintas kerana untuk mendapatkan persetujuan pembangunan semula mana-mana tempat. Tidak kiralah Kerinchi, Kampung Baharu, persetujuan setiap seorang pemilik itu perlu didapati. Itu menurut nasihat dari guaman yang saya dan penduduk di sana dapat. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat mengambil maklum tentang hal ini. Tidak boleh digunakan referendum ini, katanya hendak dengar suara rakyat tetapi sebagai jalan pintas kalau pun minoriti, walaupun 30, 40 orang tetapi mereka masih lagi pemilik sama ada *sale and purchase agreement* ataupun waris tanah tersebut. Mohon penjelasan, terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Yang Berhormat Lembah Pantai, oleh sebab lebih tumpuannya kepada Kampung Baharu, saya jawab terus fasal Lembah Pantai, Kampung Kerinchi. Jadi saya hendak cerita sedikit oleh sebab 30, 40 orang, 600 orang tidak mendapat manfaat ekonomi dari segi pembangunan kawasan Kampung Kerinchi itu. Lebih kurang 500 lebih telah berpindah. Tinggal hanya 30 lebih yang tertinggal. Jadi oleh sebab kumpulan yang tertinggal ini...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Biar saya celah sedikit Yang Berhormat, hendak jelas.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Jadi...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Pendirian saya takut Yang Berhormat mengelirukan Dewan. Saya hendak menjelaskan pendirian saya di sini.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Biar saya jawab dahulu, biar saya jawab dahulu. Okey, dari kerana yang saya hendak sebutkan di sini adalah pemaju itu telah dipilih oleh penduduk majoriti di situ. Kita ada referendum. Jadi pemaju dan pembangunan telah dipilih oleh majoriti penduduk di situ. Akan tetapi oleh sebab tekanan politik dari rakan-rakan Yang Berhormat di sana, kawasan itu sudah jadi usang. Mereka yang menunggu pembangunan terpaksa menunggu dan *flat-flat* yang sudah usang lebih 40 tahun yang sekarang jadi sarang untuk penagih dadah dan mereka yang tidak bermoral, masih tergantung dari segi pembangunannya.

■1620

Jadi, saya sendiri minta pemaju jumpa Yang Berhormat untuk menyelesaikan mereka-mereka yang tertinggal ini tetapi Yang Berhormat tidak mampu untuk membantu dan ini semuanya adalah golongan orang Melayu sendiri. Jadi, golongan majoriti meminta saya membuat sesuatu supaya mereka tidak ketinggalan daripada segi pembangunan ekonomi. Dari rumah lebih kurang jumlah, *value* dia ataupun nilai dia hanya RM60,000, apabila mereka dapat dimajukan, diberitahu oleh pihak pemaju nilainya akan meningkat daripada RM150,000 hingga RM250,000 tanpa pemilik-pemilik itu keluar satu sen pun dan pihak DBKL pun telah membantu untuk penempatan sementara. Bermakna, mereka yang keluar daripada rumah-rumah lama ini ada penempatan sementara, sewa pun dibayar oleh pemaju, pemindahan pun dibayar oleh pemaju tetapi oleh kerana golongan yang kecil ini, inilah sebabnya mereka tidak dapat dimajukan.

Jadi saya tidak mahu perkara yang sama juga berlaku di Kampung Baharu di mana oleh kerana golongan minoriti yang tidak bersetuju, majoriti, untuk maklumat Yang Berhormat Titiwangsa tadi dan juga Yang Berhormat dari Kelantan tadi, di Kampung Baharu daripada segi NGO-NGO yang mewakili Kampung Baharu iaitu MAS yang paling utama, PAKAB (Persatuan Anak-anak Kampung Baharu) dan PKKB (Persatuan Keusahawanan Kampung Baharu) semua bersetuju untuk perbadanan ditubuhkan dan hanya seperti saya memang pun jangka, ada beberapa klausa, oleh kerana ini adalah ayat-ayat undang-undang, ia perlu diperhalusi supaya mereka lebih memahami dan dapat diperbaiki dan itulah sebab utama yang kita tangguhkan pembentangan.

Jadi, daripada segi untuk memberi suara rakyat, pada perjumpaan pertama dengan pemilik dan pewaris, kita telah berjumpa dengan lebih kurang 2,000 wakil-wakil

khasnya pemilik dan pewaris. Yang Berhormat pun hadir sekali bersama dalam itu dan memang pada masa itu semua bersetuju untuk dibangunkan Kampung Baharu dan secara umumnya semua bersetuju untuk pembangunan ditubuhkan. Jadi pada masa itu Yang Berhormat ada...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ini tidak benar ini Menteri, tidak benar. Saya pun tak dibenarkan bercakap hari itu.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Tapi *you* hadir. Yang tak membenarkan adalah wakil-wakil pemilik ataupun pemilik dan pewaris sendiri. Jadi, mereka yang tak benar, jadi inilah yang telah berlaku. Jadi, daripada segi apa Yang Berhormat sebut tadi itu yang sebab akhirnya kita akan serahkan seperti referendum itu adalah untuk semua pemilik dan pewaris untuk buat persetujuan dengan sokongan daripada NGO-NGO yang terlibat. NGO akan menguruskan perjumpaan itu setelah rang undang-undang ini diselesaikan di peringkat Peguam Negara. Jadi, *insya-Allah* kita akan cuba selesaikan perkara ini dalam bulan Mei dan akhirnya kita akan bentang ini pada bulan Jun apabila dah diselesaikan di peringkat pemilik dan pewaris. Jadi itu sasaran pihak kerajaan daripada segi rang undang-undang ini.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi peringatan kepada Datuk Menteri. Datuk Menteri boleh katalah 90 peratus bersetuju, dapat daripada mana keputusan itu Menteri? Sedangkan referendum baru nak buat. NGO itu dia dapat keputusan daripada mana yang dia orang kata 90 peratus, malah yang dia kata perjumpaan 2,000 orang hari itu, kalau kita boleh tayang balik berapa ramai yang bercakap dengan rasa tidak puas hati. Macam mana Menteri kata mereka bersetuju secara majoriti? Adakah diambil tanda tangan dan diminta untuk persetujuan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, saya tak mahu bercakap panjanglah tentang perkara ini. Saya telah memberi peringatan kepada Menteri, jangan kata selepas ini maknanya wakil rakyat menghasut ataupun sebagainya. Kita menerangkan kepada rakyat dan rakyat akan melakukan lebih daripada itu. Kalau Menteri tak tarik rang undang-undang ini, mereka akan berarak berjumpa dengan Sultan Selangor, mereka akan berarak berjumpa dengan Yang di-Pertuan Agong untuk memastikan bahawa satu rang undang-undang yang benar-benar mewakili mereka yang akan dibentangkan di Parlimen ini. Saya telah beri peringatan pada hari ini. Terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Untuk makluman Yang Berhormat, rang undang-undang ini ataupun usaha untuk membangunkan

pembangunan Kampung Baru adalah cadangan daripada pemilik dan pewaris sendiri. Jadi, bukan daripada kementerian ataupun pihak kerajaan, adalah cadangan daripada mereka sendiri. Baru-baru ini pada 1 Mac, saya telah berjumpa dengan wakil-wakil yang saya sebut tadi, saya cadangkan oleh kerana wakil rakyat Titiwangsa minta tangguhkan ataupun tarik, saya akan tarik. Semua tak bersetuju untuk tarik, jadi masa itulah dalam perjumpaan pada 1 Mac di Putrajaya, mereka telah kata teruskan usaha untuk membangunkan Kampung Baru dan teruskan usaha mengadakan pembangunan Kampung Baharu dan pada masa itulah seorang wakil telah menyebut bahawa 90% iaitu wakil adalah daripada Persatuan Pembangunan Kampung Baharu, Datuk Yusop.

You boleh *check* dengan dia, dia sendiri cakap 90 peratus. Jadi walau bagaimanapun, referendum ini akan menentukan adakah benar atau tidak benar 90 peratus ataupun yang penting kepada saya adalah majoriti menyokong pembangunan Kampung Baharu. Soal 90 peratus tak timbul, soal dia, *we must get the majority*, dengan izin, *to support the efforts by the* kerajaan dan inilah usaha yang akan memberi nikmat ekonomi khususnya untuk orang Melayu dan untuk...

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya sendiri bersama dengan Datuk Bandar dan Datuk KSU telah pergi berjumpa Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menerangkan pembangunan Kampung Baharu ini dan baginda menyokong penuh dan minta kalau boleh dengan secepat mungkin dibangunkan dan wakil baginda memang diberi tempat dalam Lembaga Perbadanan Kampung Baharu.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga keliru dengan apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat tadi sebab daripada penjelasan yang kita terima daripada majlis yang kita buat, yang saya juga turut hadir dalam deklarasi yang dibuat oleh penduduk Kampung Baharu, bukan 90 peratus yang bersetuju. Hampir semua mereka menyatakan mereka meminta rang undang-undang ini ditarik balik.

Jadi, saya harapkan suara rakyat ini didengar dan saya juga minta penjelasan kenapa Ahli Parlimen dari Titiwangsa tidak diambil kira suaranya di dalam pembicaraan perkara yang berkaitan dengan isu ini sebab dia adalah wakil rakyat yang mewakili suara rakyat. Jadi, saya harap walaupun Kampung Baharu bukan kawasan saya tetapi adalah kepentingan orang Melayu, kepentingan bangsa kita. Jadi seharusnya walaupun

pembangunan nak dibuat, jadi seharusnya keadilan diberi di mana suara semua rakyat diberi penghormatan termasuk wakil rakyat. Jadi, saya minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat fikir bahawa persoalan yang dibangkitkan ini telah pun dijawab, elok Yang Berhormat *move on*, teruskan. Oleh kerana kalau saya biarkan berlarutan begini, tidak akan selesai Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Satu sahaja.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Penjelasan.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Sebentar Yang Berhormat, saya nak cadangkan macam mana nak *move on*.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Seterusnya Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa juga telah bangkitkan Keramat Mall.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Sedikit Yang Berhormat, mengenai isu Kerinchi juga.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Menteri, cadangan Tuan Yang di-Pertua itu kena pakai kerana pembangkang ini semua perkara dipolitikkan. Jangan layan sangat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat Sri Gading tak memahami isu sebenar di sini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Datuk Menteri, ini bukan politikkan...

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Minta maaf, saya tak bagi laluan. Saya dah jawab banyak...

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Datuk Menteri, satu sahaja.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya minta satu sahaja, satu permohonan sahaja supaya Yang Berhormat sekarang...

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa telah membangkitkan berkenaan dengan Keramat Mall yang dikatakan...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Boleh Yang Berhormat?

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Telah siap sepenuhnya tetapi masih bermasalah...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Berlaku di Kerinchi, penglibatan Ketua Bahagian UMNO, tak cakap!

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Ruang niaga yang tidak bersesuaian terutama kepada peniaga barangan basah.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat, kalau boleh berterus terang baru orang boleh terima.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Mengapa pihak Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur tidak dapat berbuat apa-apa ataupun setidak-tidaknya perlu memindahkan peniaga-peniaga barang kering dan perkhidmatan masuk terlebih dahulu dan seterusnya diikuti peniaga barangan basah setelah selesai permasalahan ruang niaga. Seterusnya, masalah kekurangan *lot parking* kereta, peniaga juga turut dibangkitkan kerana hanya terdapat sebanyak 247 *lot parking* berbanding dengan 444 peniaga di sana. Untuk makluman Yang Berhormat, projek pembangunan Keramat Mall telah menyediakan ruang dan tapak perniagaan kepada peniaga dan penjaja di sekitar Datuk Keramat. Antara yang diberi peluang adalah penjaja-penjaja yang aktif berniaga di Pasar Keramat lama.

Berdasarkan kepada beberapa siri perbincangan dengan pihak berkepentingan dan persatuan penjaja setempat, seramai 84 penjaja sahaja yang bersetuju untuk berpindah selewat-lewatnya pada Mei 2011 ke dalam ruang niaga Kompleks Keramat Mall. Bagi mereka yang enggan berpindah akan terus berniaga di tapak sedia ada sekarang. Sementara itu, bagi mengisikan ruang-ruang yang kosong dalam Keramat Mall, tawaran akan diberi kepada peniaga dan penjaja di sekitar Datuk Keramat. Sementara itu, dalam kompleks Keramat Mall juga mempunyai beberapa kemudahan termasuk dewan komuniti yang boleh digunakan bermula pada bulan April.

■1630

Berkenaan tempat meletak kereta, ia akan disediakan setelah sebelas orang pemilik tanah dipindahkan ke pasar bersama dengan 84 orang peniaga. Berikutan itu, Ahli Yang Berhormat Titiwangsa juga membangkitkan tentang isu pembangunan Pasar Chow Kit yang sudah lama tiada perubahan penambahbaikan sedangkan kawasan tersebut sangat berpotensi dan bersejarah di Kuala Lumpur.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Titiwangsa, kementerian telah mengambil maklum tentang kepentingan Pasar Chow Kit yang menjadi tumpuan umum sebagai pusat komersial di Kuala Lumpur. Sehubungan itu, pihak kementerian telah merancang untuk melaksanakan pembangunan semula di Pasar Chow Kit yang akan dibuat bersama dengan pembangunan menyeluruh Kampung Baharu.

Ahli Yang Berhormat dari Lipis pula telah menyentuh tentang perancangan Projek MRT yang merentasi satu tanah Pengakap BP House di Kuala Lumpur. Beliau menyatakan bahawa perancangan tersebut sepatutnya merupakan laluan bawah tanah dan tidak seharusnya mengambil tanah yang telah lebih 50 tahun diberi kepada pengakap yang masih digunakan sehingga sekarang.

Beliau berharap perkara ini diberi perhatian semula dan meminta supaya dibincangkan terlebih dahulu sebelum dibuat sebarang keputusan. Pada masa ini tanah yang perlu diambil alih untuk projek MRT Lembah Klang belum dapat dimuktamadkan kerana proses pameran awam untuk skim kereta api projek MRT masih dijalankan sehingga 14 Mei 2011.

Jajaran MRT hanya dimuktamadkan selepas proses ini. Lot-lot tanah yang dipaparkan di pameran awam menunjukkan lot-lot yang mungkin diambil alih di bawah seksyen 4 Akta Pembangunan Tanah 1960. Ini termasuk dua lot tanah yang dimiliki oleh Persatuan Pengakap Malaysia. Namun begitu, bukan semua lot yang dikenal pasti di bawah seksyen 4 di atas akan wajib diambil alih di bawah seksyen 8 akta tersebut setelah jajaran dimuktamadkan.

Walau bagaimanapun semua pihak terbabit dipelawa untuk memberi maklum balas mahupun bantahan terhadap Projek MRT ini. Kerajaan melalui SPAD akan mengkaji semua maklum balas dan bantahan dan akan mencari penyelesaian yang sewajarnya.

Akhir sekali Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa membangkitkan permasalahan yang dihadapi oleh penduduk di pinggir Kuala Lumpur mengenai *parking* bermeter yang telah menambah kos kepada peniaga-peniaga yang memang mempunyai premis mereka di kawasan berdekatan di situ. Adakah cadangan diwujudkan kad khas atau *voucher* diskaun boleh diberikan kepada mereka yang meletakkan kenderaan setiap hari di kawasan itu. Perkara itu dijadikan sebagai keperluan yang perlu dipenuhi oleh kontraktor-kontraktor *parking* bermeter.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Titiwangsa kemudahan tempat letak kereta yang berada dalam kawasan perumahan tidak dipasang dengan *parking* bermeter. Kemudahan *parking* bermeter di luar kawasan perumahan iaitu di luar kawasan bandar Kuala Lumpur akan dikenakan dengan kadar caj yang berpatutan iaitu 50 sen sejam.

Bagi para peniaga yang memerlukan petak *parking* khas kerana keperluan seperti pemunggahan barang dan sebagainya, mereka boleh memohon kepada Dewan

Bandaraya Kuala Lumpur bagi tujuan tersebut dan bayaran secara bulanan yang mengambil kira diskaun harga akan dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Titah Diraja yang membabitkan tanggungjawab kementerian ini.

Semua teguran dan pandangan membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat amat kami hargai dalam usaha untuk menambah baik perkhidmatan kepada rakyat dan negara. *Sekian, wabillaahi taufik walhidayah, wassalamu alaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya jemput Kementerian Kewangan.

4.34 ptg.

Menteri Kewangan II [Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan Kementerian Kewangan. Izinkan saya untuk memberi penjelasan ke atas beberapa isu yang telah dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat Lenggong membangkitkan mengenai usaha kerajaan untuk mencapai sasaran kerajaan bagi meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar dalam keadaan ekonomi semasa yang tidak stabil dan dilanda masalah bencana alam dan pergolakan politik di Timur Tengah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan peka tentang perkembangan ekonomi dunia terutamanya bencana alam di Jepun dan pergolakan politik di Timur Tengah dan Afrika Utara serta impaknya ke atas ekonomi negara.

Bencana yang berlaku di Jepun memberi kesan minimum. Bencana tersebut menyebabkan beberapa kilang, kereta Jepun terpaksa menutup operasinya buat sementara waktu. Walau bagaimanapun, impak ini adalah minimum dan bersifat sementara. Ini adalah kerana kebanyakan syarikat kenderaan bermotor Jepun telah membuka pusat bekalan serantau seperti di China dan Asia Tenggara yang mampu membekal alat-alat ganti kenderaan bermotor tersebut kepada Malaysia.

Tambahan pula, industri ini semakin kurang bergantung kepada barangan import kerana penggunaan kandungan tempatan yang tinggi terutamanya bagi kereta nasional yang telah pun meningkatkan kepada 70%. Kesan terhadap rantaian bekalan hanyalah

tertumpu kepada peralatan dan produk berteknologi tinggi seperti kereta hibrid. Manakala pergolakan politik di Timur Tengah dan Afrika Utara memberi kesan kepada bekalan dan harga minyak dunia serta harga komoditi.

Kenaikan harga ini menyumbang kepada kadar inflasi dunia. Namun begitu, impak pergolakan tersebut juga adalah minimum terhadap negara kita kerana hubungan perdagangan negara-negara Afrika Utara adalah kira-kira 2% daripada jumlah perdagangan negara. Dalam pada itu, kerajaan sedang giat melaksanakan Program Transformasi Ekonomi Negara untuk meningkatkan pelaburan swasta dan aktiviti ekonomi dalam negeri dengan tidak semata-mata bergantung kepada perdagangan antarabangsa.

Dengan ini, kerajaan yakin sasaran pertumbuhan KDNK sebanyak 6% mampu dicapai pada tahun 2011. Ahli Yang Berhormat Kinabatangan telah meminta pengesahan mengenai akta yang melarang penjualan atau pembekalan maklumat peribadi individu kepada pihak ketiga. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi menangani isu tersebut kerajaan telah pun meluluskan Akta Agensi Pelaburan Kredit 2010 yang akan berkuat kuasa mulai Jun 2011.

Akta ini bertujuan untuk mengawal selia maklumat kredit orang awam sama ada individu pertubuhan perbadanan, atau pertubuhan bukan diperbadankan. Akta ini akan memberi kuasa kepada agensi tersebut untuk memantau sikap pelaporan kredit iaitu CTOS, Bris Information Services Sdn Bhd, Financing Information Services Sdn Bhd dan sebagainya.

Berhubung isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Belud, Bank Negara Malaysia telah memberi kebenaran kepada 40 pengendali kiriman wang bukan bank termasuk Bank Simpanan Nasional, Bank Kerjasama Rakyat Berhad dan Pos Malaysia Berhad.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, boleh minta sedikit penjelasan.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Yang Berhormat di atas makluman yang telah diberikan sebab sehingga hari ini rakyat di seluruh negara masih tertanya-tanya sebab CTOS ini masih memainkan peranan dan agensi-agensi rasmi kerajaan masih mahu menggunakan khidmat CTOS dan lain-lain. Jadi, ini amat membimbangkan. Jadi, apakah ada jaminan selepas Jun 2010 ini

bermakna mereka yang telah beroperasi selama ini boleh diambil tindakan mengikut Akta Kredit 2010 ini? Terima kasih.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita maklum buat masa ini Agensi Pelaporan Kredit tidak ada kawal selia kerana tidak ada akta yang mengawalinya. Di bawah akta ini nanti yang akan dilaksanakan pada bulan Jun, kita akan ada pihak untuk mengawal selia dan Agensi Pelaporan Kredit ini perlu untuk mematuhi kepada peraturan-peraturan tersebut.

Berhubung isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Belud, Bank Negara telah memberi kebenaran sejak awal tahun 2002 kepada 40 pengendali kiriman wang bukan bank termasuk Bank Simpanan Nasional, Bank Kerjasama Rakyat Berhad dan Pos Malaysia Berhad untuk menawarkan perkhidmatan kiriman wang dari Malaysia ke luar negara.

Ini bertujuan menggalakkan orang ramai terutamanya pekerja asing di Malaysia menggunakan perkhidmatan kiriman wang secara formal. Secara keseluruhannya pengendali kiriman wang bukan bank yang telah mendapat kebenaran ini mempunyai 1,176 cawangan di seluruh negara.

Di samping itu, kerajaan akan membentangkan Rang Undang-undang Perniagaan Perkhidmatan Wang pada sesi Parlimen akan datang untuk mengawal selia perniagaan perkhidmatan wang termasuk aktiviti penghantaran wang ke luar negara oleh pengurup wang. Kerajaan juga telah mengadakan operasi penyemakan ke atas kira-kira 103 syarikat pengurup wang yang disyaki menjalankan kegiatan pengiriman secara haram. Sehingga kini sebanyak 50 lesen syarikat pengurup wang telah dibatalkan dan pengarahnya telah didakwa di mahkamah dan didapati bersalah.

Mengenai isu insurans pihak ketiga yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Sri Gading dan Ahli Yang Berhormat Bandar Kuching, Bank Negara Malaysia telah mengumumkan rangka kerja perlindungan motor baru yang akan berkuasa pada 1 Januari 2012. Bagi memastikan pelaksanaan rangka kerja tersebut berjalan lancar, satu jawatankuasa kerja bersama telah ditubuhkan.

■1640

Di samping itu satu *call centre* dicadang untuk ditubuhkan bagi membantu mangsa kemalangan berhubung proses tuntutan insurans. Rangka kerja motor baru ini dijangka dapat meningkatkan akses kepada perlindungan motor pada harga yang berpatutan dan penanggung insurans terus berdaya tahan untuk menyediakan produk

serta perkhidmatan insurans yang adil dan boleh diterima oleh semua pihak terutamanya rakyat yang berpendapatan rendah.

Ahli Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Indera Mahkota dan Yang Berhormat Bandar Kuching telah membangkitkan beberapa isu berkaitan laporan logo *financing integrity* berhubung *illicit financial flows*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu ini telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dan telah dijawab dalam sesi soal jawab lisan pada 14 Mac 2011 yang lalu. Kerajaan memandang serius mengenai perkara ini dan Bank Negara Malaysia sedang mengambil langkah untuk memperkukuhkan rangka kerja sedia ada seperti mempertingkatkan kawalan dan pengisytiharan mata wang merentasi sempadan, penggubalan undang-undang baru seperti yang saya nyatakan tadi Rang Undang-undang Perniagaan Pungutan Wang dan bekerjasama serta berkongsi maklumat dengan Agensi Penguatkuasaan Undang-undang Asing.

Untuk makluman Yang Berhormat Indera Mahkota, kerajaan sebenarnya telah memberi pengecualian 50% duti setem ke atas individu yang membeli rumah kediaman pertama yang bernilai tidak lebih daripada RM250,000.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kebimbangan saya Yang Berhormat Menteri ialah statistik ataupun jumlah-jumlah yang gemar digunakan oleh pihak pembangkang untuk berceramah dan memberi pandangan serong terhadap kerajaan. Saya melihat tidak ada usaha daripada kerajaan untuk memberi penerangan tentang jumlah-jumlah yang dikatakan ketirisan, rasuah dan sebagainya.

Saya bagi contoh Yang Berhormat Menteri. Ini berkenaan dengan *Global Financial Integrity* Yang Berhormat Menteri katakan tadi. Apabila kita melihat dalam *website Global Financial Integrity* ini sendiri ketuanya iaitu Raymond Baker itu sendiri mengatakan bahawa jumlah *illicit flow of fund* ini yang berlaku daripada negara-negara yang membangun kepada negara-negara membangun sebenarnya tidak ada kena-mengena dengan rasuah atau salah guna kuasa. Kebanyakannya adalah berkenaan dengan *transfer pricing in multinational companies*. 65% dikatakan oleh *Global Financial Integrity* adalah berkenaan dengan MNC.

Keduanya ialah tentang duit dadah, duit *prostitution*, *racketeering* dan judi haram yang hanya sebahagian kecil sahaja adalah berkenaan dengan rasuah dan sebagainya. Akan tetapi jumlah ini telah diuar-uarkan oleh pembangkang sebagai kononnya jumlah

yang keluar daripada negara ini kerana rasuah dan salah guna kuasa. Itu *figure* nombor satu.

Ketiganya, Yang Berhormat Menteri, saya ingin meminta penerangan. Saya selalu mengatakan di dalam Dewan ini dalam perdebatan, RM28 bilion ketirisan yang selalu dikatakan oleh pihak pembangkang yang berlaku yang kononnya dikatakan oleh Ketua Audit Negara dalam laporannya tahun lepas. Sebenarnya jumlah ini tidak wujud. Saya sendiri telah berhubung dengan Tan Sri Ambrin Buang kerana saya adalah Ahli PAC, saya tahu inilah asas penyiasatan kita di dalam PAC pun laporan Ketua Audit Negara tidak tersebut RM28 bilion di dalam itu. Akan tetapi kenapa tidak ada penerangan daripada kerajaan apabila pihak pembangkang menggunakan ini sebagai satu jumlah yang kononnya tiris daripada perbelanjaan kerajaan.

Keempatnya ialah PKFZ. Saya adalah Ahli PAC. Saya tahu RM12.5 bilion yang selalu dikatakan pihak pembangkang itu pun jumlah yang tidak betul! Saya tahu RM6 bilion atau RM7 bilion ketirisan itu memang besar, tetapi RM12.5 bilion adalah satu jumlah yang akan hanya ditanggung oleh kerajaan jika PKFZ ini tutup pintu, tidak buat kerja langsung. Itu komitmen kerajaan RM12.5 bilion. Saya tahu tetapi itu tidak berlaku. PKFZ masih lagi berjalan dan mungkin kerugian itu jauh lebih kurang dari RM12.5 bilion. *Of course* RM3 bilion atau RM4 bilion masih lagi banyak, tetapi ini adalah soal tentang jumlah dan angka yang digunakan oleh pihak pembangkang untuk mengaburi mata rakyat. Saya minta Kementerian Kewangan sebenarnya betul-betul menerangkan jumlah ini. Jikalau tidak kita akan berdepan dengan masalah salah persepsi rakyat. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Tuan Yang di-Pertua, kita ambil maklum kepada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kota Belud, malah kita pun telah mengadakan mesyuarat dalaman dan juga akan mengadakan mesyuarat. Kita telah mengadakan mesyuarat dengan editor akhbar dan kita akan adakan mesyuarat lagi kerana apa Yang Berhormat katakan itu adalah betul. Kita lihat dari segi *illicit financial flow*, 60% adalah daripada perdagangan itu pun melibatkan *discrepancy* antara kita sebagai negara pengeksport dengan negara pengimport. Itu dianggap sebagai *transfer pricing*. Malah *transfer pricing* seperti mana kita maklum dalam *Global Supplier Chain* daripada bahan mentah kepada produk *intermediary* kepada produk akhir berlaku *transfer pricing* kerana ia melibatkan antara satu syarikat yang lain daripada yang sama. 40% seperti mana kita maklum melibatkan *black economy*. Jadi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu

adalah tepat dan kita akan melakukan seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Berbalik kepada *global financial reporting* yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kota Belud. Saya bertanya soalan ini macam mana FIC yang berada di Washington D.C. boleh tahu di Malaysia ada *transfer pricing* yang salah lebih kurang RM888 bilion atau RM220 bilion. Akan tetapi Kerajaan Malaysia sendiri yang semak semua akaun ini masih tidak dapat tangkap masalah ini. Ini bukan isu RM1 bilion, RM2 bilion atau RM3 bilion. Menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa ini lebih kurang RM200 bilion. Kalau RM1 saya boleh faham, kita boleh lupakan tetapi kalau RM200 bilion lebih macam mana Kerajaan Malaysia sendiri khususnya Kementerian Kewangan tidak dapat tangkap isu ini kalau pun *transfer pricing* berlaku.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [Bangun]

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Ini menunjukkan bahawa *lack of effectiveness* dan juga *lack of governance on the part of Malaysia*. Jadi kita boleh katakan bahawa semua yang dikatakan itu salah, tetapi ini ada kebenaran bahawa *transfer pricing* berlaku di Malaysia tetapi lebih jauh dipantau oleh orang di luar negara daripada Kerajaan Malaysia sendiri. Mana kesalahan? Luar negara ataupun kita sendiri?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Menteri boleh saya sambung sedikit daripada Yang Berhormat Klang. Boleh saya bantu?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: [Bangun]

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Menteri, saya sebenarnya begitu tertarik dengan isu ini sebab saya setuju RM888 bilion adalah satu jumlah yang besar dalam masa sembilan tahun. Akan tetapi kalau kita meneliti *website* dan juga Raymond Baker – *Raymond Baker is the Head of Global Financial Integrity. He was the one who formed the institute* dengan izin. Dia katakan Yang Berhormat Menteri bahawa sebenarnya yang mengakibatkan pengubahalihan wang secara *illicit* ini adalah bukan kerana *despot government* – bukan. Dia katakan ialah kerana sistem kewangan moden selepas Perang Dunia Kedua ini yang telah memberikan satu peluang kepada syarikat-syarikat besar MNC ini untuk *under pricing, transfer pricing, under invoice, double invoice, international trading*. Dia tidak ada kena-mengena dengan Kerajaan Malaysia ataupun mana. Ini adalah satu kebiasaan di dalam *trading international trading* dan dia *blame* – bukan kerajaan dunia ketiga, dia salahkan sistem kewangan yang dipelopori oleh Barat selepas Perang Dunia Kedua. *In order to solve this problem*

katanya Tuan Yang di-Pertua, “*We must do massive reform on the international trading system*”. Jadi ini untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *[Bangun]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Menteri dan saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada Yang Berhormat Menteri sedar atau tidak yang *illicit fund* ini bukannya dihadkan kepada perjudian, pelacuran dan sebagainya. Ia ada satu kategori lagi yang saya rasa kerajaan tidak berkesan langsung. Tidak tahu langsung ataupun kementerian memang tidak minat langsung.

■1650

Akan tetapi wang yang keluar dari negara ini adalah banyak. Ini satu kategori dari negara China ini. Pelawatnya adalah profesional *beggar* dengan izin, datang ke sini. Kerjanya adalah dia masuk dengan *social pass* dan kerja mereka dari pagi sampai malam adalah minta sedekah di setiap pasar di dalam negara. Mereka satu hari boleh dapat RM400, RM500 seorang dan banyak wang ini juga dihantar balik ke negara China. Sama ada kementerian ini sedar atau tidak akan kategori profesional *beggar* dari *Republic of China*?

Saya rasa memang kementerian tidak sedar kerana pertanyaan saya yang bentang dalam Dewan ini pada sesi yang dahulu mengenai dengan Khazanah di mana saya minta kementerian untuk menjelaskan kos *consultancy* yang dibayar oleh Khazanah kepada semua projek-projek sejak tahun 2003 dan memberikan butiran-butiran dan nama *consultancy firm* terhadap projek tersebut, jumlah, tarikh dan nama *consultancy* ini sampai hari ini tidak dijawab.

Kalaulah kementerian, pegawainya bersikap begini, tidak peduli dengan Parlimen, bagaimanakah Yang Berhormat Menteri boleh jaga kewangan dalam negara kita? Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan bagaimanakah tingkah-laku ini boleh diabaikan, boleh diterima oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan termasuk Yang Berhormat Menteri sendiri? Terima kasih.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Klang, Menteri belum menjawab lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah *cross question*. Menteri belum menjawab lagi.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Saya hendak sambung sedikit. Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Let the Minister answer first* Yang Berhormat.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *I think better answer after my question.* Terima kasih. Saya memang sokong Yang Berhormat Menteri bahawa kita dalam dunia ini *the better financial and monetary system. I agree*, saya sokong dengan pendapat Yang Berhormat Kota Belud. *I agree with him.* Akan tetapi Yang Berhormat, isu di depan kita ialah *volume illicit fund transfer* itu terlalu banyak. Kalau kita katakan *it just a transfer*, maka *the Indonesian economy* itu lebih besar daripada Malaysia, *Singapore economy* itu lebih besar daripada Malaysia. Akan tetapi *their illicit fund transfer* tidak begitu *very big compared to Malaysia. We are 5th largest country that promotes illicit transfer. This is record.* Macam mana ini boleh berlaku? *If we say everybody is transfer pricing*, itu bermaksud bahawa Malaysia, Thailand dan Singapura mesti tahap yang atas sekali. Akan tetapi Malaysia, walaupun perkembangan ekonomi tidak begitu besar berbanding dengan negara lain di ASEAN, *we are the top. So* maksudnya, *something is going wrong.* Oleh sebab itu saya fikir masalah itu bukan masalah *transfer pricing*, tetapi masalah pemantauan dan *good governance and corporate culture* yang tidak begitu *develop in Malaysia.* Terima kasih.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Klang menyentuh beberapa perkara mengenai dengan isu *transfer pricing* dan beliau membandingkan Malaysia, Singapura dan Indonesia. Malangnya, saya tidak mempunyai statistik dan juga apakah eksport negara-negara tersebut. Ini kerana apabila kita melihat konsep *transfer pricing*, ini melibatkan bidang *manufacturing* sebahagian besarnya dan dari segi eksport kita, 70% adalah *manufacturing* dan ini seperti mana kata Yang Berhormat Kota Belud, melibatkan masalah di seluruh dunia, bukan semata-mata negara kita. China umpamanya, jumlahnya begitu besar. Walau bagaimanapun, apa yang kita lakukan ialah kita telah minta kepada pihak kastam untuk mengemukakan apakah langkah-langkah seterusnya yang harus kita lakukan untuk kita menangani masalah ini.

Yang Berhormat Wangsa Maju bertanya mengenai dengan kos-kos *consultancy* ini terpaksa saya beri kemudian Yang Berhormat, pasal ini tidak masuk dalam ucapan dan tidak ada maklumat itu pada tangan saya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri, saya ada bangkit dalam ucapan saya pada sesi ini.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Tidak ada dalam...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya ada bangkit.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Tetapi tidak ada dalam ucapan saya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Boleh tunjuk rekod dalam ucapan saya.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Okey, saya ambil maklum dan kita akan beri.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya rasa kementerian hendak *cover up* benda ini. *Cover up* untuk siapa? Tingkat 4 kah? Saya rasa tingkat 4 sudah tidak ada sudah. Masih ada yang hendak *cover* lagi kah? Saya rasa *consultancy cost* ini berjuta-juta ringgit.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Saya ingat tidak macam itu, Yang Berhormat. Nanti saya akan beri kepada Yang Berhormat. Selepas itu kita boleh berhujah.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri, ini soalan daripada sesi yang lepas. Itu soalan rasmi melalui Parlimen tidak dijawab sampai hari ini. Dalam ucapan saya pun ada bangkitkan perkara ini. Kalau Yang Berhormat Menteri meneliti ucapan saya, gerenti ada dalam itu. Saya rasa pegawai-pegawai yang berada di sini yang hendak *cover up*. Kena ambil tindakan terhadap perkara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Nanti saya *check* nanti, okey. Saya tadi menyentuh mengenai dengan duti setem. Ini memang telah dilaksanakan oleh kerajaan daripada September 2007 sehingga 31 Disember 2010 dan kita memanjangkan lagi pengecualian tersebut tetapi meningkatkan nilai harga rumah daripada RM250,000 kepada RM350,000 memandangkan harga rumah yang tinggi di Kuala Lumpur dan tempoh pengecualian ini juga dilanjutkan sehingga 31 Disember 2011.

Dari segi cukai keuntungan harta tanah pula, tujuannya adalah untuk membendung kegiatan spekulasi tanah. Seperti mana yang kita sedia maklum, bagi harta pertama, ini dikecualikan daripada cukai. Ini hanya untuk harta kedua dan seterusnya sehingga lima tahun yang jika berlaku transaksi dikenakan 5%. Selepas 5 tahun akan diberi pengecualian.

Yang Berhormat Arau menyentuh mengenai dengan isu cukai yang tidak dikutip. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan telah pun mengadakan kajian secara awal dan kita dapati ada kebenaran bahawa kita boleh mengutip cukai dengan lebih tinggi. Justeru, kita telah pun menubuhkan makmal dan makmal sedang menyediakan langkah-langkah untuk kita meningkatkan cukai kita dan laporan daripada makmal ini akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada pertengahan April 2011.

Mengenai dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota mengenai dengan 300 barangan import yang dimansuhkan duti import, ini adalah bertujuan untuk memastikan pelancong yang datang ke negara kita berbelanja. Kita tahu ramai pelancong yang datang tetapi tahap perbelanjaan per kapita untuk seseorang pelancong itu boleh dipertingkatkan. Dari segi manfaat, tentulah ia akan memberi manfaat kepada pelancong dan juga kepada rakyat Malaysia yang membeli produk tersebut. Di samping itu dari segi jangka panjang, kita pasti bahawa ini akan menarik lebih banyak lagi syarikat-syarikat luar yang menghasilkan produk-produk jenama untuk datang ke Malaysia.

Mengenai dengan peranan kerajaan bagi anak-anak kecil mahupun besar dari segi pemberian rebat cukai ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam, seperti mana kita sedia maklum, bahawa kerajaan memang memberikan pelepasan cukai bagi anak yang kurang 18 tahun – setiap individu diberikan pelepasan RM1,000 manakala elaun penjagaan anak diberi RM2,400 setahun. Kemudian majikan juga diberi potongan cukai bagi mereka yang buka pusat penjagaan. Jadi perkara ini memang telah diambil perhatian oleh kerajaan

Ahli Yang Berhormat Pasir Mas bimbang mengenai dengan isu tender melalui perolehan mungkin tidak akan memberi peluang kepada syarikat bumiputera untuk mendapat projek. Untuk makluman Yang Berhormat, dasar dan keutamaan kerajaan memang sentiasa mempertahankan bumiputera.

Ahli Yang Berhormat Pengerang mengusulkan penggabungan syarikat penerbangan Air Asia dengan Malaysia Airlines System. Seperti mana kita maklum, kedua-dua syarikat ini adalah syarikat yang mempunyai identiti yang berbeza. AirAsia

milik swasta manakala Malaysia Airlines milik kerajaan sebahagiannya melalui Khazanah. Dari pihak kerajaan, tidak ada masalah jika diusulkan penggabungan tetapi ini tertakluk kepada kedua-dua pemegang saham bersetuju ke atas perkara tersebut.

Yang Berhormat Tuaran menyentuh tentang projek rumah mampu milik di Taman Sri Westa Milanin di Sulaman Tuaran oleh SPNB ataupun Syarikat Perumahan Negara Berhad, mengapa tidak dijual kepada individu rakyat.

■1700

Untuk makluman Yang Berhormat, SPNB telah menyiapkan 496 unit rumah tersebut dan ini tidak dibeli. Justeru pihak SPNB telah menyewa 230 unit rumah tersebut untuk kegunaan anggota tentera, ada yang dibeli sedikit oleh anggota awam, manakala 72 unit masih lagi berbaki, yang boleh dibeli oleh anggota masyarakat. Yang Berhormat Kuala Krau...

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan yang saya telah terima mengenai dengan soalan saya berkaitan dengan Taman Vesta ini, mengatakan bahawa jumlah pembeli tidak mencukupi, tidak cukup dan masih banyak ruang-ruang tertentu yang tidak dibeli dan terpaksa disewa kepada ahli angkatan tentera laut. Akan tetapi saya kira Yang Berhormat, cara untuk memasarkan ataupun memaklumkan kepada masyarakat setempat mengenai dengan lot ini tidak terbuka. Ramai daripada penduduk-penduduk tempatan yang tidak mengetahui tentang adanya lot-lot ini.

Saya, baru-baru ini menjelajah di kawasan saya dan saya menerima banyak maklumat. Mereka masih banyak mencari lot-lot rumah dan mereka ini hairan kenapa lot-lot ini disewakan kepada anggota tentera laut sedangkan masih ramai lagi penduduk tempatan yang tidak mempunyai rumah, yang memerlukan. Saya harap Yang Berhormat, penyewaan ini tidak *permanent* sebab betul-betul saya ingin beritahu bahawa masih banyak keperluan lagi lot-lot rumah murah ini kepada orang tempatan. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mendapatkan maklumat dari segi terma penyewaan tersebut. Berapa lama untuk saya dapat beri kepastian kepada Yang Berhormat tentang jawapan.

Yang Berhormat Kuala Krau mencadangkan supaya SPNB diberi peruntukan terutama untuk pelaksanaan projek kampung tradisional dan pembesaran kampung. Seperti mana Yang Berhormat maklum, pihak SPNB sekarang ini melaksanakan rumah mampu milik dan rumah mesra rakyat dan tidak terlibat secara langsung dalam

penyusunan semula kampung tradisional dan pembesaran kampung. Kita akan teruskan projek dari segi rumah mesra rakyat dan rumah mampu milik tersebut.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Masalahnya begini. Kita, di samping mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memberikan kelulusan untuk perumahan generasi kedua bagi FELDA di seluruh negara termasuk juga di kawasan Tenggara dan di Kuala Krau. Jadi, setelah generasi kedua dan ketiga FELDA ini mendapat perumahan yang baru bagi mereka ini, terdapat juga isu-isu yang generasi muda di kampung-kampung tradisional yang menghadapi masalah tidak mampu untuk memiliki rumah. Kita cadangkan dengan kos pembinaan rumah mampu milik atau rumah mesra rakyat yang dibina oleh SPNB ini lebih kurang RM65,000 bagi sebuah rumah. Ini mampu dimiliki oleh generasi kedua di kampung-kampung tradisional dengan potongan bulanan RM100 hingga RM150. Itu yang pertama.

Yang keduanya, apabila mereka ini tidak mampu untuk membina rumah yang lain dengan kewangan sendiri, mereka terpaksa meminjam dengan pihak institusi kewangan dan masalah syarat-syarat kelayakan mereka tersebut. Jadi, saya merayu sekali lagilah supaya SPNB secara bersepadu membina rumah mesra rakyat. Bukannya dari segi pembesaran kampung dan sebagainya tetapi tanah telah disediakan oleh kerajaan negeri bagi projek-projek pembesaran kampung. Cuma SPNB berbincang dengan kerajaan negeri melaksanakan perumahan mesra rakyat secara bersepadu. Maknanya satu kawasan yang 40 ekar, 100 ekar itu dibuat perumahan mesra rakyat. Itu maksud saya, Yang Berhormat Menteri. Mohon sangat. Saya merayu sekali lagi kepada pihak kerajaan supaya dapat dilaksanakan. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara]: Pohon laluan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan kepada persoalan yang dibangkitkan oleh rakan saya, Yang Berhormat daripada Kuala Krau. Saya amat bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Kuala Krau. Ini kerana sebagai contoh, dalam perbahasan saya pun saya ada sebut tentang tanah telah pun disediakan oleh kerajaan negeri seluas 60 ekar. Kemudian kita minta supaya SPNB dapat menggunakan konsep yang sama seperti mana yang telah dilakukan di Kota Tinggi untuk membina rumah-rumah bagi mangsa-mangsa banjir.

Konsep yang sama juga dengan jumlah RM75,000, RM45,000 ditanggung oleh peserta dan kemudian RM25,000 itu ke atas subsidi yang mungkin boleh diperuntukkan oleh kerajaan. Ini adalah sebagai satu penggalakan kepada sebuah kawasan perkampungan baru terutama seperti mana Yang Berhormat daripada Kuala Krau sebutkan kepada generasi-generasi muda yang ada di kawasan-kawasan kampung, yang mungkin secara tidak langsung akan dapat memberikan peluang kepada mereka untuk membangunkan diri. Secara tidak langsung juga akan mengurangkan penghijrahan generasi-generasi muda ke bandar-bandar besar dan sebagainya yang akhirnya tidak memberikan pulangan yang diharapkan oleh mereka.

Jadi, saya menyokong penuh kepada cadangan Yang Berhormat daripada Kuala Krau dan saya pohon kepada jasa baik dan kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri untuk mengambil kira perkara-perkara yang penting ini untuk rakyat. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil maklum atas cadangan Yang Berhormat Kuala Krau dan Yang Berhormat Tenggara kerana memang pihak SPNB seperti mana saya nyatakan tadi melaksanakan program rumah mampu milik dan juga rumah mesra rakyat. Perkara ini kita akan ambil tindakan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Wangsa Maju ada menyentuh mengenai dengan kereta. Untuk makluman Yang Berhormat, Khazanah mematuhi arahan yang telah diberikan oleh kerajaan iaitu menggunakan Proton Perdana. Manakala bagi GLC yang disenaraikan dalam Bursa, ia adalah tertakluk kepada keputusan ahli lembaga pengarah kerana pemegangan saham kita bukannya sampai 100%... Khazanah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis, Yang Berhormat?

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habislah, Yang Berhormat.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Saya telah minta soalan kepada Kementerian Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sudah di *conclude*. Sudah habis, ya.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *Yes but he does not answer my question.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 24 Mac 2011.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.07 petang.